

**KEUTUHAN
PERPADUAN
MELAYU DALAM
ARUS
MODERNISASI**

PRAKATA

Perpaduan seringkali dijadikan isu dalam masyarakat yang berbilang bangsa. Ini kerana setiap bangsa mempunyai prinsip kepercayaan, agama dan budaya hidup yang berbeza. Namun begitu, semangat toleransi dan perpaduan yang diamalkan dapat mematahkan apa jua halangan yang boleh memecahbelahkan sesuatu masyarakat. Banyak pepatah Melayu yang sering dikaitkan dengan perpaduan. Antaranya seperti bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat dan juga muafakat membawa berkat.

Di Malaysia, perpaduan dicapai melalui sistem pendidikan dan sistem pentadbiran yang adil. Sistem pendidikan di Malaysia telah mendidik masyarakat Malaysia mengenai perpaduan. Subjek Sejarah, mengingatkan masyarakat tentang kisah silam yang berlaku di Tanah Melayu akibat tidak ada perpaduan seperti peristiwa 13 Mei 1969. Pentingnya perpaduan menjadi satu iktibar bagi pentadbiran negara, pengenalan Rukun Negara dan penubuhan sekolah wawasan juga menjadi titik permulaan pentingnya perpaduan di pupuk di peringkat akar umbi lagi. Bahkan, dengan sistem pendidikan, masyarakat Malaysia telah maju dalam pelbagai bidang. Antara bidang yang sering diterokai oleh usahawan Melayu adalah sektor sektor perniagaan runcit, pasaraya, tekstil, perladangan dan pembinaan. Industri keusahawanan juga dikuasai oleh usahawan Melayu. Masakan masyarakat tidak kenal dengan Tan Sri Bukhari dan Tan Sri Mydin. Mereka ini usahawan yang berjaya dalam sektor perniagaan yang mereka ceburi. Mereka ini mempunyai cara tersendiri untuk menguruskan perniagaan mereka. Ini membuktikan usahawan Melayu boleh berjaya dalam dunia perniagaan. Secara tidak langsung ianya membantu ekonomi negara. Malah segelintir daripada rakyat Malaysia ada yang bekerja di luar negara dalam bidang profesional seperti perubatan dan fesyen.

Buku ini memaparkan pemikiran kritis para akademik mengenai perpaduan masyarakat Melayu dari pelbagai sudut yang difikirkan perlu untuk diketengahkan. Perpaduan dari pelbagai sudut seperti keusahawanan, kepimpinan untuk mentadbir pentadbiran negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa serta membincangkan mengenai pemimpin-pemimpin Melayu yang tershor dalam memodenkan Malaysia dan pada masa

yang sama menitikberatkan perpaduan yang diamalkan dalam sistem pentadbiran negara. Pada masa yang sama para pengarang juga tidak lupa untuk membincangkan perihal institusi beraja, bahasa Melayu dan agama Islam yang melambangkan jati diri anak Melayu malah sebagai tunjang perpaduan bagi segenap lapisan masyarakat Malaysia. Selain itu juga penulisan juga berkisar kepada perpaduan yang boleh dicapai melalui sistem pendidikan di negara ini. Turut dipaparkan juga isu-isu kontemporari lain yang berkaitan dengan perpaduan.

Adalah diharapkan penampilan buku ini berjaya menyampaikan maklumat kepada segenap lapisan masyarakat mengenai perpaduan masyarakat Melayu. Mungkin tidak ramai yang mengetahui isu-isu perpaduan yang telah diperjuangkan dan diamalkan oleh masyarakat Melayu. Nah, inilah masa yang sesuai untuk mengetahui tentang segala hal tersebut melalui karya para akademik yang ingin berkongsi mengenai kehebatan semangat perpaduan masyarakat Melayu di Malaysia dalam pelbagai bentuk fakta.

Walaupun bagaimanapun, karya di dalam buku ini hanya sebahagian dari kejayaan masyarakat Melayu dan masih ada banyak lagi yang boleh diterokai.

Takkan Melayu Hilang di Dunia!!!!

Selamat Membaca dan Menambah Ilmu!

Johor, Melaka, Selangor, Malaysia

Disember 2012

Pengarang

SUHANA MOHAMED

MUHARRATUL SHARIFAH SHAIK ALAUDEEN

NORHAYATIE RAMLEE

KANDUNGAN

Prakata		2
BAB 1	Perpaduan Melayu <i>Norlina M. Ali, Rafedah Sobiren dan Suhana Mohamed</i>	5
BAB 2	Sumber Perpaduan Melayu <i>Zuraidah Ahmad dan Suzainah Rahmat</i>	14
BAB 3	Isu-Isu Kontemporari Dalam Perpaduan <i>Rafedah Sobiren, Nur Hanee Mohamad dan Suhana Mohamed</i>	33
BAB 4	Hubungan Islam Dalam Masyarakat Melayu <i>Nor Khadijah Mohd Azhari dan Rafedah Sobiren</i>	51
BAB 5	Kepentingan Pendidikan Sejarah <i>Nur Hanee Mohamad dan Nooririnah Omar</i>	61
BAB 6	Kesenian dan Kebudayaan <i>Norhayati Omar, Nor Fazlin Uteh dan Zuliana Zoolkefli</i>	73
BAB 7	Sekolah Wawasan: Medium Perpaduan Nasional <i>Norhasniza Mohamad Hasan Abdullah dan Rohana Sham</i> <i>dan Norhayati Ramlee</i>	81
BAB 8	Perpaduan Kaum Dan Polisi Kerajaan <i>Shaherah Abdul Malik, Mariani Marming dan</i> <i>Erwinhirma Sahir</i>	96
BAB 9	Perpaduan Mengukuhkan Ekonomi Negara <i>Wan Munirah Wan Mohamad dan Nor Khadijah Mohd Azhari</i>	109
Biografi Penulis		119

BAB 1

PERPADUAN MELAYU

Norlina M Ali

Rafedah Sobiren

Suhana Mohamed

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan, perkataan perpaduan berasal daripada kata akar “padu”, iaitu yang bermaksud bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat, berunding dengan bersungguh-sungguh. Dengan kata lain, perpaduan membawa maksud kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum mestilah bersatu hati dalam pelbagai menyelesaikan masalah, bermuafakat dalam pelbagai hal, bekerjasama di antara satu sama lain dan juga berunding untuk menyatukan dan menjadi satu bangsa yang kuat.

Perpaduan adalah satu perkara yang baik dan harus dialu-alukan dalam masyarakat kita terutamanya masyarakat Melayu. Di Malaysia, kita mengamalkan dan mempunyai perpaduan yang kukuh antara semua lapisan masyarakat termasuklah Cina, India dan sebagainya. Harus diingatkan bahawa perpaduan yang ingin dikecapi adalah perpaduan untuk bangsa Melayu secara menyeluruh dan bukannya untuk sebuah kumpulan Melayu semata-mata.

Konsep 1 Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. 1 Malaysia merupakan amanat yang diberikan oleh Perdana Menteri kita iaitu Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abd Razak yang mesti kita patuhi dan laksanakan. 1 Malaysia menyatukan semua masyarakat di mana ia tidak mengira lapisan masyarakat dan juga merupakan impian Dato' Sri Mohd Najib kepada kita semua. Merujuk kepada konsep 1 Malaysia diilhamkan oleh Dato' Sri Mohd Najib, konsep ini merupakan satu formula bagi membantu merealisasikan impian negara iaitu mencapai Wawasan 2020. Jika konsep ini diamalkan dan disematkan dalam sanubari rakyat Malaysia, pastinya kita akan mencapai Wawasan 2020. Konsep 1 Malaysia juga menekankan sikap penerimaan di dalam kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat Malaysia.

Pentingkah Perpaduan?

Perpaduan adalah penting bagi mewujudkan keamanan sesebuah negara. Perpaduan bukan sahaja perlu diamalkan antara kaum malahan di antara kaum itu sendiri. Banyak contoh yang boleh kita lihat hari ini bagaimana sesebuah negara boleh hancur disebabkan oleh rapuhnya perpaduan di kalangan rakyatnya. Sebagai contohnya ialah negara Iraq di mana perpecahan di kalangan penduduk (puak Sunni dan Syiah) telah membuka ruang dan peluang kepada tentera penceroboh untuk masuk campur dan juga memporak-perandakan negara tersebut. Pertumpahan darah juga sering berlaku di negara ini. Bilakah agaknya negara ini akan aman seperti sediakala? Adakah kita mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di negara ini?

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, perpecahan yang hampir serupa hampir berlaku. Satu puak menyokong Tun Perak, manakala satu puak lagi menyokong Tun Ali. Pada ketika itu, Sultan Melaka menyedari akan perpecahan sedemikian jika berterusan akan merosakkan negara dan juga perpaduan orang Melayu. Lalu baginda telah bertindak dengan bijak bahkan telah mengorbankan kepentingan peribadinya demi perpaduan bangsa. Apa

yang dilakukan oleh baginda itu tidak sia-sia berlaka. Orang Melayu ketika itu telah bersatu semula dan Melaka telah berjaya mengatasi ancaman dan serangan tentera Siam.

Masih Boleh Digunapakaikah Perkataan Perpaduan Melayu Dalam Peredaran Arus Kemodenan Hari Ini?

Pada zaman arus kemodenan hari ini yang berkonsepkan dunia tanpa sempadan atau dalam kata lain ialah era globalisasi, perpaduan Melayu semakin hari semakin menuju ke arah perpecahan. Apa yang dikatakan sebagai perpaduan bangsa semakin jauh ditinggalkan. Kenapa saya berkata sedemikian rupa? Hari ini, umat Melayu kerap bercakaran antara satu sama lain. Bersikap seperti anjing dengan kucing. Mereka sebenarnya sedar percakaran ini hanya akan memberi manfaat dan keuntungan kepada bangsa yang lain. Namun begitu, mereka tetap bercakaran demi kepentingan masing-masing daripada kepentingan bangsa sendiri. Adakah kita perlu sekali dijajah oleh bangsa asing? Adakah kita perlu sekali lagi melalui zaman keperitan sebelum zaman kemerdekaan? Perlu diingatkan bahawa, jika peristiwa ini berulang kembali, ia tidak akan berlaku untuk tempoh sehari dua tetapi mungkin akan berlarutan sehingga beberapa abad. Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berasa bersyukur dengan kemakmuran dan keamanan negara kita. Jika dibandingkan dengan negara-negara yang masih berperang di luar sana, mereka sentiasa dirundum dengan kegelisahan dan kemarahan yang berterusan.

Selain itu, perkataan *Perpaduan Melayu* adalah perkara sensitif untuk dibincangkan secara umum. Pada zaman sebelum kemerdekaan, rakyat Melayu ketika itu sentiasa bermusuhan sesama sendiri, tidak percaya kepada kaum sendiri. Kenapa perkara sebegini terjadi? Mungkin rakyat Melayu pada ketika itu, tidak mengenal erti perpaduan yang membawa maksud tolong-menolong antara satu sama lain, bersatu hati dalam semua perkara, dan juga berjuang demi mempertahankan tanah air. Tidak kurang pula perasaan kurang yakin dalam bekerjasama antara satu sama lain.

Mengimbau peristiwa pahit 13 Mei 1969 merupakan satu titik hitam dalam sejarah Malaysia. Peristiwa rusuhan kaum memberi pengajaran yang besar kepada kerajaan untuk mengatasi masalah pertembungan antara etnik-etnik di Malaysia. Selepas berlalunya Peristiwa 13 Mei, pemimpin-pemimpin Melayu lebih sedar dan tegas dalam Semangat Perjuangan Melayu. Sehubungan dari peristiwa tersebut, kita dapat melihat beberapa undang-undang baru telah dilaksanakan bagi memperbaiki dan memajukan kedudukan orang Melayu dalam semua bidang.

Berdasarkan petikan dari Zainal Abidin iaitu “Semangat Perjuangan Melayu”, kita sedang menghadapi cabaran yang hebat. Semakin jauh kita beredar dari peristiwa Mei 13, semakin kita alpha kepada pengajarannya. Sebagai contohnya;

- i. Desakan untuk mendirikan Universiti Merdeka
- ii. Peningkatan Kolej Tunku Abdul Rahman ke taraf Universiti
- iii. Mendirikan cawangan-cawangan KTAR
- iv. Kemasukan pelajar-pelajar bukan Melayu ke Universiti – universiti di Malaysia
- v. Usaha-usaha untuk menonjolkan unsur-unsur kebudayaan yang bukan asli kepada Malaysia
- vi. Ketidaklaksanaan dasar-dasar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan; sebaliknya tekanan terhadap orang-orang yang cuba melaksanakan dasar Kerajaan sendiri
- vii. Terasnya wujud suasana ketidakadilan seperti:
 - a. Yang cuba menjalankan tugas dengan betul dan tegas menghadapi kesulita seperti fitnah;
 - b. Yang pandai berpura-pura dan bermuka-muka mendapat tempat;
 - c. Yang berani menyatakan kebenaran menerima tekanan;
 - d. Yang diuketahui rasuah tetapi tidak menentang, akan dapat hidup ‘selamat’;
 - e. Yang menyeleweng tetapi penting dari segi politik, mendapat peluang.

Perkara-perkara yang berlaku sebegini boleh menjelaskan Semangat Perjuangan Melayu, perpaduan Melayu dan juga masa depan negara kita. Maka di sini, kita sebagai orang Melayu yang berpendidikan seharusnya memperjuangkan hak kita supaya tidak diceroboh dan diambil oleh bangsa lain. Sedarlah wahai umat Melayu bahawa jika kita hidup dalam kealpaan, kita akan dijajah oleh bangsa lain. Jika perkara sedemikian rupa berlaku, di manakah hak keistimewaan orang Melayu ketika itu? Boleh kita pulihkan dan kembalikan hak keistimewaan orang Melayu pada ketika itu? Rasanya tidak terlewat lagi untuk kita sedar dan bangun dari lamunan yang panjang. Jangan pula sudah terhantuk baru terngadah.

Di sini, ingin saya kongsi bersama berkenaan perkara sekiranya berlaku “Kemasukan pelajar-pelajar bukan Melayu ke Universiti – universiti di Malaysia”. Di Malaysia, jika dilihat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan pengajian kepada pelajar-pelajar bumiputra adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sekiranya berlaku kemasukan pelajar-pelajar bukan bumiputra ke UiTM apakah yang akan terjadi kepada hak-hak keistimewaan orang bumiputra? Adakah hak-hak keistimewaan tersebut akan dikongsi bersama dengan orang bukan bumiputra? Sedarlah wahai orang bumiputra, Universiti sebegini ditubuhkan bagi membantu orang Melayu supaya lebih berpendidikan dan juga peluang untuk lebih maju berbanding bangsa-bangsa lain. Tetapi persoalan di sini, adakah anak-anak kita di luar sana sedar akan permasalahan sedemikian rupa. Diharap, suatu hari nanti akan ada insan yang akan menyedarkan mereka betapa pentingnya perpaduan di kalangan orang Melayu.

Wasiat Tun Dr. Mahathir Demi Perpaduan Melayu

Apakah wasiat Tun Dr. Mahathir kepada rakyat Malaysia berkenaan perpaduan Melayu? Menurut petikan Utusan Malaysia, 24 September 2012, Tun Dr. Mahathir berkata "Saya sedih. Bukanlah saya berharap kerana kesedihan saya akan menarik simpati sesiapa. Hanya saya ingin menyatakan perasaan saya, perasaan apabila melihat kaum bangsa saya, orang Melayu, begitu sekali tidak tahu bersyukur, begitu sekali mudah lupa, begitu sekali mudah dipengaruhi dan diperalat oleh orang lain sehingga sanggup memburukkan bangsa sendiri."

Walaupun Tun Dr. Mahathir telah meninggalkan tampuk pemerintahan negara hampir 9 tahun lalu, tetapi beliau masih tidak jemu-jemu mengingatkan orang Melayu betapa pentingnya perpaduan. Tetapi adalah kita semua sedar akan nasihat yang ditinggalkan oleh beliau kepada kita? Adakah kita mengamalkan apa yang telah diberitahu oleh beliau berkenaan perpaduan? Namun begitu, nasihat beliau sedikit sebanyak telah membuka mata hati kita semua yang semakin lupa terhadap kepentingan perpaduan di kalangan umat Melayu.

Dilihat pada kesedihan dan kebimbangan Tun Dr. Mahathir terhadap nasib orang Melayu yang semakin lemah kuasa politik disebabkan oleh perpecahan dan perbezaan politik menjadi satu isu yang hebat diperkatakan pada hari ini. Ini menunjukkan segala nasihat dan pesanan yang diberikan oleh beliau umpama masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Apa sudah jadi dengan rakyat kita pada hari ini? Adakah kita terlalu alpa dengan kemewahan dan kuasa yang dimiliki selepas kemerdekaan?

Pada hari ini, majoriti orang Melayu dilahirkan selepas kemerdekaan. Golongan ini tidak pernah merasakan kesengsaraan dan kesukaran bagi mengecapi nikmat kemerdekaan. Apa yang mereka tahu adalah kesenangan yang diberikan oleh ibu bapa mereka selepas dilahirkan. Persoalan di sini, adakah mereka tahu apakah erti sebenar perpaduan Melayu?

Dewasa ini, kita sering mendengar teguran dan kritikan bagaimana hendak memperkukuhkan dan menguatkan perpaduan orang Melayu. Tetapi apa yang kurang di sini adalah usaha untuk melaksanakan apa yang telah diamanatkan oleh Tun Dr. Mahathir sendiri. Beliau sendiri telah melalui zaman di mana beliau melihat sendiri bagaimana bangsa Melayu dihina di atas kebodohan dan tidak bersatu padu. Tambahan beliau, generasi hari ini tidak mendalami sejarah yang lalu. Apa yang mereka tahu adalah membaca sejarah bukannya menyelami dan mendalami apa yang dimaksudkan dengan sejarah itu sendiri. Bukakanlah minda orang Melayu untuk terus mendalami kisah-kisah pahit jerih nenek moyang kita bagaimana mereka mengecapi kemerdekaan.

Perkara berkenaan perpaduan melayu bukan hanya diluahkan oleh bekas perdana menteri kita tetapi perkara ini juga mendapat perhatian oleh Timbalan perdana menteri; Tan Sri Muhyiddin Yassin. Berdasarkan petikan akbar Sinar Harian, 9 Jun 2012, Timbalan Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata “rakyat Malaysia tidak boleh menolak hakikat bahawa kelangsungan masa depan negara bergantung kepada perpaduan orang Melayu dan umat Islam sebagai umat majoriti di negara ini. Tambahan beliau lagi, sekiranya umat Islam berpecah-belah semata-mata kerana berbeza pandangan politik atau mempunyai fahaman yang berlainan mengenai hal yang berkait dengan soal asas dalam agama, maka perpaduan dan keamanan negara secara keseluruhannya sukar untuk dicapai. Oleh itu saya berpandangan bahawa usaha memperkukuhkan perpaduan ummah adalah sesuatu yang amat penting dalam menentukan kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara kita.”

Berdasarkan petikan di atas, jelas terbukti bahawa pemimpin-pemimpin negara mereka kita masih membimbangi perpaduan umat Melayu pada hari ini. Pelbagai nasihat telah dilontarkan kepada kita semua. Tun Dr. Mahathir sendiri telah berkali-kali menasihatkan kita supaya orang Melayu tidak mengkhianati bangsa sendiri. Jangan berpecah, kelak membinasakan masa depan bangsa. Apa yang dilontarkannya dahulu, semakin hari kian ketara kesan perpecahan umat Melayu, ditambah pula faktor cubaan campur tangan kuasa asing.

Kesimpulan di sini, perpaduan bermaksud bersatu padu bagi menentang anasir-anasir yang tidak baik demi kepentingan segajat. Bersama-sama kita umat Melayu bersatu hati menjaga keamanan dan kemakmuran negara. Diharap umat Melayu akan mendengar nasihat yang telah diberikan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu dan kini bagi merealisasikan segala nasihat yang telah ditinggalkan kepada generasi hari ini. Semoga keamanan negara akan tercapai dengan jayanya.

Rujukan

Jurnal

Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "Semangat Perjuangan Melayu", UKM Journal Article Repository. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/531/1/1.pdf>

Bahan dari Internet

<http://www.1Malaysia.com.my>

Kamus Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia. Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=perpaduan&d=10>

Buku

Nik Hassan Shuhaimi Bin Nik Abdul Rahman, Muhd. Yusof Bin Ibrahim, Muhammad Bukhari Bin Ahmad, Rosnanaini Binti Sulaiman (2010), Sejarah Tingkatan 4, Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia

Surat khabar

9 Jun 2012, Sinar Harian, TPM: Perpaduan Melayu, Muslim penentu masa depan Malaysia

24 September 2012, Utusan Malaysia, Wasiat Dr. Mahathir Demi Perpaduan Melayu

BAB 2

SUMBER PERPADUAN MELAYU

Zuraidah Ahmad

Suzainah Rahmat

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Ia wujud hasil impak daripada zaman penjajahan kolonial British yang telah melakukan campurtangan dalam struktur sosio-politik masyarakat Melayu tradisi. Di samping itu kewujudan masyarakat majmuk di negara ini adalah berpunca dari faktor migrasi golongan masyarakat khususnya dari Tanah Besar China dan India yang menjadi sumber buruh kepada pihak Inggeris untuk mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah dan pengeluaran getah di Tanah Melayu. Mengikut pandangan Furnivall (1948), konsep masyarakat majmuk merujuk kepada masyarakat yang dicirikan dengan perpecahan tetapi dalam masyarakat majmuk perbezaan yang wujud dari segi ras dan etnik itu selari dengan perbezaan ekonomi sehingga ketegangan dan ketidakstabilan lebih mudah berlaku.

Oleh hal demikian, soal perpaduan dan hubungan di antara kaum merupakan agenda penting negara dalam memastikan kestabilan politik sentiasa terjamin. Dengan berlakunya tragedi 13 Mei 1969, ianya sebagai tanda peringatan kepada kaum Melayu terutamanya bagi terus mempertahankan perpaduan di kalangan kaum Melayu dan kaum-kaum lain kerana kaum Melayu merupakan yang terbesar bilangannya berbanding dengan kaum yang lain. Nilai perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum juga harus dipertahankan agar ia dapat mengekalkan keharmonian kaum.

Oleh itu, untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia perlulah bermula dari akar umbinya. Dengan demikian, kaum yang menjadi majoriti di Malaysia adalah bangsa Melayu di mana ia menjadi tunjang kepada pembangunan negara. Jika kukuhnya ikatan semangat perpaduan dan kerjasama dikalangan bangsa Melayu, kaum-kaum lain juga akan turut serta sama-sama memakmurkan tanah air tercinta. Negara Malaysia akan terus makmur, maju dan hidup dalam keadaan aman damai.

Dengan demikian, bagi terus mengukuhkan perpaduan Melayu, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar adalah penting bagi memartabatkan bangsa Melayu sehingga ke peringkat antarabangsa. Sebagai contoh pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas dalam sektor perdagangan sehingga ke pelosok dunia. Selain itu, agama Islam juga telah dimartabatkan sebagai agama rasmi negara sejak sekian lama dari zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pengislaman Raja Kecil Besar sekitar awal abad ke 15 Masehi menjadi titik tolak kepada permulaan kerajaan Islam dan telah menjadi sangat hebat ketika pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dan berterusan sampai sekarang. Selain itu, sistem beraja yang diguna pakai sejak Kesultanan Melayu Melaka masih mengekalkan orang Melayu mesti berada diperingkat atas sebagai pemimpin utama. Bagi memartabatkan bangsa dan kekuasaan Melayu, sistem beraja perlu dikekalkan bagi mendaulatkan bangsa Melayu agar sentiasa dihormati.

Islam sebagai agama rasmi sejak sekian lama telah menyatukan rumpun melayu dimana ianya berkembang dengan begitu cepat berbanding agama lain. Seruan Islam yang mentauhidkan Allah yg Esa telah berjaya memikat pelbagai lapisan masyarakat sehingga melakar sejarah yang menakjubkan apabila menjadi majoriti agama kedua terbesar di dunia dengan populasi 1.5 bilion walaupun baru berusia lebih kurang 1,400 tahun (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 17 Mei 2009).

Justeru, keadilan dalam Islam bukannya melayan semua tuntutan sehingga semuanya mendapat sama rata dan sama rasa atau setiap orang mendapat satu bahagian. Tetapi keadilan adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Islam boleh memberikan keadilan, tetapi bukannya sama rata dan sama rasa. Adakalanya, jika seorang mendapat dua bahagian dan seorang mendapat satu bahagian maka ia sudah dikira adil (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010). Ini menunjukkan Islam mengajar setiap manusia supaya tidak menjadi tamak atau

mementingkan diri sendiri dalam apa jua perkara yang dilakukan. Dengan segala prinsip-prinsip keislaman ini, orang Melayu dapat bersatu padu tanpa mengira darjat dan pangkat.

Latar Belakang Negara Malaysia

Gagasan 1 Malaysia merupakan agenda untuk membina negara Malaysia dengan berasaskan keutamaan, dimana matlamatnya adalah perpaduan tanpa mengorbankan prinsip dan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Malaysia. Walaupun Gagasan 1 Malaysia ini dikhaskan untuk perpaduan tiga kaum utama iaitu bangsa Melayu, Cina dan India tetapi ia masih menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan Islam sebagai agama rasmi negara. Dari perspektif lain, kita dapat melihat dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, institusi beraja dan agama Islam sebagai agama rasmi, secara tidak langsung ia menjadi titik tolak kepada teras perpaduan bangsa Melayu itu sendiri samada secara sedar atau tidak sedar. Dengan ini, Melayu sejagat haruslah rasa bertanggungjawab untuk menjaga perpaduan yang sekian lama telah terpelihara. Gagasan 1 Malaysia laksana sebuah bahtera yang perlu dilayari secara bersama dan harmoni untuk mencapai matlamatnya.

Daripada Nu'man bin Basyir r.a, Nabi Muhammad S.A.W. bersabda yang bermaksud:

“Perumpamaan mereka yang berada dalam batasan sempadan (agama) Allah dan mereka yang terjerumus ke dalamnya adalah seperti kaum yang mengundi untuk mendapatkan tempat masing-masing dalam sebuah kapal, antara mereka ada yang dapat di tingkat atas kapal dan sebahagian lain beroleh di tingkat bawah. Mereka yang berada di bawah akan melalui yang berada di bahagian atas untuk mengambil air, mereka berkata sekiranya kita tebuk saja tempat kita ini kita tidak perlu mengganggu mereka (yang di atas lagi). Sekiranya dibiarkan mereka laksanakan cadangan tersebut, maka akan binasalah sekalian penumpang, dan kalau dicegah rancangan itu akan selamatlah mereka dan penumpang semuanya.”

(Riwayat Imam Bukhari)

Kesimpulannya adalah kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian sejagat adalah kewajipan dan tanggungjawab bersama untuk menjaga dan memelihara agar sentiasa bersatu

padu dalam memelihara kesatuan Melayu. Pemimpin negara adalah nakhoda kapal manakala rakyat yang didahulukan berperanan untuk memberikan sokongan dan mengingatkan nakhoda tersebut. Dengan kerjasama yang diberikan, maka nakhoda bersama anak-anak kapal (rakyat) akan terus belayar ke tempat yang dituju dengan selamatnya.

Pertama, jika suatu keputusan tersilap dilakukan, ia boleh memusnahkan ke semuanya. Kedua, jika perancangan yang dilakukan tidak rapi atau tersalah perancangan, ke semua pihak tidak harus membiarkannya sahaja malah harus perbetulkan kesilapan tersebut. Ketiga, tidak ada dalam agama itu bersikap mementingkan diri sendiri kerana perlu saling tolong-menolong antara satu sama lain di dalam menyelesaikan masalah. Keempat, orang Islam itu saling bersaudara maka haruslah mempunyai perasaan untuk bertanggungjawab sesama umat. Kelima, dengan adanya kewajipan ‘amar makruf’ dan ‘nahi mungkar’, maka kaum Melayu tidak boleh mengabaikannya untuk memastikan kesejahteraan ummah. Keenam, pihak berkuasa juga perlu bertanggungjawab terhadap kesejahteraan umat dengan melakukan perancangan yang tepat, tegas dan hikmah. Contohnya salah satu tonggak ketuanan Melayu adalah dengan wujudnya ‘*Askar Melayu Diraja*’ dimana peranan badan beruniform ini sebagai benteng terakhir negara di dalam memastikan kedaulatan dan perpaduan orang-orang Melayu terjamin.

Dengan ini, jika semua orang-orang Melayu memahami dan mendalami Islam dengan baik, menghormati kepimpinan diraja dan menjadikan bahasa Melayu sebagai sumber komunikasi dalam penyatuan bangsa Melayu, maka perpaduan Melayu akan terus mekar dan menjadi hebat seperti zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Walaubagaimanapun, di zaman yang serba moden dan canggih ini, masih lagi wujud orang Melayu yang tidak tahu berbahasa Melayu atau tidak fasih untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu malah lebih bangga menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar atau sebagai bahasa ibunda. Paling menyedihkan masih ramai anak-anak muda hari ini tidak mendalami dan tiada penghayatan agama Islam dengan baik. Justeru, tidak hairanlah pada zaman era moden seperti hari ini, ramai anak-anak muda yang tidak memahami pentingnya bahasa Melayu kepada negara dan pentingnya penghayatan agama Islam yang baik sebagai suatu penyatuan ummah bagi kesatuan dan perpaduan orang Melayu.

Peranan Institusi Diraja Dalam Membentuk Perpaduan

Sistem Beraja ialah sistem pemerintahan yang tertua di dunia, ia dipercayai wujud sejak 3000 tahun dahulu. Orang Melayu secara khususnya telah berabad lamanya diperintah berdasarkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu. Menurut sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam semua urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh para pembesar negeri khususnya semasa era jajahan British.

Menurut *Datuk Shamsul Amri Baharuddin (2007, hal 109)*, Raja-Raja Melayu masih diiktiraf sebagai pemerintah yang berdaulat dan berkuasa penuh di negeri masing-masing semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Namun, raja-raja mesti menerima nasihat Residen British dalam semua perkara kecuali adat istiadat Melayu dan agama Islam dan berlanjutan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Selepas pendudukan Jepun, British memperkenalkan Malayan Union di mana kuasa raja-raja dihapuskan. Tetapi ia telah mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu seterusnya kuasa raja-raja Melayu dikembalikan semula di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Kesultanan Melayu adalah satu manifestasi, iaitu lambang keagungan tamadun bangsa (*Raja Nazri Shah, 2011*). Kedatangan orang Eropah telah mengubah sistem politik tradisional orang Melayu, berpegang kepada sistem beraja mutlak kepada sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Sesungguhnya sejarah mencatatkan Istana Raja Melayu itu dahulu berperanan sebagai pusat berkembangnya tamadun bangsa. Dalam Perkara 153 yang mana ia meletakkan Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk melindungi dan memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Kesultanan Melayu merupakan elemen penting dalam masyarakat Melayu. Menurut *Raja Nazrin Shah (2011)*, Raja Melayu itu adalah institusi penting warisan bangsa Melayu. Institusi beraja merupakan simbol kepada lembayung keamanan bagi penyatuan orang Melayu. Dalam konteks institusi beraja, raja adalah seorang ketua dimana jemaah akan wujud apabila adanya ketua. Tanpa ketua tidak ada jemaah dan tanpa jemaah tidak ada bantuan Allah. Selagi kita berada dalam jemaah maka selagi itulah kita mendapat keberkatan dan bantuan Allah. Walaupun negara Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan, tetapi Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung (SPBYDPA) adalah ketua negara.

SPBYDPA adalah diibaratkan sebagai *Waliyul Amri* atau Ketua Negara dan beliau melantik Perdana Menteri untuk mentadbir negara.

Sebagai ketua negara SPBYDPA adalah lambang keamanan negara dan apabila berlaku perselisihan diantara rakyat yang berbagai kaum maka taat kepada SPBYDPA adalah jalan untuk mewujudkan keamanan. Keamanan dalam negara tidak dapat diwujudkan jika tidak ada ketaatan kepada SPBYDPA. Mentaati keputusan yang telah diambil oleh SPBYDPA adalah amalan agama kerana SPBYDPA adalah *amir* untuk seluruh rakyat dinegara ini. Seluruh rakyat Malaysia samada yang beragama Islam atau tidak perlu mentaati keputusan yang telah diambil oleh SPBYDPA kerana keputusan itu diambil setelah SPBYDPA bermesyuarat dengan semua raja dan pembesar negara. Taat kepada *amir* adalah agama dan melanggar perintah *amir* adalah berdosa kerana ketua adalah tonggak kepada perpaduan dan keamanan.

SPBYDPA adalah ketua negara dan negara akan aman hanya apabila SPBYDPA ditaati dan negara akan maju apabila Perdana Menteri ditaati. Walaupun mempunyai pandangan yang berbeza namun apabila SPBYDPA telah membuat keputusan setelah bermesyuarat dengan raja-raja dan pembesar negara maka wajib mentaatinya. Apabila keputusan telah diambil oleh SPBYDPA maka kita hendaklah melupakan semua pandangan yang kita ada dan menganggap keputusan yang dibuat oleh SPBYDPA adalah juga keputusan kita. Justeru, ini menunjukkan kuasa orang-orang Melayu masih berada di peringkat atasan. Dengan pemerintahan yang sedia ada, jika bangsa Melayu mempunyai semangat yang jitu maka tidak hairanlah sekiranya bangsa Melayu terus boleh bersatu hati dan maju ke hadapan. Secara amnya, jika seluruh rakyat Malaysia berkelakuan seperti ini samaada yang beragama Islam atau tidak, negara kita akan terus aman dan sejahtera. Dengan demikian, pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar. Melalui pembangunan yang moden, sejajar dengan kemajuan sains dan teknologi rakyat dapat menikmati hidup yang baik dan sempurna seiring dengan ajaran Islam.

Oleh itu, peranan SPBYDPA amat penting sebagai ketua negara dan mentaati keputusan SPBYDPA adalah jalan yang terbaik dan selamat untuk menjamin kesejahteraan negara selamanya. Semua urusan, pandangan, cadangan yang dilakukan oleh SPBYDPA merupakan asas kepada perpaduan bangsa Melayu kerana setiap keputusan yang dijalankan oleh Seri Paduka Baginda dan raja-raja Melayu akan menitik beratkan hal-hal kemajuan

orang Melayu. Dengan kemajuan yang diperoleh, orang Melayu akan bergerak ke hadapan, berani menempuh sebarang cabaran dan saling bekerjasama. Dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, orang Melayu juga akan di pandang tinggi oleh kuasa-kuasa asing di mana mereka juga tidak berani untuk campurtangan dalam urusan pentadbiran dan juga tidak berani untuk bersuara lantang bagi meluahkan rasa ketidakpuasan hati. Disinilah pentingnya kuasa-kuasa raja Melayu dalam membentuk perpaduan Melayu di bumi Malaysia yang berbilang kaum. Untuk jangka masa panjang, orang Melayu sendiri harus sedar dan menyokong segala perancangan yang dilakukan oleh Seri Paduka Baginda dan raja-raja Melayu terutamanya dalam membentuk perpaduan Melayu kerana kaum-kaum lain tidak boleh rasa ketidakpuasan hati berkaitan hal-hal keistimewaan orang-orang Melayu.

Ketaatan kepada raja dan negara akan dapat memupuk persefahaman ke arah perpaduan. Hal ini telah dikupas oleh *Profesor Harry Groves (1964)*, mendapati bahawa pemerintahan beraja memberikan satu simbol perpaduan yang ketara dalam sesebuah negara. Kerasionalan ini disokong lagi oleh kata-kata Perdana Menteri, *Datuk Seri Najib (2010)* bahawa sistem pemerintahan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara telah mewujudkan keamanan dan kestabilan politik sejak merdeka. Selain itu, ia menjadi simbol penting bagi survival orang-orang Melayu. Tambahnya lagi, kewujudan sistem beraja dengan sendirinya menekankan ciri-ciri kemelayuan.

Perpaduan dikalangan bangsa Melayu sangat penting kerana ia tunjang kepada negara Malaysia yang menjadi majoriti kaum selain Cina dan India. Jika perpaduan Melayu menjadi goyah dan tidak utuh lagi, negara Malaysia tidak akan berada dalam aman dan sejahtera. Pada masa ini, kuasa-kuasa asing akan berani campur tangan dalam sosio politik orang-orang Melayu dan sudah tentu hak-hak keistimewaan orang Melayu akan hilang dan lenyap begitu sahaja. Kemungkinan besar negara akan sentiasa dilanda dengan pemberontakan dan rusuhan.

Contoh pada masa kini antara hak keistimewaan orang-orang melayu yang masih kekal dan terjaga adalah institusi pendidikan tinggi Universiti Teknologi MARA (UiTM) dimana setiap tahun universiti ini mengeluarkan beribu-ribu graduan bumiputra yang berilmu dan berpengetahuan tinggi yang majoritinya adalah bangsa Melayu. Mereka ini menjadi pelopor dan generasi baru untuk menjaga keamanan negara dan membangunkan negara pada masa akan datang. UiTM adalah satu-satunya universiti di bawah naungan Seri Paduka Baginda dimana perpaduan orang Melayu dapat disemai dan dibajai dari peringkat akar umbi.

Di bawah naungan Seri Paduka Baginda, hak-hak keistimewaan orang Melayu terutamanya akan terus terjamin. Ini menunjukkan pentingnya institusi diraja bagi menjamin perpaduan orang Melayu. Walaupun terdapat '*suara-suara sumbang*' yang mempertikaikan kewibawaan UiTM dan hak sama rata yang harus diberikan juga pada kaum lain seperti hak untuk mendapat pendidikan di UiTM atas prinsip kesaksamaan sebagai rakyat Malaysia tidak dilayan sama sekali. Mereka mahu agar kekayaan negara dibahagi sama rata dan semua orang mempunyai peluang yang sama untuk menjadi kaya dan berkuasa. Seri Paduka Baginda tidak memperkenankan cadangan tersebut malahan UiTM akan terus kekal dipelihara dengan baik dibawah naungan baginda. Pihak lain tidak layak mempertikaikan segala undang-undang yang telah digubal dibawah Majlis Raja-Raja bersama Seri Paduka Baginda. Inilah pentingnya peranan raja-raja Melayu dalam mempertahankan hak-hak Melayu dan menjaga perpaduan Melayu.

Walaubagaimanapun, kerana perpecahan kaum Melayu dan lemahnya politik Melayu pada tahun 1999, negara Malaysia mengalami sedikit tekanan dari kuasa-kuasa asing malahan berlaku penuntutan beberapa hak Melayu dari kaum Cina dan kaum India. Contohnya, sebelum tahun 1999 institusi pendidikan seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Asrama Penuh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Matrikulasi adalah sepenuhnya hak Bumiputra yang majoritinya adalah Melayu. Akibat daripada kelemahan orang Melayu yang berpecah belah dan berpuak-puak, pihak lain telah mengambil kesempatan dengan menuntut hak-hak keistimewaan orang Melayu sedikit demi sedikit sehinggalah institusi pendidikan ini terpaksa dibuka kepada kaum lain dengan kemasukan sebanyak sepuluh peratus. Akhirnya disebabkan lemahnya perpaduan orang Melayu pada ketika ini, kita terpaksa akur dengan kehendak kaum lain bagi memastikan Malaysia kekal aman dan sejahtera. Kita tidak dapat menolak permohonan dari mereka kerana ketiga-tiga institusi pendidikan ini tidak berada di bawah naungan kuasa Raja-Raja Melayu. Perkara ini juga terjadi kepada UiTM dimana mereka juga menuntut kemasukan sebanyak sepuluh peratus tetapi ianya tidak dibenarkan oleh Seri Paduka Baginda. Di sinilah kita dapat lihat peranan Seri Paduka Baginda dan Majlis Raja-Raja dalam menjaga hak-hak keistimewaan orang Melayu dan memelihara perpaduan Melayu. Jika perpaduan Melayu makin lemah, kaum lain akan terus mengambil peluang dan mengikis sedikit demi sedikit hak-hak keistimewaan orang Melayu.

Dalam Islam ketua hendaklah dipilih oleh golongan yang bertakwa, berilmu agar mereka yang diangkat menjadi ketua adalah juga mereka yang bertakwa dan berilmu. Apabila golongan yang bertakwa dan berilmu tidak wujud maka pemerintahan sistem beraja adalah lebih baik dari sistem demokrasi. Raja bermesyuarat dengan mereka yang berilmu untuk memilih mereka yang paling baik untuk menjadi Perdana Menteri. Perdana Menteri akan mentadbir negara dengan bermesyuarat dengan Raja. Walaubagaimanapun, negara Malaysia yang sangat unik ini telah mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dimana raja hanya bertindak atas nasihat Jemaah Menteri. Dalam konteks ini, Raja berperlembagaan, perlu mementingkan keadilan dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara. Oleh yang demikian, raja berperlembagaan tidak seharusnya menjadi benteng atau halangan kepada raja-raja Melayu untuk menegaskan pendapat dan kewibawaan baginda dalam perkara-perkara yang mementingkan negara. Sebagai contoh, perkara yang begitu menjadi perhatian sekarang ialah penyatuan umat Melayu Islam. Dalam hal ini, kebijaksanaan, kewibawaan dan ketegasan baginda sangat diperlukan bagi memastikan masalah perpecahan tidak akan memudaratkan negara. Selain itu, dengan adanya kuasa baginda, kaum lain tidak boleh menjadi 'tuan' di bumi Malaysia.

Dalam rangka untuk terus memerintah Malaysia, kaum Melayu harus bersatu. Sementara Melayu adalah penguasa Negara, Malaysia akan kekal pada keamanan dan ketenangan. Ketika kekuasaan masuk ke bukan Melayu, orang Melayu tidak akan bertoleransi dan rusuhan mungkin berlaku. Akibatnya akan ada kekacauan terus menerus dan ketidakstabilan di Malaysia. Orang Melayu adalah pemilik negara dan mereka telah menguasai negara tersebut selama beratus-ratus tahun. Bukti telah menunjukkan bahawa orang Melayu telah membentuk kuasa di Semenanjung Malaysia dan Kalimantan jauh sebelum orang asing datang ke daerah ini.

Sejarah telah membuktikan orang Cina dan India telah datang ke Tanah Melayu sebagai peniaga dan pekerja melalui orang Inggeris dan beberapa dari mereka telah menetap dan berkahwin dengan penduduk tempatan. Semenanjung Malaysia dan Kalimantan adalah tanah milik orang Melayu sementara orang Cina dan India adalah pendatang dan kemudian diterima dan disambut oleh orang Melayu untuk menjadi warganegara Malaysia. Justeru itu, orang Melayu dengan kelembutan dan kemurahan hati telah menerima masuk orang Cina dan India untuk menjadi warganegara yang baru, yang pada awalnya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu sebelum dikenali sebagai Malaysia. Jika orang Cina dan India

memahami asal usul kedatangan mereka ke negara ini yang tidak sampai satu abad, mereka harus menerima secara terbuka cara pemerintahan sistem beraja dimana orang Melayu akan kekal sebagai ketua untuk selamanya. Selain itu, mereka tidak boleh mempertikaikan semua perkara yang berkaitan hak-hak keistimewaan orang Melayu.

Secara rasminya tanggal 31 Ogos 1957, pihak Inggeris telah bersedia memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu kerana orang Melayu bersedia memberikan kewarganegaraan bagi berjuta-juta orang Cina dan India yang telah dibawa Inggeris ke Persekutuan Tanah Melayu untuk bekerja di negara ini. Inggeris telah membawa India untuk membantu mereka dalam pengurusan dan tenaga kerja perkebunan getah mereka manakala kaum Ceylon pula membantu dalam pekerjaan pentadbiran. Orang Cina pula membantu dalam sektor perdagangan dan perlombongan bijih timah. Apabila orang Melayu bersedia untuk memberikan kewarganegaraan kepada orang Cina dan India, itu adalah kelebihan dari Inggeris untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, pada kenyataannya pada ketika itu orang Cina dan India masih lagi warganegara Inggeris. Jika orang Melayu menolak untuk memberikan kewarganegaraan kepada orang Cina dan India, Inggeris harus membawa mereka ini ke United Kingdom dan ini akan menjadi masalah kepada pihak Inggeris. Dengan kebaikan yang diberikan oleh orang Melayu dan sebagai balasan, kedua-dua komuniti imigran ini telah bersetuju untuk tidak mempersoalkan hak-hak istimewa yang diberikan kepada Melayu oleh Perlembagaan. Orang Melayu berpendapat mereka layak mendapat hak istimewa kerana mereka percaya negeri ini milik mereka dan menginginkan hak khusus yang perlu disahkan oleh Parlimen dan menjadi undang-undang di Malaysia. Hak-hak istimewa Melayu ini masih lagi terpelihara sehingga ke hari ini dibawah majlis raja-raja dimana menjadi tonggak kekuatan perpaduan Melayu.

Sebelum kedatangan pihak Inggeris ke Tanah Melayu, secara keseluruhannya pemerintahan di Tanah Melayu adalah berdasarkan sistem beraja di mana raja adalah ketua kepada rakyat. Selain itu, raja bersama bendahara yang akan membuat keputusan untuk rakyat dalam memerintah negeri. Ini menunjukkan sistem beraja di Tanah Melayu telah bertapak beratus-ratus tahun bagi menjaga kebajikan rakyat. Sejarah membuktikan bahawa pentingnya institusi diraja bagi menjaga kebajikan orang Melayu dalam semua perkara. Apabila kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, corak pemerintahan negara telah berubah, iaitu apabila wujudnya residen bagi mentadbir negeri. Walaupun kehadiran penjajah yang mentadbir Tanah Melayu dengan corak Barat, tetapi mereka tidak boleh sesuka hati membuat

keputusan tanpa persetujuan raja-raja Melayu. Dari sudut ini, dapat kita lihat tanpa adanya raja-raja Melayu suatu ketika dahulu mungkin tidak akan wujudnya Malaysia seperti sekarang dimana masih mengekalkan orang Melayu sebagai ketua atasan dan juga lambang perpaduan bangsa Melayu. Walaupun pelbagai pengaruh dari barat yang dibawa masuk ke Tanah Melayu, dengan adanya sistem beraja, orang Inggeris tidak dapat mempengaruhi minda orang Melayu sepenuhnya dengan cara barat. Institusi diraja ini telah menjadi lambang perpaduan orang Melayu sejak sekian lama sehingga sekarang walaupun dengan kedatangan Inggeris peranan raja-raja Melayu telah mengurangkan sosio-politik raja-raja Melayu.

Seperti yang pernah dipertuturkan oleh Hang Tuah '*takkan Melayu hilang didunia*' akan menjadi kenyataan sekiranya perpaduan Melayu terus disemai dan dijaga dari peringkat atasan hingga ke akar umbi. Pepatah lain ada menyatakan '*bersatu kita teguh, bercerai kita roboh*', jika kita mahu sentiasa dipandang tinggi oleh kaum lain, semua bangsa Melayu harus bersatu dan mempertahankan kedaulatan diraja. Walaubagaimanapun, sikap kritis atau juga protes dari kalangan yang diperintah bukan perkara baru dalam pentadbiran atau pelaksanaan kuasa. Isu ini adalah perkara biasa yang berlaku dalam mana-mana negara sekalipun. Dalam perkembangan gelombang teknologi maklumat serta gelombang hak asasi yang berlaku di luar negara, kita tidak boleh leka dan harus sedar tentang protes yang berlaku. Perkara ini juga memerlukan kematangan rakyat dan juga raja, serta majlis penasihat raja untuk menangani protes atau kritik dalam era semasa. Dalam mendepani isu sebegitu sudah tentu, sekiranya tanpa kebijaksanaan dan kewibawaan, sudah tentu institusi diraja juga akan tercalar.

Sebagai contoh kewibawaan Raja Bhumibol di Thailand dalam mendepani isu protes pelajar dan konflik politik yang begitu hebat sehingga berbelas pengambilalihan kuasa. Kewibawaan Raja Bhumibol bukan sahaja dapat menyelamatkan institusi raja tetapi juga kelangsungan kedaulatan negara. Walaubagaimanapun, perkara sebaliknya telah berlaku di Nepal yang dahulunya sebuah negara Hindu Monarki telah melupuskan sistem beraja dan membentuk sebuah negara sekular republik pada tahun 2008. Antara sebab yang menyumbang kepada pemansuhan institusi raja dan agama di negara tersebut ialah tiadanya kewibawaan raja yang memerintah. Justeru itu, dua contoh negara yang boleh diambil iktibar oleh orang Melayu agar perpaduan Melayu harus dijaga dan disemai dari akar umbi supaya kedaulatan dan keamanan di negara Malaysia terus kekal. Generasi muda Melayu

kini, harus terus mempertahankan perpaduan yang telah lama terbina beratus-ratus dahulu demi generasi akan datang.

Sejarah telah membuktikan, ramai pemimpin Melayu dari generasi awal Melayu, Cina dan India yang telah bersetuju untuk kontrak sosial, dimana kebajikan, mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dari Inggeris, telah meninggal dunia. Bagi orang Melayu, sudah tentu semua raja-raja Melayu terlibat dalam memberi *buah fikiran* tentang kontrak sosial supaya orang Melayu tidak rugi di kemudian hari. Ini menunjukkan raja-raja Melayu bersama-sama turut serta mempertahankan kedaulatan Tanah Melayu dari zaman dahulu sehingga sekarang. Walaubagaimanapun, dalam zaman yang serba moden ini ramai orang Melayu, Cina dan India sudah lupa kontrak sosial bahawa ketiga bangsa telah dicapai sebagai sebuah prasyarat untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Inggeris. Orang Melayu sendiri sudah tidak memandang berat lagi tentang pentingnya perpaduan dikalangan kaum Melayu malahan lebih suka berselisih faham kerana perbezaan politik. Oleh kerana perpaduan di kalangan orang Melayu kian pudar, banyak orang Cina yang muncul dan para pemimpin India dan warga negara yang lahir selepas kemerdekaan, telah berani mempersoalkan hak-hak istimewa orang Melayu kerana mereka tidak memahami sejarah menuju kemerdekaan Malaya.

Disebabkan oleh semangat perpaduan orang Melayu yang makin rapuh, maka kita tidak boleh menyalahkan mereka jika hak-hak keistimewaan orang Melayu telah dipersoalkan oleh bangsa lain kerana mereka percaya bahawa mereka juga Malaysia dan dilahirkan di Malaysia seperti orang Melayu dan mahukan hak yang sama dengan orang Melayu. Walaubagaimanapun, dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub bahawa selama anda adalah orang Cina dan India, tidak peduli berapa banyak generasi anda tinggal di Malaysia, anda tidak akan mendapat hak yang sama dengan orang Melayu. Banyak orang Cina dan India, khususnya mereka yang lahir di Malaysia selepas kemerdekaan merasa tidak adil untuk memberikan hak khusus hanya untuk orang Melayu dan bukan kepada orang Cina dan India. Bagi mereka, itu tidak adil kerana mereka tidak pernah boleh memilh untuk menjadi Malaysia dan juga bukan pilihan mereka untuk dilahirkan sebagai orang Cina atau India. Oleh yang demikian, orang Melayu tidak boleh memandang ringan dengan pentingnya perpaduan dan perlu mengambil iktibar dengan tragedi 13 Mei 1969 dan lemahnya politik Melayu pada tahun 1999 yang menyebabkan orang Melayu berpecah belah. Disebabkan kelemahan ini, orang Melayu terpaksa menerima tuntutan dari kaum lain sehingga merugikan orang Melayu

itu sendiri. Jika bangsa Melayu tidak mengambil peduli tentang pentingnya perpaduan, lambat laun institusi diraja juga akan mengalami tempias yang sama iaitu dipandang rendah oleh bangsa lain.

Dalam ‘*wasiat*’ mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir “demi perpaduan Melayu”, menyatakan rasa kekecewaannya terhadap sikap bangsa sendiri. Beliau menyatakan orang Melayu di zaman moden ini begitu sekali tidak tahu bersyukur, begitu sekali mudah lupa, begitu sekali mudah dipengaruhi dan diperalat oleh orang lain sehingga sanggup memburukkan bangsa sendiri. Pernyataan ini sedikit sebanyak menjentik sudut hati orang Melayu yang ada kesedaran tentang kesan buruk perpecahan yang sedang dialami bangsa ini. Setelah sembilan tahun meninggalkan tampuk pemerintahan, beliau masih tidak jemu-jemu mengingatkan orang Melayu tentang kepentingsn perpaduan. Dengan nasihat seperti ini, ia akan memperingatkan semula dan membuka mata hati semua yang sudah semakin alpa dan lalai terhadap pentingnya perpaduan di kalangan umat Melayu. Pada masa kini, nasib orang Melayu semakin lemah kerana kuasa politiknya, akibat perpecahan dan perbezaan politik yang melampau. Kebanyakan rakyat pada masa kini yang majoritinya adalah generasi selepas merdeka menyebabkan mereka tidak merasai keperitan hidup dibawah pemerintahan kuasa asing seperti yang pernah dilalui oleh Tun yang merasai hidup tiga zaman penjajah iaitu pemerintahan Siam, Inggeris dan Jepun dan sudah melihat bagaimana bangsa Melayu dihina kerana kebodohan dan tidak bersatu padu. Semakin hari kian ketara kesan perpecahan umat Melayu, ditambah pula faktor cubaan campur tangan kuasa asing. Dengan demikian, orang Melayu harus memperbaiki kesilapan dan bangkit menjadi bangsa yang benar-benar merdeka dan bersatu.

Sistem beraja di Malaysia menjadi naungan dan simbol taat setia rakyat jelata. Tanpa raja, maka rakyat dan pemimpin menjadi sama. Artikel yang ditulis oleh *Dr. Mohd Ridhuan Tee (2010)*, Raja Melayu itu adalah lambang kedaulatan negara, simbol kekuatan warga dan payung mahkota tempat rakyat tumpang berteduh. Katanya lagi, Raja Melayu itu memberi identiti kepada negara bangsa serta melindungi kepentingan bangsa Melayu.

Peranan Bahasa Melayu Dalam Membentuk Perpaduan

Bahasa adalah teras dan kunci kepada perpaduan bangsa. Perkembangan bahasa bermula sejak awal zaman sebelum negara kita merdeka lagi. Dengan kelebihan sebagai bahasa penghubung antara negara dengan masyarakat luar sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu bahasa '*lingua franca*' dan dengan majoriti penduduk pada masa itu maka bahasa Melayu diambil menjadi bahasa kebangsaan. Dengan demikian, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memantapkan lagi penguasaan bahasa Melayu di kalangan Bahasa rakyat Malaysia. Ianya jelas menunjukkan sebelum kemerdekaan dimana pada peringkat awal kemerdekaan telah diwujudkan beberapa laporan bagi mencari jalan bagaimana perpaduan dapat dilaksanakan tanpa menafikan hak semua kaum. Oleh yang demikian, dalam *Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan* telah menyatakan bahasa Melayu adalah bahasa yang sesuai bagi pembentukan perpaduan. Dengan rasminya, bahasa Melayu telah mendapat pengiktirafan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan seperti yang telah dinyatakan di dalam *Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan*. Selain itu, dengan berdasarkan jumlah lima puluh peratus penduduk Melayu serta bahasa yang mudah difahami maka bahasa tersebut menjadi bahasa perpaduan negara bangsa. Secara amnya, kajian telah menunjukkan peranan bahasa Melayu dalam membentuk perpaduan antara kaum di Malaysia. Hasil kajian juga dapat membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu membentuk perpaduan kaum dalam negara bangsa.

Perpaduan ertinya penggabungan atau berpadu menjadi satu. Dalam erti kata lain, ialah hubungan yang erat yang bersifat kerjasama dan mempunyai satu matlamat yang sama iaitu kemakmuran dan keharmonian. Ia juga merupakan satu proses menyatupadukan seluruh masyarakat bagi membentuk satu identiti dan memupuk perasaan kasih dan sayang negara bangsa. Dengan demikian, perpaduan menjadi teras bangsa Malaysia.

Dalam Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara (1992) telah mendefinisikan perpaduan negara sebagai satu keadaan yang mana rakyat daripada pelbagai golongan etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman sebagai satu bangsa bersatu dengan memberi komitmen penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Di negara Malaysia, konsep 'bangsa Malaysia' juga didefinisikan dalam Perlembagaan Negara 1957 yang menekankan sekurang-kurangnya tiga elemen utama yang dapat menerangkan sifat dan ciri 'bangsa Malaysia iaitu kewarganegaraan, taat setia yang

tidak berbelah bahagi kepada negara dan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara. Ini jelas peranan bahasa Melayu sangat penting dalam pembentukan perpaduan bangsa dan negara.

Bahasa Melayu melambangkan identiti kita sebagai rakyat Malaysia yang sejati. Peranan Bahasa Melayu jelas apabila mampu melahirkan semangat perpaduan, kekitaan dan kebangsaan. Selain itu, bahasa Melayu telah memainkan peranan yang sangat besar dalam mengukuhkan perpaduan Melayu khususnya dan secara amnya perpaduan untuk semua kaum. Kepentingan bahasa Melayu dapat dilihat dalam Akta Pendidikan 1996, Perkara 17 yang menyatakan “Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini”. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan terus diberi penekanan dalam pelan induk Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi membantu memantapkan lagi perpaduan negara bangsa. Usaha Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak membentuk 1 Gagasan dengan menjadi satu bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai penyatuan satu bangsa di Malaysia. Hanya dengan satu bahasa sahaja mampu membantu kerajaan membentuk perpaduan, dan sangat bertepatan dengan slogan ‘*Bahasa Jiwa Bangsa*’.

Bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan telah berperanan mewujudkan suasana harmoni dalam negara yang berbilang kaum dan bangsa. Peranan kerajaan amat penting dalam merealisasikan matlamat pembentukan perpaduan bangsa terutamanya orang-orang Melayu yang bersandarkan kepada penguasaan bahasa Melayu. Dengan adanya lagu patriotik ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ akan menaikkan lagi semangat cintakan bahasa dan menyatakan bagaimana bahasa itu amat penting dalam perpaduan bangsa di negara yang kita cintai.

Peranan Agama Islam Dalam Membentuk Perpaduan

Agama Islam dan bangsa Melayu tidak dapat dipisahkan dimana peranan agama lebih jelas dalam pembentukan identiti bagi kaum Melayu dan India berbanding Cina dan lain-lain. Sebagai contoh, definisi Melayu yang ketat dalam Perlembagaan Malaysia di mana menjadi

Muslim adalah prasyarat kepada identiti kemelayuan. Selain itu, komunikasi Islam dan penggunaan bahasa Melayu hendaklah dijadikan teras utama dalam usaha memartabatkan warisan peradaban Melayu. Komunikasi Islam telah menjadi panduan bagi umat Islam untuk terus bersatu bagi menjamin perpaduan ummah di Malaysia. Al-Quran dan hadis dijadikan sebagai tunjang pegangan hidup yang dijadikan panduan utama dalam usaha berdakwah bagi mewujudkan perpaduan kesatuan ummah.

Dalam Islam, asas perpaduan bermula dengan pembinaan keluarga yang harmoni seterusnya membentuk masyarakat dan menjadi sebuah negara yang sejahtera. Setiap daripada individu Muslim memainkan peranan penting dalam membentuk perpaduan yang perlu berteraskan kepada ikatan persaudaraan yang kukuh sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w bersabda yang bermaksud: *“Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga ia menagsihi saudaranya sebagaimana ia kasih terhadap dirinya sendiri”* (Riwayat Ahmad At-Tarmizi dan An-Nasa’i). Hadis ini jelas menunjukkan bahawa setiap individu Muslim mestilah saling-mengasahi di antara satu sama lain. Apabila berlaku pertelingkahan dengan saudara sesama Islam atau bukan Islam, haruslah berbalik semula kepada paksi ajaran Islam. Banyak hadis-hadis Nabi dan Firman Allah s.w.t yang menekankan kepentingan perpaduan di kalangan ummah.

Konsep perpaduan dapat dilihat dengan jelas melalui solat secara berjemaah yang amat digalakkan. Sekali dalam seminggu iaitu pada hari Jumaat khususnya kaum lelaki akan berkumpul dan bersama-sama melaksanakan solat Jumaat. Ini merupakan lambang perpaduan di antara umat Melayu di bawah lembayung Islam. Namun, ada di antara kita yang meruntuhkannya dengan tidak bersolat apatah lagi bersolat berjemaah. Islam telah mengajar kita dari peringkat asas, iaitu memupuk perpaduan dengan cara solat berjemaah sehinggalah kepada tatacara seluruh kehidupan.

Kita perlu melihat kembali kepada sejarah Islam bagaimana Rasulullah s.a.w menyatukan antara golongan Ansar dan Muhajirin dan berasa insaf bagaimana golongan Ansar sanggup mengorbankan harta yang mereka miliki untuk dikongsi bersama dengan kaum Muhajirin. Mereka sanggup bersusah-payah dan senang bersama demi persaudaraan Islam yang dibina dengan penuh keikhlasan dan semangat perjuangan untuk membela dan membangunkan Islam. Ini adalah contoh yang terbaik yang patut diambil pengajaran oleh umat Melayu Islam pada masa kini yang kian rapuh semangat perpaduannya.

Kesepaduan ini telah diceritakan oleh Allah S.W.T di dalam *surah al-Anfal* ayat 72, *Firmannya*:

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain".

Selain itu, pepatah Melayu ada mengatakan "*Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*", dari pepatah ini kita perlu hidup dalam keadaan harmoni dan saling menyayangi di antara satu sama lain sebagaimana bandingan orang Mukmin yang dinyatakan di dalam hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "*Bandingan orang-orang Mukmin yang saling menyayangi dan berlemah lembut sesama mereka seperti tubuh badan yang apabila satu anggota mereka sakit menyebabkan seluruh badan berjaga malam dan merasa demam*". (Riwayat Ahmad)

Oleh yang demikian, umat Melayu Islam janganlah terlalu leka dengan kemewahan, berbalah dan berpecah belah sehingga mengundang pergaduhan dan memporak-perandakan keadaan yang sedia aman damai. Firman Allah S.W.T dalam *surah al-Hujarat* ayat 10: Bermaksud: "*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat*". Allah telah memperingati kita semua bahawa di antara orang mukmin itu adalah bersaudara, jadi perlulah menjaga hubungan silaturrahim dengan sama-sama hidup dalam keadaan saling melengkapi di antara satu sama lain di atas kelemahan dan kelebihan yang dianugerah Nya.

Justeru itu, agama Islam sangat menitikberatkan sifat kasih sayang, berlemah lembut dan rasa penuh bertanggungjawab untuk bersama-sama membina perpaduan. Dengan menginsafi sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "*Janganlah kamu berdengi-dengkian, dan janganlah kamu bertipu-tipuan, dan janganlah kamu berbenci-bencian, dan janganlah kamu berbelakang-belakangan, dan janganlah setengah kamu menjual di atas penjualan setengah kamu dan jadilah kamu hai hamba Allah bersaudara*". (Hadis Riwayat Muslim). Nabi Muhammad telah mengibaratkan orang Islam seperti sebuah binaan seperti mana dalam sebuah hadis Nabi s.a.w yang bermaksud '*Hubungan antara orang Mukmin*

dengan Mukmin yang lain seperti sebuah binaan yang saling kait-mengait di antara satu sama lain' (Muttafaqu Alaih). Kesimpulannya, banyak hadis Nabi dan Al Quran menyeru agar umat Melayu Islam perlu mempunyai pegangan agama yang baik agar dapat melahirkan insan bersatu hati dan mempunyai rasa bertanggungjawab bagi menjaga keamanan negara.

Rujukan.

Bahan dari Internet

Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah (2010). *Sejarah Bagaimana Yang Kita Mahu?*
Retrieved November 5, 2012 from <http://ridhuantee.blogspot.com/2010/10/sejarah-bagaimana-yang-kita-mahu.html>.

Mohd Fairuz Yusof. 2010. (Datuk Seri Najib Tun Razak). **Menjamin Kestabilan Politik.**
Arkib Utusan Malaysia, Retrieved November 5, 2012 from
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1123&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm&arc=hive

Buku

Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul Hubungan Etnik* :Kementerian Pengajian Tinggi,
Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Shah Alam.

Furnivall, John S. (1948), *Colonial Policy And Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York : New York University Press.

Professor Harry Groves. (1964). *The Constitutional of Malaysia*, Singapura: Malaysia
Publications

Majlis Wacana Ilmu

Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. 2011. **Peranan Institusi Raja Melayu Dalam Memupuk Perpaduan Negara.** Majlis Wacana Ilmu UiTM Shah Alam

BAB 3

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PERPADUAN

Rafedah Sobiren

Nur Hanee Mohamad

Suhana Mohamed

“Bersatu Teguh Bercerai Roboh” dan “Bulat air kerana pemetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat” jelas menunjukkan betapa pentingnya konsep kerjasama dan perpaduan dalam menjamin keharmonian hidup dalam masyarakat. Perkataan “PERPADUAN” sememangnya mudah diungkapkan oleh semua pihak, tapi untuk mengaplikasikannya bukanlah mudah. Ianya memerlukan persefahaman yang tinggi di kalangan individu itu sendiri.

Sebelum melangkah lebih jauh, mari kita amati makna sebenar perpaduan. Apakah itu perpaduan dan adakah ia sangat penting kepada sesebuah negara ? Secara umumnya, makna perpaduan dapat didefinisikan sebagai sebuah masyarakat atau komuniti bekerjasama untuk mencapai keamanan dan kejayaan.

Berdasarkan Kamus Dewan, perpaduan ialah, penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan, perihal berpadu (bergabung menjadi satu, sepakat, dll), persatuan. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, makna perpaduan ialah penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan, perihal berpadu (bergabung menjadi satu, sepakat, dll), persatuan. Manakala Kesepakatan bermaksud perihal sepakat dan persetujuan. Konteks kesepakatan sesuai dalam sesuatu kelompok masyarakat, rakyat sesebuah negara, ataupun kumpulan sesuatu organisasi.

Contohnya ialah kesepakatan dalam dalam membanteras kejadian jenayah di sesebuah kawasan dalam kalangan penduduk taman perumahan.

Dalam perpaduan Melayu masa kini, apa yang sangat menyedihkan ialah apabila adanya pihak yang cuma mengeruhkan keadaan dan menjadi duri dalam daging dalam perpaduan orang Melayu. Hal ini menjadi semakin kritikal apabila orang Melayu sendiri bersikap bagai kerbau di cucuk hidung, di mana hanya menurut sahaja apa yang berada di hadapan mereka tanpa menyemak kembali apa yang sebenarnya berlaku pada saat itu.

Kita juga sedar, bahawa perpaduan itu penting juga dalam pergelutan kuasa politik yang berlaku dalam sesebuah negara. Sememangnya tidak pelik jika dikatakan ada isu politik yang timbul dalam sesebuah negara untuk merebut tampuk pemerintahan dalam negara. Masing-masing menunjukkan kehebatan untuk memenangi jiwa rakyat agar mempercayai mereka dan lantas memilih mereka sebagai pemimpin sesebuah negara.

Seperti yang saya dapat faham dalam artikel yang ditulis oleh seorang penulis muda baru-baru ini, yang bertajuk Agenda Perpaduan Melayu, UMNO ada motif Politik. Menerangkan krisis yang berlaku antara parti UMNO dan juga PAS yang merupakan dua parti yang tidak asing lagi dan sering menjadi isu hangat dalam perbualan rakyat Malaysia yang kononnya fanatik dalam menyokong mana-mana pihak.

Berdasarkan artikel tersebut, dikatakan orang Melayu berpecah-belah adalah kerana faktor politik, bukannya akibat dasar parti Barisan Nasional (BN). Oleh itu, dapat dilihat bahawa faktor itu datangnya daripada parti PAS. Pemimpin BN, terutama daripada UMNO menganggap kewujudan PAS sebagai parti orang Melayu, menyebabkan Melayu berpecah dua. Hakikatnya PAS merupakan (add) parti untuk (add) umat Islam. Sepatutnya, UMNO menganggap faktor pecah-belah itu datangnya daripada parti BN yang memerintah. Ini kerana di sebalik kuasa memerintah itu, boleh melakukan apa saja sama ada ke arah perpaduan atau perpecahan. Ramai yang faham dengan sikap tidak jujur pemimpin UMNO dalam isu orang Melayu ini; iaitu (add) suka menyalahkan PAS.

Memang benar Melayu berpecah dua. Berpecah sejak timbulnya tuntutan kemerdekaan lagi. Pemimpin PAS daripada kalangan alim ulamak lebih awal menuntut pembebasan tanah air daripada penjajahan Nasara Inggeris berlandaskan Islam dan

mengutamakan kepentingan dan hak orang Melayu sebagai warga asal Tanah Melayu. Pada masa sama pula, pemimpin UMNO yang sejak awal bersekongkol dengan penjajah asyik berbincang untuk merdeka mengikut agenda Inggeris. Pemimpin UMNO bersetuju dengan agenda Inggeris iaitu merdeka dan mengambil alih tampuk kuasa bersama-sama orang Cina dan India, dan (add) penduduk pendatang. Pemimpin PAS menolak agenda Inggeris ini, terutama dalam perkara yang melibatkan dasar memberi kerakyatan jus soli kepada pendatang Cina dan India sebagai warga negara Tanah Melayu.




Gambar hiasan

(Sumber: Arkib Negara Malaysia 2011)

Jus soli dalam bahasa Latin bermaksud "hak untuk kawasan" atau kewarganegaraan hak lahir bermaksud hak kerakyatan sama rata iaitu taraf kerakyatan yang diberi berdasarkan tempat kelahiran tanpa mengira bangsa dan keturunan. Menjelangnya abad kesembilan belas, negara telah mula terbahagi kepada mereka yang mempunyai kerakyatan terhadap tanahnya mengikut jus soli Perancis, contohnya dan memiliki tanahnya mengikut jus sanguinis hak darah Jerman, contohnya. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara Eropah menerima konsep Jerman sebagai "kenegaraan objektif", berdasarkan darah, bangsa atau bahasa seperti takrifan klasik Fichte bagi sebuah negara, membuatkan mereka bertentangan dengan ahli republik Ernest Renan yang mencadangkan "kenegaraan subjektif", berdasarkan pungutan suara harian bagi perlengkapan tanah airnya. Konsep bagi kenegaraan yang tidak penting ini membolehkan pelaksanaan jus soli, menentang kepada jus sanguinis. Walau bagaimanapun, dengan penambahan pelarian masa kini telah mengkaburkan beza antara keduanya. (Lew Hew Min, 2007)

Pemimpin UMNO telah digula-gulakan oleh Inggeris. Penentangan pemimpin PAS tidak diendahi oleh (add) Inggeris dan mendukacitakan pemimpin UMNO pula menyebelahi penjajah itu. Ini kerana Inggeris telah mengugut, “merdeka cara PAS tidak akan dilayan, UMNO tidak akan dapat apa-apa kuasa”. Dengan itu, UMNO kena ikut kehendak Inggeris, bersekongkol dengan parti Cina dan India, mewarisi kerajaan daripada penjajah Inggeris. Sejak daripada perbezaan pandangan politik itulah, (add) maka PAS telah dicap sebagai parti pemecah-belah orang Melayu.



Bendera PAS



Bendera UMNO

Satu pihak menyakini landasan perjuangan berteraskan agama maka mereka menyokong PAS. Satu pihak lagi menyakini kepada dasar Inggeris yang meletakkan teras perjuangan kaumiyah-kebangsaan Melayu, maka mereka menyokong UMNO. Persoalan yang muncul selepas merdeka adalah cetusan daripada perbezaan teras perjuangan politik dalam negara ini. UMNO bersama Perikatan dahulu, dan kini bersama Barisan Nasional, BN, yang melaksana agenda pembangunan negara pasca merdeka telah mencetuskan banyak fenomena pecah-belah orang Melayu. Terutama sekali bila menyentuh soal pengagihan nikmat pembangunan, maka teras perjuangan politik telah dijadikan prasyarat untuk menentukan orang Melayu yang perlu dilayan dan tidak dilayan. Di sana orang PAS telah termasuk di dalam orang Melayu yang tidak dilayan dengan adil dan peri kemanusiaan. Justeru itu, berlaku pergeseran rakyat tidak berdosa lantaran dia orang PAS dan dia orang UMNO. Timbullah realiti orang PAS tidak dilayan permohonan bantuan dari projek pembangunan kerajaan BN; baja padi menjadi hak orang UMNO kerana mereka BN bukan kerana mereka petani padi. Peluang menjadi peneroka Kesedar terbuka hanya kepada UMNO, pinjaman Tekun hanya diberi menerusi saluran orang UMNO, meskipun ramai

orang PAS yang lebih bijak dalam keusahawanan. Borang buku teks sekolah turut dipolitikkan – anak orang PAS ditapis terlebih dulu sebelum dibuat pengesahan. Sesungguhnya terlalu banyak unsur pelaksanaan projek atas nama kerajaan untuk rakyat telah diUMNOkan.

Apakah PAS dan pemimpin atau ahli PAS yang layak dicap sebagai pencetus pemecah-belah? Dalam hal ini, kita PAS bolehlah berterima kasih kepada pihak yang mencadangkan agar PAS-UMNO berbincang dan duduk (add) semeja demi mencapai kata sepakat untuk kemajuan orang Melayu. Namun harus disedari, realiti perpaduan Melayu hanya berjaya apabila ia diteraskan kepada isu-isu persamaan dan menjadi minat bersama. Oleh kerana itu tepat sekali pandangan Mursyid Am PAS, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahu perbincangan ke arah perpaduan Melayu diteraskan kepada aqidah-agama Islam. Persoalannya, bolehkah pemimpin nombor satu UMNO berbincang berteraskan aqidah Islam, sedangkan Perhimpunan Agung UMNO telah bersetuju mengharamkan perkataan Islam daripada digunakan oleh mana-mana pertubuhan termasuk parti politik ?. Namun telah dinyatakan UMNO sedia berbincang walau apapun syarat yang (add) dikemukakan oleh (add) PAS. Rasional ini sebenarnya tidak rasional atau UMNO sekali lagi bersikap *double-standard* – sekali menolak nama Islam, sekali untuk kembali kepada perpaduan merupakan amalan wajib bagi Islam.

Meskipun apa perkembangan yang dilalui di sebalik isu perpaduan Melayu, bagi Presiden UMNO ia amat penting demi survival kepemimpinannya yang sudah di penghujung usia, sudah 20 tahun melampaui umur bersara wajib mengikut umur perkhidmatan awam. Namun begitu, perpaduan adalah kekuatan mutlak kepada umat Islam secara amnya.

Itulah yang saya dapat faham dalam artikel tersebut. Mungkin kedengarannya agak berunsur politik, tapi saya yakin bahawa perkara itu berlaku dalam masyarakat kita masa kini. Janganlah pula gajah sama gajah bertarung, apa akan berlaku pada masyarakat kita nanti ? Bukankah implikasinya banyak akan terkena pada isi rakyat, bukan hanya pada pemimpin itu sendiri. Namun yang demikian, saya juga yakin, secara rasionalnya, sememangnya wajar jika ada pro dan kontra dalam bab politik dan pentadbiran kerajaan. Pasti anda tertanya-tanya mengapa saya berpendapat sedemikian. Jadi di sini saya mahu juga berkongsi pendapat dan pandangan bahawa ada manfaatnya perselisihan pendapat antara UMNO dan juga PAS di negara kita. Ini kerana, perselisihan pendapat dan perdebatan idea yang berlaku antara

mereka mampu menghasilkan keputusan akhir yang memuaskan. Dalam erti kata lain, banyak idea bakal diselongkar dan dicungkil dari perdebatan mereka yang akhirnya tidaklah menyumbang kepada sokongan atau pelaksanaan idea sebelah pihak sahaja.

Pemimpin merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain di dalam suatu pertubuhan. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan. Pencapaian yang cemerlang di dalam sesuatu organisasi memerlukan langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti yang di rancang oleh pemimpin bagi mendorong pengikutnya meningkat tekad dan keazaman ke arah kecemerlangan organisasi tersebut. Oleh itu, usaha ke arah penyatuan aktiviti sesebuah organisasi bergantung besar kepada kepintaran seseorang pemimpin. Sebagai contoh, seseorang yang membawa beg plastik semasa berkunjung ke pasar terpaksa membimbit dengan bijak agar tidak ada satu barang pun yang dibeli tercicir, beg plastik seperti suatu organisasi ataupun pekerja-pekerja di bawah pangawasan seorang pemimpin. (Firdaus, 2008)

Kemahiran memimpin merupakan sesuatu yang boleh di pertingkatkan dari masa ke masa. Kemahiran bekerjasama amat di tekankan di dalam sesebuah organisasi bagi mencapai kecemerlangan. Sebagai seorang pemimpin, mungkin mereka mampu memberi arahan kepada orang lain tetapi adakah pengarahan ini di patuhi oleh orang yang menerima arahan. Di dalam masyarakat negara ini terutama masyarakat melayu, konsep malu alah boleh di gunakan untuk mendapatkan kerjasama daripada pekerjanya. Apabila di berikan perhatian yang sewajarnya kepada mereka , mereka akan berasa silu untuk tidak patuh kepada arahan begitu juga dengan pemimpin, mereka akan berasa berat untuk tidak memberi kerjasama apabila telah di perlakukan baik kepadanya. Oleh yang demikian, seseorang pemimpin perlulah mewujudkan sikap bekerjasama dengan pekerja di dalam suatu organisasi bagi mencapai kecemerlangan. (Wikipedia)

Selain itu, kemahiran melihat masa hadapan juga perlu kepada seseorang pemimpin dalam memainkan peranan utama bagi mencapai kejayaan sesebuah organisasi ke arah kecemerlangan. Pemimpin biasanya akan lebih selesa dengan suasana yang sedia ada tetapi sesuatu yang baru tidak akan wujud sekiranya seseorang pemimpin itu gagal melihat masa

hadapan. Kemahiran inilah yang membezakan antara pemimpin yang berjaya atau tidak. Dengan melihat masa hadapan, pemimpin dapat meletakkan harapan yang mungkin hanya akan berlaku selepas beliau tiada lagi tetapi laluan ke arah itu dilakukan semasa beliau memimpin organisasi tersebut. Keadaan ini dapat disaksikan bagaimana Allahyarham Mat Saman telah membina tali air di Kedah. Pendek kata, pemimpin perlu mempunyai keupayaan mendahului zamannya, caranya ialah dengan mempertajamkan kemahiran melihat masa hadapan.

Dalam menjayakan sesebuah organisasi ke arah kecemerlangan, seseorang pemimpin itu juga mestilah berpengetahuan. Daripada pengetahuanlah himpunan ilmu akan terikat untuk dipindahkan kepada pekerja-pekerja. Sebagai contoh, seseorang perlulah mengetahui tentang teknologi kerana ia merupakan sesuatu yang penting. Ramai yang beranggapan apabila kita membicarakan tentang teknologi, kita akan merujuk kepada teknologi semata-mata tetapi seseorang pemimpin perlu mempunyai pengetahuan tentang teknologi dalam erti kata beliau memiliki teknologi yang boleh membantu didalam mempercepatkan kerja dan memberi keberkesanan terhadap kerja didalam organisasinya. Dari sinilah beliau akan di tanggapi sebagai pemimpin yang berkebolehan dalam melakukan kerja-kerja yang biasanya memakan masa yang lama berbanding dengan pengurus-pengurus yang lain. Oleh yang demikian, apabila seseorang pemimpin mempunyai pengetahuan, beliau boleh menghayati sesuatu kerja dengan penuh penjelasan tentang perilaku melakukannya bukan semata-mata mampu melakukan kerja-kerja kompleks untuk pekerja-pekerja melakukannya.

Selain itu, untuk merealisasikan sesuatu kecemerlangan di dalam sesuatu organisasi, seseorang pemimpin itu perlu memberi dorongan kepada pekerjanya. Dalam konteks ini, dorongan merupakan usaha untuk memujuk pekerja melakukan kerja dengan cara terbaik. Gelagat yang ada pada pekerja boleh di kesan dan di kenalpasti oleh pemimpin dan dari situlah dorongan perlu di serap ke dalam sanubari mereka. Sebagai contoh, beberapa model yang di kemukakan oleh Abraham H Maslow iaitu seorang sarjana barat boleh di sesuaikan dengan kerangka penerapan dorongan kepada pekerja mengikut keadaan, masa dan suasana. Tingkatan kehendak Maslow meletakkan manusia sebagai makhluk yang mempunyai peringkat tertentu dan ia di mulakan dari peringkat fisiologi, jaminan, gangguan, penghormatan dan peringkat tertinggi adalah pencapaian hasrat hati. Oleh demikian, model

tingkat kehendak Maslow boleh digunakan dengan baik untuk tujuan memberi dorongan kepada pekerja. Dari struktur kehendak ini biasanya pekerja akan cuba memenuhi kehendak terbawah dahulu dan naik setingkat demi setingkat bagi merealisasikan kecemerlangan organisasi tersebut.

Salah seorang tokoh yang saya kagumi semangat beliau dalam menyatupadukan orang Melayu selepas kemerdekaan dicapai ialah Tun Abdul Razak bin Tun Hussein. Beliau juga turut dikenali sebagai Bapa Pembangunan kerana beliau banyak menyalurkan idea yang bernas untuk pembangunan Tanah Melayu pada ketika itu yang baru menapak untuk maju dalam daya usaha rakyat tempatannya. Dalam akhbar Utusan Melayu bertarikh 3 Disember, pemimpin negara disaran mencontohi sifat kepimpinan Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara lebih daripada diri sendiri.

Dalam sebuah artikel yang bertajuk “Tun Abdul Razak Bin Dato’ Hussein Bapa Pembangunan”, hasil karangan Mokhtar Petah pada 22 Januari 2010, ada menyatakan serba sedikit latar belakang dan jasa yang ditaburkan oleh Tun Abdul Razak. Beliau dilahirkan pada 11hb Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang dan dibesarkan oleh Datuknya di Kampung Jambu, Langgar, Pekan dalam suasana kampung yang penuh disiplin. Dengan pencapaian akademik yang mengagumkan, beliau kemudiannya dihantar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan kemudiannya ke Raffles College Singapura untuk melanjutkan pengajian. Kemudian beliau akhirnya menamatkan pelajaran di Lancoln’s Inn, London hanya dalam tempoh lapan belas bulan sahaja.



Tun Abdul Razak

Penyata Razak 1956 merupakan polisi yang telah dikeluarkan oleh Tun Abdul Razak. Polisi ini merupakan polisi yang sangat radikal dalam usaha membawa perubahan besar bagi sekolah-sekolah dengan matlamat utama untuk menyatupadukan rakyat. Antara perkara utama yang terkaandung di dalam penyata ini ialah mewujudkan dua jenis sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) yang menggunakan Kuo-Yu, Tamil dan Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Namun Bahasa Melayu buat pertama kalinya diajar di semua Sekolah Jenis Kebangsaan. Ini adalah salah satu proses untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Penyata Razak juga mencadangkan satu system pendidikan menengah dalam bahasa melayu sebagai bahasa pengantar. Dazar ini mendukung bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga menetapkan kandungan pelajaran yang sama di semua peringkat sekolah untuk menyemai semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan murid-murid dalam pelbagai kaum. Hal ini kerana, apabila mereka semua mampu memahami bahasa melayu dengan baik, maka mereka juga mampu berkomunikasi dan bekerjasama dengan baik, lantas mencetuskan semangat perpaduan yang kukuh dalam kalangan mereka khususnya orang Melayu.

Berdasarkan artikel yang telah saya baca baru-baru ini, bertajuk “Isu Perpaduan Kaum di Malaysia” yang ditulis oleh Dr Rahmat Ghazali, beliau mengatakan bahawa Usaha kerajaan untuk mewujudkan ‘sistem amaran konflik perkauman’ sebagaimana yang dicanangkan tahun lalu mengheret beberapa persepsi terhadap pencapaian negara dalam usaha menyemarakkan perpaduan kaum. Antara persoalan yang terbangkit ialah sejauh manakah usaha kerajaan selama ini berhasil untuk memakmurkan perpaduan kaum, dan apakah pencapaian usaha perpaduan kaum selama ini amat lemah sehingga kerajaan memerlukan suatu sistem indikator bagi mengesan konflik perkauman.

Jika dilihat pada struktur sejarah, usaha serius Malaysia ke arah perpaduan kaum dilihat mula bercambah setelah teretusnya tragedi 13 Mei apabila Majlis Perpaduan Negara dan selaras dengan itu Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan. Namun dapat juga dilihat bahawa bibit-bibit usaha ke arah yang sama juga telah dibiarkan dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957 lagi. Dalam konteks ini klausa-klausa dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjurus kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, peruntukan pelaksanaan sekolah jenis kebangsaan dan penggunaan bahasa kaum minoriti, telahpun dimaktubkan melalui Artikel 152 dan 153, yang seringkali kita rujuk sebagai ‘kontrak sosial’ antara pemimpin-pemimpin parti pelbagai etnik yang dominan di Malaysia (Sejarah PMR, 2007)

Sebagaimana yang pernah ditunjukkan oleh kajian Furnival (1956), negara-negara Dunia Ketiga pascamerdeka amat teruk dikacaubilaukan oleh penjajah dengan polisi ‘pecah dan perintah’. Polisi sedemikian juga amat baik untuk diamalkan oleh pihak British ke atas datuk nenek kita dahulu sebelum merdeka kerana pendekatan sedemikian menguntungkan pihak penjajah. Bagi Furnival falsafah sedemikian telah mewujudkan dan mengukuhkan pluralisme atau suatu bentuk masyarakat berbilang kaum yang ‘they mix but do not combine’ atau dalam bahasa ibunda, ‘mereka bercampur tetapi tidak bersatu.’ Bagi Furnival falsafah pluralisme sedemikian lebih banyak mendatangkan bencana kepada kestabilan sosial dan politik negara. Menurut Dr Candra Muzaffar, masyarakat kita lebih cenderung kepada hubungan ‘fungsional daripada hubungan empatetik’. Makudnya kita sekadar berhubungan di pejabat, di pasar dan di tempat kerja, tetapi kita tidak mahu berkongsi masalah yang melampaui sempadan-sempadan persekitaran tersebut.

Sebaliknya kita juga perlu sedar bahawa 'perpaduan kaum' adalah pemboleh ubah penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial, malah juga ekonomi. Perpaduan kaum itu menuntut hubungan 'empatetik' sebagaimana disarankan oleh Dr Chandra. Mana-mana kerajaan jua pastinya berusaha untuk menentukan elemen-elemen penting perpaduan kaum ini digarap supaya pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur dapat dicapai. Konsep masyarakat majmuk sebagaimana yang dilihat oleh Furnival, memperakui dan membenarkan keberbedaan nilai, norma, budaya dan adat resam sesuatu kaum minoriti. Malah dalam konteks Malaysia, kerajaan amat prihatin dan kaya timbang rasa sehingga toleransi dalam konsep pluralisme itu, tanpa disedari, sedikit-sebanyak telah menjadi peyumbang kepada benih-benih perkauman sesama kita.

Pada suatu tahap tertentu saya melihat bahawa usaha jitu kerajaan untuk memakmurkan dan menyuburkan perpaduan kaum melalui program perpaduan kaum antara masyarakat berbilang etnik telah banyak terganggu dan kadangkala terbantut pada kadar yang tidak sanggup kita perakui. Tanpa niat mencabar Perlembagaan, melalui falsafah yang didokong oleh Artikel 152 (memberi hak kepenggunaan bahasa minoriti), saya melihat seakan-akan wujud konflik dengan falsafah yang didokong oleh Artikel 153 (menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi).

Saya juga terlihat Artikel 152 telah menyuburkan kewujudan sekolah-sekolah monoetnik, dan media massa monoetnik yang memberikan tumpuan kepada etnik-etnik yang diperwakilkan melalui bahasa ibunda masing-masing. Malah kita lihat papan tanda iklan kedai-kedai di mana-mana bandar di Malaysia lebih mengutamakan bahasa ibunda masing-masing daripada mengangkat falsafah Artikel 153.

Dalam persekitaran yang keterasingan sedemikian saya lihat aliran dan hala tuju perpaduan kaum tidak menggalakkan pertembungan budaya yang dibawa oleh sistem sekolah monoetnik, dan begitu juga media massa monoetnik. Hal ini menjadi semakin rumit apabila

institusi politik kita juga di lihat tertegak atas falsafah monoetnik yang turut memakmurkan konsep pluralisme Furnival.

Profesor Hamdan Adnan, bekas Pesuruhjaya Suhakam, pernah mencatatkan bahawa daripada tahun 1945 hingga 1969 sejumlah dua puluh dua insiden pergeseran etnik telah berlaku, dengan peristiwa 13 Mei 1969 sebagai insiden yang paling dahsyat. Saya gusar dan sangsi jika statistik sedemikian menurun kerana kadangkala diri kita sendiri seringkali menutup sebelah mata untuk mendedahkan secara serius isu-isu sedemikian. Misalnya Malaysia tidak sunyi daripada peristiwa yang condong kepada perbalahan etnik seperti peristiwa penentangan Dong Jiao Zhong terhadap dasar kementerian pendidikan pada tahun 1987 yang membawa kepada pelaksanaan ‘Operasi Lalang’, yang menurut beberapa pemerhati politik, hampir sahaja mengulangi peristiwa 13 Mei. Perbalahan pengurusan sebuah kuil Hindu dan masjid di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1998, tragedi Kampung Medan pada tahun 2001, peristiwa pergaduhan etnik antara peserta PLKN, dan isu mahasiswa UM (malah di semua universiti di Malaysia secara amnya) yang tidak mesra dalam bentuk hubungan silang-etnik, mungkin mengundang kita untuk sama-sama memikirkan tentang kejayaan dasar dan modus operandi perpaduan kaum negara.

Di samping itu, peristiwa-peristiwa berkenaan hanya sekadar kes-kes terpinggir yang tidak harus dilihat sebagai perbalahan etnik tetapi sebaliknya hanyalah perbalahan dua pihak yang boleh saja berlaku dalam kandang intraetnik itu sendiri, dan bukan sekadar dalam persepsi silang-etnik. Sebagaimana lunaknya peribahasa Melayu yang mengatakan bahawa ‘sedangkan lidah lagi tergigit’ apatah lagi situasi iklim kepelbagaian etnik di Malaysia yang bersandar kepada perbezaan bahasa, budaya dan agama sebagai komponen sensitif yang menuntut toleransi tinggi sesama kita.

Walau bagaimanapun kita tidak boleh memandang ringan pada perkembangan hubungan etnik kontemporari sebagaimana terpancar daripada usaha kerajaan untuk menubuhkan ‘sistem amaran konflik perkauman’ yang akan berpusat di Putrajaya. Nampaknya dengan tertubuhnya sistem sedemikian, kerajaan telah mencari pendekatan ‘ad hoc’ iaitu mencegah perbalahan etnik daripada mencambahkan dan menyuburkan benih-

benih hubungan mesra antara kaum. Mungkin persepsi saya salah, kerana sebenarnya kerajaan mengutamakan kedua-duanya sekali.

Meninjau realiti politik dan sosial di Malaysia, saya melihat bahawa terdapat elemen-elemen pendekatan yang diambil oleh Malaysia dalam hal membina perpaduan kaum, agak berbeza dengan pendekatan yang dianggap sebagai arus perdana di Barat. Pendekatan yang digunakan oleh kepimpinan Malaysia dalam beberapa aspek berada dalam ekstrim yang bersongsangan berbanding dengan teori perpaduan kaum yang disarankan oleh pemikir-pemikir Barat dan yang diamalkan di sebelah sana.

Amerika dan beberapa negara Eropah seperti Britain dan Perancis misalnya menggunakan konsep 'melting pot' atau 'acuan pelebur' dalam pendekatan mereka untuk menyatukan pelbagai etnik minoriti, etnik peribumi, dan etnik dominan dalam negara. Dalam proses peleburan itu budaya etnik minoriti terlebur, tercerna, teradun malah sesetengahnya tersirna dalam budaya majoriti yang dominan. Namun di Malaysia kita lihat konsep 'acuan pelebur' itu tidak wujud, sebaliknya yang wujud ialah konsep 'salad bowl' atau 'mangkuk sayur-mayur' yang tidak meleburkan mana-mana unsur etnik tetapi mempersatukan kepelbagaian warna kulit dan budaya dalam satu persekitaran yang sama.

Dalam konteks yang sama di Britain, sama ada mereka bersetuju atau tidak, juga telah berlaku proses asimilasi budaya yang kadangkala terpaksa mengorbankan malah melenyapkan bahasa dan budaya nenek moyang golongan minoriti tertentu. Bagi sesetengah budayawan, yang menolak model asimilasi, mereka melihat pendekatan ini sebagai satu bentuk 'penjajahan dalaman' kerana dalam proses ini berlaku eksploitasi golongan majoriti terhadap golongan minoriti. Namun dalam banyak contoh di sebelah Barat, golongan majoriti itu adalah juga merupakan pihak pemerintah yang melaksanakan dasar memperlemahkan budaya dan bahasa minoriti atas nama perpaduan kaum. Dalam konteks ini, banyak kerajaan Barat yang mempertegaskan penggunaan bahasa rasmi sebagai satu-satunya bahasa komunikasi tanpa sebarang kompromi, baik dalam urusan perkhidmatan awam, pendidikan asas di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Demi mewujudkan perpaduan kaum, ada kerajaan yang mengharamkan penggunaan dan pengajaran bahasa ibunda golongan

minoriti sehingga ke tahap menguatkuasakan hukuman ke atas para pelajar yang berkomunikasi antara mereka dalam bahasa minoriti di dalam kawasan dan persekitaran sekolah. Kerajaan Perancis misalnya telah hampir mengharamkan terus penggunaan bahasa Breton, kerajaan British mengharamkan bahasa Welsh dan kerajaan Scotland telah melenyapkan bahasa Gaelic di bumi Scotland. Berbeda dengan Malaysia, kebanyakan kerajaan Barat menolak sama sekali kewujudan sekolah-sekolah monoetnik dan media massa monoetnik.

Dalam konteks perpaduan kaum, Malaysia juga menghadapi banyak masalah kerana kepercayaan dan perbezaan agama tidak memungkinkan proses asimilasi berlaku. Asimilasi dalam konteks budaya juga tidak berjalan lancar kerana setiap kaum melihat bahawa budaya dan tamadun bangsa mereka masing-masing lebih dominan daripada yang lain. Orang-orang India melihat keagungan tamadun Indus yang bermula pada 2500 S.M. lebih agung daripada tamadun Melayu yang mereka lihat hanya bermula pada kira-kira lima ratus tahun dahulu (jika Kesultanan Melaka menjadi tanda aras). Kaum Cina pula melihat ketamadunan China yang bermula kira-kira 2000 S.M. di Peking jauh lebih hebat daripada tamadun Melayu. Banyaklah elemen-elemen ketamadunan ini yang boleh mereka rasionalkan untuk menyokong kelangsungan budaya mereka masing-masing.

Dengan perkiraan sebegini kadangkala saya lihat bahawa kerajaan juga menjadi serba salah dalam hal menentukan halatuju kebudayaan nasional. Misalnya, pada tahun 1982, Tun Mahathir pernah menyatakan bahawa ‘Budaya Melayu harus menjadi ciri-ciri utama budaya nasional, supaya diterima dan diamalkan oleh semua kaum. Malah terdapat juga yang mahukan budaya Melayu dijadikan satu-satunya elemen budaya nasional’ (dipetik daripada Munro-Kua 1996). Walau bagaimanapun pada tahun 1995, Tun Mahathir dengan jelas menyatakan bahawa konsep perpaduan kaum tidak lagi bertunjangkan kepada konsep yang berasaskan budaya Melayu. Menurut Tun, ‘Bangsa Malaysia membawa maksud rakyat yang dikenali sebagai membawa identiti Malaysia, menuturkan bahasa Melayu dan meluhurkan Perlembagaan. Untuk merialisasikan bangsa Malaysia, rakyat harus mula menerima kewujudan masing-masing seada-adanya, tanpa mengira kaum dan agama’ (dipetik daripada Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik 2002). Ertinya rakyat Malaysia harus dilihat

sebagai Melayu, Cina dan India sebagaimana terpancar melalui amalan budaya masing-masing. Konsep ini condong kepada konsep pluralisme Furnival.

Namun pendirian kerajaan yang sedemikian terhadap perpaduan kaum seperti berdiri atas platform yang berbeza pula jika dilihat pada matlamat yang didokong oleh Wawasan 2020, kerana ia diangkat sebagai suatu 'Bangsa Malaysia' tanpa melihat perbezaan warna kulit dan amalan budaya. Secara idealnya tidak akan wujud lagi Melayu, Cina atau India jika Wawasan 2020 direalisasikan. Konsep ini condong pula kepada konsep asimilasi.

Jelaslah bahawa di Malaysia pendekatan asimilasi dirujuk semula kerana saya kira pendekatan inilah dilihat sebagai yang terbaik untuk membina perpaduan kaum yang utuh dan tulen, sekurang-kurangnya dalam konteks peleburan bahasa ibunda etnik minoriti. Pendekatan sedemikian telah lama dibuktikan terbaik bagi Malaysia, misalnya dalam konteks golongan Baba Nyonya di Melaka dan juga di Pulau Pinang, golongan India peranakan atau Mami di Pulau Pinang, dan Arab Peranakan telah meleburkan sehingga mengorbankan bahasa nenek moyang mereka. Malah di kalangan golongan Baba Nyonya tercipta bahasa 'kreol' mereka yang tersendiri yang pastinya terbina daripada improvisasi bahasa ibunda golongan majoriti Melayu yang lebih dominan.

Amat jelas juga kita lihat bahawa budaya golongan minoriti dalam konteks asimilasi sosial teradun dalam acuan budaya Melayu meskipun secara halusny terdapat perbezaan di sana-sini. Namun, jika budaya nasional Malaysia boleh diterjemahkan sebagai budaya etnik peribumi Melayu sebagai asasnya, maka saya lihat bahawa budaya Baba Nyonya, India Peranakan dan Arab Peranakan ini telah menjelmakan satu proses perpaduan kaum yang utuh dan tulen.

Namun realitinya dalam konteks kontemporari, dasar perpaduan kaum Kerajaan Malaysia amat mesra dan bertoleransi terhadap bahasa etnik minoriti. Penggunaan bahasa etnik minoriti tidak pernah dikenakan hukuman malah tidak pernah dilarang digunakan di mana-mana sekolah di Malaysia, meskipun di sekolah-sekolah kebangsaan. Malah

diwujudkan pula sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan memberikan hak mutlak kepada etnik minoriti untuk menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengajaran.

Dengan ekstrim pendekatan pluralisme atau konsep ‘mangkuk sayur-mayur’ seperti di Malaysia kita lihat bahawa dalam situasi tertentu bahasa rasmi menjadi bahasa rojak, malah dicampuradukkan pula dengan bahasa Inggeris mungkin untuk menyuntik ciri-ciri lenggok komunikasi antarabangsa. Bahasa Melayu lisan telor Cina dan telor India menjadi tegar diamalkan bukan sahaja apabila golongan ini berkomunikasi sesama mereka, malah disokong dan disuburkan oleh golongan Melayu sendiri ketika berkomunikasi dengan kaum India dan Cina.

Saya percaya bahawa untuk menjaga martabat bahasa rasmi, penggunaannya mesti juga terlaksana dalam situasi yang tidak formal, bukan sekadar dalam kandang situasi yang rasmi dan formal sahaja. Hanya golongan yang amat sensitif dan insaf sahaja yang beria-ia berjuang untuk mempertahankan gaya dan hukum-hukum tatabahasa bahasa rasmi negara, tetapi malangnya golongan ini seperti Tan Sri Profesor Ameritus Dr Awang Had Salleh, Tan Sri Profesor Dr Ismail Hussien, Profesor Dr Nik Safiah Karim, Dr Awang Sariyan, Dr Chandra Muzaffar, YB Dr Rais Yatim, dan SN A Samad Said, (sekadar menyebut beberapa nama) sudah seperti kehilangan golongan pelapis. Adakah ini suatu kepincangan dalam proses perpaduan kaum yang dicita-citakan Malaysia atau ia suatu kelebihan dan kekuatan pendekatan ‘mangkuk sayur-mayur’ Malaysia?

Pada tahun 1982, Tun Mahathir pernah menyatakan bahawa ‘Budaya Melayu harus menjadi ciri-ciri utama budaya nasional, supaya diterima dan diamalkan oleh semua kaum. Malah terdapat juga yang mahukan budaya Melayu dijadikan satu-satunya elemen budaya nasional’ (dipetik daripada Munro-Kua 1996). Walau bagaimanapun pada tahun 1995, Tun Mahathir dengan jelas menyatakan bahawa konsep perpaduan kaum tidak lagi bertunjangan kepada konsep yang berasaskan budaya Melayu. Menurut Tun, ‘Bangsa Malaysia membawa maksud rakyat yang dikenali sebagai membawa identiti Malaysia, menuturkan bahasa Melayu dan meluhurkan Perlembagaan. Untuk merialisasikan bangsa Malaysia, rakyat harus mula menerima kewujudan masing-masing seada-adanya, tanpa mengira kaum dan agama’

(dipetik daripada Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik 2002). Ertinya rakyat Malaysia harus dilihat sebagai Melayu, Cina dan India sebagaimana terpancar melalui amalan budaya masing-masing. Konsep ini condong kepada konsep pluralisme Furnival.

Sebagai penutup bicara dan sebelum saya menutup tirai kata, saya ingin menegaskan bahawa bukan mudah untuk menyusun batu-bata perpaduan dalam segenap golongan masyarakat khususnya kaum Melayu itu sendiri. Kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Oleh itu, janganlah hanya melepaskan batuk di tangga dalam mempraktikkan usahasama untuk mencetuskan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat itu sendiri. Jangan hanya berpeluk tubuh dan bersikap bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing, tapi bertindaklah secara rasional. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Jika semua urusan dilakukan dengan semangat kerjasama dan bersatu padu, takkan ada perkara yang mustahil dalam dunia ini untuk dicapai dan dirasai kejayaannya bersama. Kita orang Melayu, tuan rumah dan berpijak di bumi yang nyata dan indah permai ini, perlu bersama-sama mengorak langkah untuk menempuh hari muka bersama. Justeru itu, jika diizinkan Ilahi, pasti perpaduan itu dapat dicapai.

Rujukan

Firdaus, A. (2011). *Kepimpinan Melayu: Satu Rakaman Kewartawanan*. Fajar Bakti

Mokhtar, P. (2010). *Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein Bapa Pembangunan*

Dharma, N. S. (2005). *Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan : Kebenaran di Sebalik Perjuangan : Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat*

Utusan Melayu (Disember 13, 2011). *Pemimpin Perlu Contohi Kepimpinan Tun Razak*. Utusan Melayu.

Lee, H. M. (2007). *SUCCESS PMR Sejarah PMR*. Fajar Bakti

Rahmat, S. (18 Mac 2012). *Isu Perpaduan Kaum di Malaysia*.

BAB 4

HUBUNGAN ISLAM DALAM MASYARAKAT MELAYU

Nor Khadijah Mohd Azhari

Rafedah Sobiren

Berbalik kepada soal perpaduan Melayu dan Islam, harus diingat bahwa perpaduan ini bukan dengan tujuan untuk menindas suku kaum lain di negara kita yang berbilang bangsa. Kalau ini menjadi tujuan perpaduan itu, ia memang dilarang. Tetapi kalau ia bertujuan untuk mempertahankan hak-hak suku bangsa Melayu dan masyarakat Islam yang sah, ini memang dituntut. Dari sudut ini, semua suku-bangsa dan semua kumpulan agama di negara kita ada hak itu dalam Perlembagaan, dan mereka ada hak untuk mempertahankannya.

Menurut Kassim Ahmad (2012), dunia Melayu mempunyai penduduk keempat terbesar di dunia dan mempunyai penduduk Islam terbesar di dunia. Dunia Melayu memiliki dua ciri penting iaitu mereka berbangsa Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Mereka juga beragama Islam dengan mengamalkan kitab suci yang sama iaitu Al-Quran. Oleh itu, mereka mempunyai misi untuk memupuk perpaduan di kalangan mereka. Seperti mana terdapat di dalam Al-Quran:

“Dialah yang mengirim Rasul-Nya dengan bimbingan dan agama yang benar supaya ia boleh mengatasi agama-agama lain, walaupun ia tidak disukai oleh orang musyrikin.”

(Al-Taubah 9:33)

Berdasarkan ayat di atas, dapat dinyatakan bahawa kaum musyrikin dan sekutu mereka dari kalangan orang munafik mengadakan pelbagai usaha untuk menggagalkan misi ini contohnya dengan cara memberi rasuah dan peperangan yang besar, seperti yang dilakukan dalam dua Perang Teluk. Tetapi ternyata walaupun musuh-musuh membuat komplot, tetapi Allah adalah pencipta komplot yang terbaik. Ini dapat dilihat daripada sejarah terdahulu. Baik dalam zaman purba mahupun dalam zaman moden, pernahkan musuh-musuh Tuhan menang pada akhirnya? Apa jadi kepada Maharaja-maharaja Mesir Tua dan Maharaja-maharaja Romawi yang bengis, ganas dan zalim? Apa jadi kepada Hitler dan Mussolini, Marx, Lenin, Stalin dan Mao Zedong? Jawabnya, kuasa dan pengaruh mereka akhirnya lenyap dari muka bumi. Begitu juga dengan Kota Konstantinopel yang akhirnya dapat ditakluki di bawah pimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih.

Ikhtibar Dan Pengajaran Daripada Kisah Terdahulu

Oleh itu apa yang penting pada masa kini ialah masyarakat Islam Melayu mestilah sentiasa berusaha daripada terjerumus dalam kejahilan dan kebodohan yang boleh menyebabkan masyarakat Melayu dijajah dari segi pemikiran. Salah satu caranya ialah berusaha, menyambil iktibar dari kisah-kisah dahulu, dan sentiasa yakin akan ayat-ayat Allah.

Perjuangan besar ini mestilah dirancang dengan teliti seperti membuat perundingan, konferensi, strategi dan taktik, termasuklah mengenal pasti Islam yang sebenar, seperti yang terdapat dalam kitab suci al-Quran yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad dan empat Khalifah al-Rasyidun.

Perjuangan ini memerlukan masa yang panjang, oleh itu masyarakat Islam janganlah berputus asa. Lihat sahaja kerajaan Uthmaniah mengambil masa yang lama dan di bawah pimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih barulah mereka berjaya untuk menumbangkan kota Konstantinopel. Ini terbukti lebih 800 tahun hadis yang diucapkan oleh Rasulullah SAW menjadi kenyataan.

"Kota Konstantinopel akan ditaklukkan oleh tentara Islam. Rajanya adalah sebaik-baik raja dan tentaranya adalah sebaik-baik tentara".

(Hadis Riwayat Imam Ahmad, ad-Darimi dan al-Hakim)

Berdasarkan kisah-kisah sejarah di atas, dapat kita lihat bahawa perpaduan itu sangat penting dalam masyarakat sekarang khususnya untuk Melayu Islam. Jadi bangsa Melayu Islam hanya perlu kembali kepada asas iaitu Al-Quran dan Sunah. Ini kerana perpecahan umat Islam di dunia ini adalah kerana tidak berlandaskan, atau tidak kembali kepada, Al-Qur'an dan Sunah. Memang diakui, kebanyakan alim ulama dan orang-orang berpengetahuan sedar tentang perkara ini, namun mereka jauh sekali mahu mengikut atau melaksanakannya. Apabila kita menghadapi kesukaran, kita perlu kembali kepada asas. Maksudnya, dalam menghadapi perpecahan ummah, kita perlu kembali kepada asas iaitu Al-Quran dan Sunah. Di dalam Al-Qur'an, Allah menyuruh orang-orang beriman supaya bersatu, menyertai barisan dalam keimanan terhadap penafian dan kekufuran, mengambil berat dan menunjukkan kasih sayang antara satu sama lain sebagai saudara, menjadi pemaaf dan pelindung dan berdiri teguh dan kuat dalam mengelakkan pemecahan, pembahagian dan penyebaran.

Ini terbukti daripada nas-nas Al-Quran yang menyatakan kepentingan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Contohnya adalah antara ayat-ayat Al-Quran penting yang berkaitan dengan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Allah berfirman:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya".

(Al 'Imran 3:103)

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cecal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar”.

(Al-Anfaal, 46)

Oleh itu, umat Islam wajib mengelakkan daripada membuat perkara-perkara yang bertentangan daripada yang dianjurkan oleh Islam iaitu memecahbelahkan antara satu sama yang lain, tidak menunjukkan kasih sayang terhadap saudara seagama, tidak menunjukkan sifat pemaaf, pelindung dan prihatin terhadap saudara seagama dan tidak terikat kepada perjuangan intelektual menentang penafian dan kekufuran, yang merupakan satu dosa besar. Dari Abu Bakrah (Nufa'i) bin al Harits ats Tsaqafy berkata: Rasulullah saw bersabda:

"Apabila dua orang Muslim berhadapan dengan pedang masing-masing maka pembunuh dan terbunuh keduanya sama-sama masuk neraka. Abu Bakrah bertanya, "Ya Rasulullah, yang membunuh jelas masuk neraka tetapi mengapa yang terbunuh juga demikian? Rasulullah saw menjawab, "Karena ia juga memiliki niat sungguh-sungguh akan membunuh lawannya."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Jika dunia Islam mahu mendirikan tamadun yang kuat, stabil dan makmur yang boleh memandu dan menerangi dunia dalam setiap aspek, ia mesti bertindak dalam kesatuan. Ketiadaan kesatuan sedemikianlah yang bertanggungjawab dalam mewujudkan keadaan dunia Islam sekarang - perpecahan dan pemisahan, ketiadaan suara yang bersatu, dan ketidakupayaan mempertahankan diri. Tidak terkira banyaknya bilangan wanita, kanak-kanak dan orang tua yang lemah dan tidak berupaya yang sangat-sangat memerlukan penyelamat dari penindasan di Palestin, Kashmir, Turkestan Timur (wilayah orang Islam Uighur yang diperintah oleh negara Cina), selatan Filipina (wilayah orang Islam Moro) dan lain-lain wilayah. Mereka adalah tanggungjawab utama dunia Islam. Umat Islam tidak seharusnya lupa sabda Rasulullah saw:

"Seorang Muslim itu adalah bersaudara dengan Muslim yang lain. Dia tidak boleh menganiayainya dan tidak boleh menyerahkannya (kepada musuhnya)..."

(Muttafak 'alaihi)

Tiga Jenis Hubungan Perpaduan Antara Islam Dan Kebudayaan Melayu

Menurut Syed Hussein Al Attas (1967), hubungan Islam dan kebudayaan Melayu terbahagi kepada tiga iaitu yang pertama perpaduan antara Islam dan kebudayaan Melayu, kedua hubungan neutral iaitu hubungan yang tidak bertentangan dengan Islam dan juga tidak dianjurkan dalam Islam dan akhir sekali hubungan yang bertentangan dengan Islam.

Masyarakat Melayu terkenal dengan sifat ramah, sopan santun, amanah, menghormati jiran, menghormati ibu bapa dan sifat bekerjasama (gotong-royong) sesama sendiri dan juga di antara kaum lain. Sebagaimana terdapat di dalam Al-Quran:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah."

(Al-Ahqaf 8:15)

"Keredhaan Allah terletak pada keredhaan bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan bapa."

(Hadits riwayat At-Tirmidzi)

dan hadis mengenai Islam memuliakan hubungan di antara jiran tetangga:

"Hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak yatim dan orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh".

(An-Nisa 4:36).

Sabda Rasulullah s.a.w.: “Tidak sempurna iman, jika kamu tidur dalam kekenyangan sedang jiran tetangga mu menangis kerana kelaparan”. Daripada Al-Quran dan hadis di atas, terbukti bahawa perpaduan antara Islam dan kebudayaan Melayu adalah sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kedua, hubungan neutral iaitu perkara yang tidak bertentangan dengan Islam dan tidak juga dianjurkan dalam Islam contohnya persandingan di dalam perkahwinan. Islam tidak melarang perbuatan ini tetapi persandingan dalam perkahwinan mestilah mengikut garis panduan dalam Islam iaitu persandingan dibuat di hadapan kaum keluarga sahaja. Sebagaimana kita sedia maklum, pakaian pengantin dalam masyarakat Melayu tidak mengikut Islam contohnya ketat dan nipis. Selain itu juga, gambar-gambar yang diambil tidak manis untuk dipertontonkan dalam kalangan bukan keluarga. Ini terbukti bahawa Islam itu sangat sesuai diamalkan apabila ia boleh menghindari fitnah terhadap pengantin itu sendiri.

Akhir sekali hubungan yang bertentangan dalam Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu contohnya sihir, menggunakan ilmu hitam, syirik, menggunakan dan mempercayai bomoh dan sebagainya. Allah melaknat sesiapa yang menyekutukanNya sebagaimana terdapat di dalam ayat Al-Quran:

"Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang daripada manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat."

(Al-Jinn 72: 6)

Orang Melayu Islam Diseru Memperkukuhkan Penyatuan

Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah sewaktu Muzakarah Cendekiawan Islam 2009 menyeru agar orang Melayu Islam memperkukuhkan penyatuan. Ia perlu dilaksanakan dari peringkat bawah sehinggalah ke pemimpin atasan. Baginda meminta orang Melayu yang beragama Islam bersatu padu bagi membina modal pengupayaan Islam dan Melayu. Sebagaimana terdapat dalam sejarah melalui Peristiwa Natrah pada Disember 1950 dan Tragedi 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Kedua-dua peristiwa ini menunjukkan

kebangkitan orang Melayu Islam untuk memperkukuhkan perpaduan di antara mereka. Ini kerana tanpa perpaduan, orang Melayu Islam mudah diperkotak-katikkan dan tidak mampu membina keupayaan diri sendiri.

Globalisasi dan liberalisasi merupakan cabaran besar yang perlu diamati dan difahami oleh setiap individu Melayu Islam. Namun begitu, orang Melayu Islam pada masa kini tidak dapat menumpukan kekuatan untuk menghadapi perkara ini kerana terdapatnya unsur-unsur negatif seperti tekanan daripada pihak ketiga yang mengakibatkan kekuatan perpaduan orang Melayu Islam yang semakin longgar dan berpecah belah. Tekanan ini termasuklah keistimewaan hak-hak Melayu Islam, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan agama Islam sebagai agama rasmi dipertikaikan dengan pelbagai analogi dan cemuhan terhadap Melayu Islam. Sedangkan orang Melayu Islam merupakan bangsa dan mempunyai agama paling suci di dunia yang sentiasa memberi peluang kepada bangsa lain menikmati dan berkongsi kekayaan di tanah airnya sendiri.

Dr Nazrin Shah juga turut menambah, apabila berlakunya perbezaan pendapat dan fahaman politik, mereka harus berbalik kepada Al-Quran dan berpegang pada kiblat yang satu ini kerana mempunyai senjata yang amat ampuh iaitu memiliki agama yang terunggul di dunia iaitu Islam. Perkara ini wajib dilakukan bagi mengekalkan kuasa Melayu Islam bukan sahaja setakat kuasa politik tetapi juga untuk membina keupayaan ekonomi dan pendidikan. Namun begitu harus diingatkan bahawa tiada satu pun perkara boleh dilaksanakan dengan jayanya tanpa ada penyatuan. Ini terbukti dalam Al-Quran melalui firman-Nya:

“Berpeganglah kamu dengan tali-tali Allah dan jangan kamu berpecah belah.”

(Ali Imran 3: 103)

Dapat difahami dari ayat ini, umat Islam perlu bersatu, iaitu dengan cara berpegang kepada tali Allah. Apakah yang dimaksudkan dengan tali Allah? Ada ulama yang mentafsirkan tali-tali Allah itu sebagai syariat Allah. Maknanya kita umat Islam perlu sama-sama menerima dan mengamalkan segala hukum hakam Allah. Dengan itu hati-hati kita akan terikat di antara satu sama lain. Ada juga ulama yang mentafsirkan tali-tali Allah itu sebagai rasa cinta dan rasa takut kepada Allah. Kalau semua umat Islam sama-sama dapat rasa cinta dan rasa takut kepada Allah, nescaya hati-hati mereka akan sama-sama terikat kepada Allah yang Esa dan mereka akan berkasih sayang dan bersatu padu di antara satu sama lain.

Selain daripada itu juga, orang Melayu Islam perlu mengambil iktibar daripada rusuhan kaum antara etnik Uighur dan Han di Xinjiang, China yang menampakkan betapa umat Islam di seluruh dunia sering menjadi mangsa kekejaman bangsa dan agama lain. Etnik Uighur yang beragama Islam serta penduduk asal Xinjiang diperkotak-katikkan dengan mudah dan disisihkan terutamanya daripada sudut ekonomi. Inilah pengajaran di depan mata yang perlu diambil oleh orang Melayu Islam. Kini kita masih ada kuasa politik, namun tidak mustahil kuasa politik ini tinggal sejarah jika orang Melayu Islam tidak bersatu padu. Inilah satu-satunya kuasa yang masih ada pada orang Melayu. Banyak lagi usaha perlu dilakukan agar orang Melayu Islam bukan sahaja bersatu padu dalam erti kata kuasa politik tetapi juga bersatu padu untuk menjadikan agama Islam sentiasa disegani dan dihormati di Malaysia.

Bangsa Melayu harus sedar bahawa rapuhnya perpaduan di antara orang Melayu akan membuka peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk menanggung di air keruh yang sentiasa berusaha untuk meminggirkan bangsa Melayu di bumi tumpah darah kita sendiri. Pemimpin beragama Islam perlu mempunyai integriti yang tinggi untuk menjalankan tugas berpandukan kepada wahyu, syariat dan petunjuk Allah S.W.T. Matlamat kepimpinan dalam Islam ialah untuk mencapai kesempurnaan akhlak yang mulia dan amanah serta menyeru membuat kebaikan dan mencegah kejahatan. Pemimpin Islam yang diberi kepercayaan untuk mentadbir perlu mempunyai ikatan yang padu di antara pemimpin dan rakyat. Mereka perlu sentiasa amanah dalam melaksanakan tugas supaya berlaku adil apabila menyelesaikan masalah. Justeru itu, sekiranya berlaku kekecohan dan perselisihan sesama umat Islam, maka hendaklah kembali kepada jalan penyelesaian mengikut petunjuk dan kaedah dari kitab Allah dan sunah Rasul-Nya.

Percayalah, sekiranya orang Melayu terus bertelagah sesama sendiri tanpa secebis pun hasrat untuk bersatu sudah pasti suatu hari kelak kita bukan sahaja kehilangan semua hak dalam perlembagaan yang kini dicabar dengan begitu hebat sekali, malah tidak mustahil orang Melayu dan Islam akan menjadi pelarian di tanah air sendiri. Kita akan hilang segalanya. 'Tanah Melayu' yang tercinta, Institusi Kesultanan Melayu yang menjadi payung kepada orang Melayu dan kuasa politik yang dipimpin oleh orang Melayu akan menjadi kenangan dan nostalgia sahaja pada ketika nanti.

Malah kewajipan mengusahakan perdamaian di kalangan umat Islam tidak kurang darjatnya dari ibadat-ibadat utama seperti sembahyang, seperti yang dinyatakan dalam beberapa hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Mahukah aku memberitahu kamu amalan yang lebih afdal dari sembahyang, puasa dan sedekah, iaitu mendamaikan antara dua golongan yang bersengketa; kerana kerosakan hubungan di kalangan umat Islam boleh membinasakan."

"Jemaah itu adalah rahmat dan perpaduan itu adalah azab, sesiapa yang memecahkan perpaduan, maka ia bukanlah dari golongan kita."

Kata-kata hikmat daripada Saidina Hasan bin Ali R.A ketika menyeru pengikut-pengikutnya bersatu di bawah kepimpinan Muawiyah, boleh dijadikan bahan renungan:

"Sesungguhnya apa yang kamu sekalian tidak suka dalam berjemaah (bersatu) adalah lebih baik dari apa yang kamu suka dalam berpecah."

"Sesiapa di kalangan kamu yang hidup lama akan menyaksikan perbezaan pendapat (khilaf) yg banyak, maka berpeganglah kepada Sunnahku dan sunnah Khalifah Arroshideen dan gigitlah dengan gigi gerahammu dan jangan berpecah."

Dari ayat-ayat di atas dan dari Al-Qur'an secara keseluruhannya, serta sabda-sabda Rasulullah s.a.w., boleh dirumuskan bahawa adalah menjadi satu kewajipan agama bagi umat Islam untuk hidup bersatu padu, terikat antara satu sama lain sebagai saudara dalam perasaan kasih sayang, mengelakkan pertikaian, menjadi sahabat dan penjaga antara satu sama lain, melindungi dan mengawasi antara satu sama lain di dalam semua keadaan dan juga nasihat-menasihati satu sama lain.

Justeru itu, belum terlambat untuk kita kembalikan semula kekuatan umat Melayu dan Islam berasaskan penyatuan dan perpaduan berteraskan Islam Melayu yang jitu dengan para pemimpin yang berintegriti tinggi yang berani memperjuangkan agenda Islam, Melayu dan tanah air yang tercinta ini demi generasi Melayu Islam kini dan akan datang.

Rujukan

Al-Quran dan Hadis

Surah Al-Taubah 9:33

Hadis Riwayat Imam Ahmad, ad-Darimi dan al-Hakim

Surah Al ‘Imran 3:103

Surah Al-Anfaal, 46

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim

Surah Al-Ahqaf 8:15

Hadits riwayat At-Tirmidzi

Surah An-Nisa 4:36

Surah Al-Jinn 72: 6

Ali Imran 3: 103

BAB 5

KEPENTINGAN PENDIDIKAN SEJARAH

Nur Hanee Mohamad

Nooririnah Omar

Pengenalan

Perpaduan merujuk kepada sesuatu yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara secara menyeluruh melalui ideologi setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama; disamping memupuk perasaan kebangsaan di kalangan masyarakat untuk mengukuhkan perpaduan. Menurut Shamsul Amri (2007), perpaduan bererti satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga terhadap tanah air.

Perpaduan merupakan aset terpenting bagi Malaysia kerana tanpa perpaduan tidak mungkin keamanan dan keharmonian dapat dinikmati, ibarat kata pepatah Melayu 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh'. Fokus perpaduan tertumpu kepada integrasi nasional iaitu perpaduan secara menyeluruh melibatkan semua bangsa di Malaysia tetapi perpaduan sesama bangsa melayu tidak diberikan perhatian yang khusus sedangkan sebagai bangsa majority di Malaysia, keteguhan bangsa melayu menjadi tonggak perpaduan nasional.

Sebagai sebuah negara yang bebas, merdeka dan berdaulat, unsur perpaduan dikalangan rakyat Malaysia adalah amat penting kerana tanpa perpaduan bukan sahaja Malaysia malahan mana-mana negara sekalipun pasti akan mudah terdedah kepada pelbagai kelemahan dan juga ancaman luar yang sentiasa cuba mencari peluang bagi mengambil kesempatan terhadap

keamanan dan kedaulatan negara. Bangsa Melayu khususnya memainkan peranan yang penting sebagai bangsa majoriti dalam memastikan keamanan dan perpaduan terjamin kerana perpaduan bangsa Melayu mampu memberi impak terhadap perpaduan menyeluruh negara.

Tidak dinafikan bahawa perpaduan rakyat Malaysia merupakan satu isu yang amat wajar diberi perhatian serta perlu dititikberatkan di dalam penyusunan pembangunan negara. Ini kerana hanya melalui perpaduan diantara rakyat yang berbilang bangsa, kemerdekaan dan kedaulatan negara dapat dipertahankan, bagi memastikan supaya semua rakyat Malaysia dapat hidup dengan suasana yang aman damai.

Namun begitu, bagi mencapai perpaduan nasional, fokus yang utama harus diberikan kepada bangsa majoriti di Malaysia iaitu bangsa Melayu. Sebarang usaha bagi mewujudkan perpaduan nasional di dalam Malaysia tidak mungkin dapat dicapai jika sekiranya bangsa Melayu yang merupakan kaum majoriti itu sendiri tidak bersatu padu. Sebagai bangsa majoriti adalah penting bagi bangsa Melayu untuk menjadi tunjang kepada asas perpaduan di Malaysia. Bagi ~~tujuan~~ merealisasikan matlamat ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak dari pelbagai aspek bagi mewujudkan perpaduan bangsa Melayu secara langsung atau tidak langsung dengan matlamat utama iaitu perpaduan nasional.

Jika sekiranya bangsa Melayu sendiri tidak bersatu padu, maka ini akan mengakibatkan bangsa Melayu lemah dan tidak maju. Dewasa ini juga, bangsa Melayu dilihat semakin berpecah belah terutamanya kesan daripada perbezaan fahaman politik. Perbezaan politik ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk memecahbelahkan perpaduan bangsa Melayu tetapi bangsa Melayu perlu lebih bersatu padu dan berdaya saing walaupun berbeza fahaman politik. Permuafakatan dan perpaduan di kalangan bangsa majoriti Malaysia harus diperkukuhkan kerana tanpa semua ini dikhuatiri pihak yang tidak bertanggungjawab akan cuba mengambil kesempatan dan mengambil alih sedikit demi sedikit pemerintahan negara yang akhirnya akan hanya membawa kepada perpecahan dan kehancuran bangsa Melayu. Perpaduan bangsa Melayu akan membuatkan bangsa Melayu lebih maju dari segala aspek agar disanjung dan lebih dihormati.

Dasar Perpaduan

Perpaduan rakyat Malaysia telah memainkan peranan penting dalam menjamin kestabilan dan kemajuan negara. Pihak kerajaan khususnya telah melakukan pelbagai usaha bagi memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita semenjak kemerdekaan dicapai. Pelbagai dasar juga telah dijalankan untuk mencapai perpaduan baik sesama bangsa mahupun antara pelbagai bangsa di Malaysia. Kemajuan negara menjelang Wawasan 2020 tidak mungkin dapat dicapai tanpa perpaduan dan kerjasama antara setiap rakyat amat diperlukan bagi menjana kemajuan negara. Perpaduan negara yang dihuni masyarakat majmuk ini juga amat penting bagi merealisasikan Wawasan 2020 dan memastikan keamanan dan keharmonian negara terjamin. Oleh yang demikian adalah wajar bagi bangsa Melayu menyedari betapa pentingnya perpaduan bangsa Melayu itu sendiri dalam menjamin perpaduan negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berdaya saing. Sekiranya bangsa Melayu tidak bekerjasama sesama mereka mana mungkin perpaduan nasional dapat dicapai. Tanpa perpaduan bangsa majoriti ini; dikhuatiri akan mengakibatkan perpaduan nasional di antara bangsa Melayu dan bangsa-bangsa yang lain juga tidak dapat dicapai.

Perpaduan boleh dicapai melalui pelbagai dasar perpaduan dan diantaranya dasar perpaduan ini mampu dilaksanakan melalui dua cara iaitu integrasi dan asimilasi. Integrasi merupakan satu proses yang dilaksanakan bagi mewujudkan satu identiti nasional di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari aspek kebudayaan, sosial dan demografi. Proses asimilasi merupakan satu proses yang mana sesebuah kumpulan minoriti diasimilasikan atau disatukan melalui perkahwinan campur dan sebagainya ke dalam kumpulan etnik yang lebih besar. Menurut seorang ahli sosiologi, Vander Zanden, asimilasi adalah satu proses yang mana kelompok-kelompok yang pada awalnya berfikir, berperasaan dan bertindak secara berlainan akhirnya menjadi satu dalam kesatuan sosial serta budaya yang sama.

Kerajaan Malaysia telah banyak memainkan peranan penting bagi memastikan perpaduan bangsa dan negara sentiasa terjamin. Pihak kerajaan juga telah menggariskan beberapa dasar bagi membentuk perpaduan di Malaysia dan ini antaranya melibatkan Dasar Pendidikan,

Dasar Kebudayaan, Akta Bahasa Kebangsaan dan juga Sukan Alat Perpaduan. Dalam konteks mencapai perpaduan bangsa Melayu, dasar perpaduan melalui integrasi harus dilaksanakan bagi mewujudkan perpaduan bangsa Melayu; malahan dasar pendidikan yang telah digariskan oleh kerajaan Malaysia juga mampu merealisasikan matlamat ini. Perpaduan bangsa Melayu melalui konteks pendidikan adalah seiring dengan Dasar Pendidikan yang telah dibentuk oleh Kerajaan Malaysia bagi mencapai perpaduan menyeluruh iaitu perpaduan nasional. Di Malaysia, pendidikan merupakan faktor unggul dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu dan setia kepada negara yang mana hakikat ini juga telah lama disedari. Oleh yang demikian, adalah wajar konteks pendidikan turut diberi perhatian serius bagi mencapai perpaduan bangsa Melayu yang akhirnya dilihat mampu menyumbang terhadap perpaduan nasional.

Jika melihat pada sistem pendidikan Malaysia pada masa kini, kerajaan telah melaksanakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar ini amat penting agar perpaduan diantara bangsa serta integrasi nasional dapat dicapai. Adalah amat jelas bahawa dasar pendidikan yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia amat menitikberatkan pendidikan dalam membentuk perpaduan di dalam negara. Dasar Pendidikan bukan sahaja bertujuan membentuk perpaduan nasional malahan ianya juga memainkan peranan penting bagi menjamin perpaduan di dalam bangsa majoriti di Malaysia iaitu bangsa Melayu agar ianya terus kekal. Adalah penting bagi pihak Kementerian Pendidikan untuk menggunakan dasar yang diperkenalkan ini secara menyeluruh dan juga mempraktikkannya dengan mengfokuskan kepada bangsa Melayu yang merupakan bangsa majoriti negara ini dengan harapan perpaduan bangsa Melayu akhirnya mampu membawa kepada perpaduan nasional.

Pendidikan

Selepas Perang Dunia Kedua, pelbagai isu perpaduan telah diutarakan dan diantara persoalan yang timbul di kalangan para pemimpin dan pendidik adalah dalam mencari formula bagi mengenalpasti cara yang harus dilaksanakan untuk melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Ini juga melibatkan persoalan usaha yang wajar dilaksanakan bagi

melahirkan masyarakat majmuk yang sedia untuk hidup bersama antara satu sama lain dengan aman dan damai tanpa mengeneipkan keperibadian dan nilai-nilai murni sebagai rakyat Malaysia.

Di dalam sesebuah negara, sistem pendidikan yang dilaksanakan adalah penting dan bukan hanya berfungsi untuk menjaga kebajikan tetapi juga bagi memastikan setiap anak-anak yang dididik menjadi insan yang berjaya tanpa mengeneipkan asal usul dan budaya. Sistem pendidikan juga merupakan salah satu saluran bagi menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat melalui penerapan dan pemahaman tentang nilai-nilai positif dalam kehidupan bermasyarakat bagi mencapai perpaduan di peringkat seawal dikalangan para pelajar.

Pendidikan formal bukan sahaja memainkan peranan penting di dalam proses sosialisasi, malahan melalui pendidikan juga perbezaan diantara insan yang berilmu dengan insan yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dapat dikenalpasti. Oleh yang demikian, sekolah memainkan peranan penting bukan sahaja mendidik pelajar malahan juga bagi memberi kesedaran tentang betapa pentingnya semangat perpaduan bangsa dan bagaimana perpaduan setiap bangsa itu sendiri akhirnya mampu menjamin keamanan dan kestabilan rakyat serta negara.

Kerajaan Malaysia menyedari bahawa semangat perpaduan dan integrasi sewajarnya dipupuk dan disemai dari peringkat awal. Tumpuan haruslah diberikan kepada golongan-golongan muda iaitu pelajar-pelajar sekolah baik diperingkat rendah mahupun peringkat menengah. Oleh yang demikian, kerajaan telah menggunakan sistem pendidikan sebagai satu saluran yang amat berkesan bagi menerapkan nilai-nilai murni dan semangat perpaduan di kalangan golongan muda terlebih dahulu, ibarat kata pepatah Melayu ‘melentur buluh, biarlah dari rebungnya’. Penerapan di kalangan golongan muda adalah wajar kerana golongan muda merupakan bakal pewaris negara dan tanpa perpaduan dikalangan mereka dari peringkat awal tidak mungkin negara dapat ditadbir dengan baik. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mewujudkan semangat perpaduan dan integrasi di kalangan pelajar. Pelajar berbangsa Melayu khususnya harus mengambil peluang yang sedia ada dan memahami

betapa pentingnya perpaduan sesama Melayu tanpa menolak kepentingan perpaduan sesama bangsa yang lain.

Pendidikan Sejarah

Semangat perpaduan Melayu adalah amat penting dalam pembangunan bangsa dan negara dan salah satu cara yang dilihat dapat membantu bagi merealisasikannya adalah melalui sistem pendidikan itu sendiri. Kali ini dalam mencapai perpaduan bangsa Melayu, fokus adalah tertumpu kepada pendidikan melalui konteks matapelajaran Sejarah. Mata pelajaran Sejarah dilihat dapat memainkan peranan penting dalam membentuk semangat perpaduan dan kenegaraan dikalangan golongan muda khususnya di peringkat sekolah.

Melalui matapelajaran Sejarah, diharapkan semangat perpaduan dan perasaan hormat menghormati dapat dipupuk terutamanya diantara bangsa Melayu sendiri serta dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan adat resam. Pada asalnya, pendidikan Sejarah bertujuan memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air. Pembentukan semangat kenegaraan ini juga adalah sangat penting bagi proses pembangunan negara dan apabila para pelajar dapat menyedari hakikat bahawa betapa pentingnya mempunyai sikap kenegaraan dalam diri masing-masing. Semangat kenegaraan atau perpaduan amat penting supaya kemajuan negara dapat dicapai selain daripada memupuk perasaan cinta dan setia kepada negara. Melalui pendidikan sejarah juga bangsa Melayu akan lebih memahami dan menyedari tentang kepentingan perpaduan dan sikap toleransi sesama mereka yang menjadi asas kepada perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Pada peringkat awal, pendidikan Sejarah di sekolah-sekolah aliran Melayu lebih banyak ke arah Kesusasteraan Melayu Klasik berbanding sejarah tempatan. Ini adalah kerana pihak British khuatir apabila pendidikan adalah berteraskan sejarah tempatan, ianya akan menggugat kepentingan ekonomi dan politik mereka. Pengaruh kurikulum Sejarah bagi negara India dan Cina juga turut ditamatkan setelah Laporan Razak 1956 diperkenalkan.

Laporan Razak ini diperkenalkan bagi memastikan sistem pendidikan di Malaysia dapat membentuk perpaduan masyarakat dalam negara ini melalui sistem pendidikan. Selepas era kemerdekaan, Kurikulum Sejarah turut mula diberikan penekanan bagi membentuk perpaduan dan integrasi di dalam negara. Pada awalnya skop kurikulum Sejarah yang sedia ada dilihat sebagai terlalu luas dan tidak menumpukan kepada Sejarah tempatan. Pada tahun 1973 dan 1974, Seminar Sejarah Malaysia I dan II telah diadakan bagi membincangkan kurikulum sejarah di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia akhirnya telah menjadikan matapelajaran Sejarah sebagai salah satu subjek teras yang wajib diambil oleh semua pelajar dan memberi fokus terhadap penerapan sejarah tempatan di dalam kurikulum. Menurut Aini Hassan (2008), perubahan ini merupakan satu anjakan besar dalam falsafah dan konsepsi pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah.

Pendidikan Sejarah diperingkat menengah adalah bertujuan bagi memupuk semangat perpaduan serta taat setia kepada bangsa dan negara. Pemilihan pendidikan Sejarah di peringkat menengah adalah amat bersesuaian kerana lingkungan usia tersebut merupakan peringkat dimana remaja di dalam proses transformasi untuk menjadi lebih matang. Fokus terhadap pemahaman yang menyeluruh tentang sejarah negara turut terkandung didalam kurikulum yang disediakan menjadikan matapelajaran Sejarah salah satu pendidikan yang mampu memupuk perpaduan terutamanya di kalangan golongan muda. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2002), matapelajaran Sejarah dalam KBSM merupakan matapelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah menengah dan ini menjelaskan tentang kedudukan matapelajaran Sejarah di dalam sistem pendidikan negara.

Di peringkat menengah rendah, kurikulum matapelajaran Sejarah yang diambil kira adalah meliputi jangka masa selama lima ratus tahun dan setiap elemen sejarah tersebut juga telah disusun mengikut sistem kronologi. Kurikulum Sejarah adalah bertujuan untuk memberikan pemahaman secara menyeluruh mengenai sejarah Malaysia. Walaubagaimanapun, sejarah negara luar yang mempunyai kaitan dengan sejarah Malaysia juga turut dimuatkan di dalam kurikulum. Ini kerana sejarah negara luar juga dilihat penting untuk dimuatkan oleh kerana ianya juga merupakan asas bagi pelajar untuk mengetahui dan memahami hubungkait sejarah negara luar dengan sejarah di Malaysia.

Melalui matapelajaran sejarah di sekolah, kurikulum ini banyak menerapkan kepada para pelajar mengenai unsur kesedaran dan persefahaman dan juga pelbagai isu yang telah dilalui oleh rakyat yang terdahulu bagi mencapai perpaduan dan keamanan. Melalui sejarah juga ia dapat mengingatkan para pelajar tentang pahit getir yang terpaksa dilalui pada zaman dahulu dan secara tidak langsung memupuk semangat menghargai perjuangan yang akhirnya membawa kepada rasa ingin hidup dalam perpaduan dan sentiasa taat setia kepada negara. Usaha pembentukan semangat perpaduan dan kenegaraan melalui pendidikan ini dapat memberi kesedaran kepada para pelajar terutamanya pelajar Melayu tentang pentingnya sikap toleransi sesama mereka yang juga merupakan satu asas kepada perpaduan nasional.

Pada tahun 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan matapelajaran Sejarah sebagai salah satu matapelajaran wajib lulus pada peringkat SPM dan langkah ini dilihat sebagai satu langkah yang sangat relevan dengan masa kini. Mulai 2014, pengenalan dan penerapan matapelajaran Sejarah sebagai subjek teras bagi peringkat sekolah rendah dilihat sebagai ~~datu~~ satu langkah yang sejajar dengan perancangan transformasi sistem pendidikan negara memlaui perubahan KBSR dan KBSM sejak 2011. “Sebelum ini matapelajaran Sejarah dianggap sebagai matapelajaran kelas kedua dan dikaitkan dengan pelajar-pelajar aliran sastera” (Omar , 1992 dan Abdul Ghani, 2008). Tindakan menjadikan matapelajaran Sejarah sebagai matapelajaran wajib lulus di peringkat menengah dan menjadikannya sebagai subjek teras di peringkat rendah membuktikan betapa pentingnya matapelajaran Sejarah terutamanya bagi tujuan memupuk semangat perpaduan bangsa dan negara bermula di peringkat sekolah. Langkah mewajibkan subjek Sejarah bukan sahaja dilihat sebagai langkah untuk memartabatkan ilmu sejarah di Malaysia sahaja tetapi dalam masa yang sama untuk ~~ianya~~ membuktikan betapa penting dan relevannya pendidikan Sejarah di dalam setiap aspek kehidupan rakyat Malaysia. Langkah ini dilaksanakan agar legasi sejarah di Malaysia yang banyak mencerminkan kepelbagaian masyarakat selari dengan perjuangan 1 Malaysia dapat diperkasakan.

Pengenalan matapelajaran Sejarah bagi KBSM dan matapelajaran Sivik Kewarganegaraan bagi KBSR secara tidak langsung dapat membantu mengukuhkan semangat taat setia dan cintakan negara dari peringkat kanak – kanak sehingga peringkat remaja. Melalui kedua-dua matapelajaran ini, sikap seperti kerjasama, bertoleransi, hormat menghormati dan bertanggungjawab dapat disemai di kalangan para pelajar. Nilai murni yang diterapkan ini adalah penting dalam usaha kerajaan untuk membentuk perpaduan serta integrasi nasional dikalangan pelajar yang berbilang kaum.

Mata pelajaran Sejarah banya memainkan peranan penting ke arah matlamat perpaduan dan pembangunan negara. Melalui matapelajaran Sejarah juga diharapkan dapat membina semangat perpaduan dan perasaan hormat menghormati bukan sahaja diantara bangsa malahan juga perpaduan sesebuah bangsa itu sendiri. Di dalam konteks perpaduan Melayu, langkah Kementerian ini dilihat sebagai satu saluran yang dapat memberi kesedaran kepada bangsa muda Melayu di peringkat sekolah tentang betapa pentingnya perpaduan di kalangan bangsa Melayu sendiri supaya perpaduan nasional dapat dicapai.

Dasar mewajibkan pelajar sekolah menengah mempelajari sejarah adalah menepati kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang inginkan para pelajar melalui proses perkembangan minda, rohani dan jasmani secara serentak dan bersepadu. Bangsa Melayu harus mengambil kesempatan ini untuk mendalami dan memahami peranan rakyat terdahulu dalam memperjuangkan keamanan yang membawa kepada perpaduan yang dikecapi kini. Melalui pendidikan Sejarah juga bangsa Melayu diharap menyedari betapa pentingnya untuk mengekalkan perpaduan baik sesama bangsa mahupun diantara bangsa-bangsa lain.

Usaha berterusan perlu dijalankan bagi memperkukuhkan perpaduan bangsa Melayu di Malaysia melalui pendidikan Sejarah. Dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, perpaduan bangsa melayu sebagai etnik majoriti adalah penting supaya perpaduan nasional dapat dicapai. Kurikulum Sejarah dilihat dapat menjadi salah satu usaha terbaik untuk memupuk perpaduan Melayu di peringkat sekolah dapat direalisasikan. Untuk itu, sebagai bangsa majority; bangsa Melayu perlu menanam sikap bekerjasama, bertoleransi serta bersatu padu antara satu sama lain. Oleh itu, adalah wajar apabila kurikulum Sejarah

dilihat sebagai satu medium yang sangat signifikan bagi merealisasikan hasrat untuk mencapai perpaduan.

Pendidikan Sejarah merupakan satu matapelajaran yang dianggap relevan dalam menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam masyarakat di negara ini. Pendidikan Sejarah dilihat sebagai satu matapelajaran yang mampu menerapkan nilai-nilai yang berkaitan dengan perpaduan baik dari segi bangsa malahan perpaduan nasional. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah seharusnya memberi tumpuan kepada input pembelajaran, perkembangan pemikiran serta pemupukan nilai-nilai perpaduan. Ini bagi memastikan para pelajar dapat melalui proses pembelajaran dengan baik tanpa ada rasa bosan untuk mempelajari sejarah Malaysia yang telah banyak memberi sumbangan terhadap perpaduan dan pembangunan negara.

Kesimpulan

Penerapan nilai dalam pendidikan Sejarah terbahagi kepada nilai individu, nilai politik, nilai sosial dan kemasyarakatan dan nilai intelek (Rahim Rashid, 2000). Mempunyai pengetahuan serta pemahaman yang baik mengenai nilai-nilai ini adalah signifikan bagi memupuk perpaduan terutamanya di kalangan pelajar. Ini kerana di dalam konteks pendidikan Sejarah, proses penerapan nilai – nilai murni ini turut melibatkan kehidupan seharian mereka. Melalui semua ini para pelajar lebih mudah memahami serta mengamalkan nilai-nilai murni seperti amalan perpaduan serta menyedari kepentingan perpaduan bangsa dan negara.

Pelbagai pihak harus memainkan peranan penting bagi memastikan perpaduan bangsa Melayu dapat dikekalkan supaya perpaduan nasional dapat direalisasikan tanpa sebarang masalah. Namun begitu, adalah menjadi satu tanggungjawab utama bagi para pendidik dalam memastikan matapelajaran sejarah mampu menjadi salah satu matapelajaran yang menarik untuk dipelajari. Keupayaan para pendidik menarik minat para pelajar serta memastikan para pelajar memahami intipati pendidikan sejarah di samping memupuk semangat perpaduan dan taat setia kepada bangsa dan negara.

Selain daripada peranan para pendidik, melalui penerapan matapelajaran Sejarah di dalam sistem pendidikan Negara, golongan muda khususnya yang berbangsa Melayu dapat menggunakan peluang yang ada untuk lebih memahami dan mendalami Sejarah bangsa dan negara. Hanya melalui konsep pemahaman para pelajar dapat menyedari betapa pentingnya perpaduan terutamanya perpaduan bangsa Melayu supaya keharmonian dapat dijamin dan akhirnya kemajuan dan daya saing yang tinggi dapat diperolehi. Sebagai kesimpulan, penerapan asas perpaduan bangsa Melayu melalui pendidikan Sejarah merupakan landasan terbaik bagi melahirkan pelajar-pelajar yang memahami pentingnya perpaduan bangsa Melayu didalam negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum ini.

Rujukan

Jurnal

Abdul Rahim Abd. Rashid. (2000). Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM. Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara Aziz & Sharifah Nur Puteh. (2011). Kurikulum Sejarah Ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum Di Malaysia.

Aini Hassan & Siti Hawa Abdullah. (2008). Sejarah Perkembangan Kurikulum Sejarah di Malaysia dalam Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia; Pengalaman 50 Tahun Merdeka. Oleh Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. 2008. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia : Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. 90-106. ISSN 2180-0251

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. Jurnal Hadhari, 2 (1) , 61-84. ISSN 1985-6830.

Omar Hashim. (1992). Falsafah Pendidikan Sejarah: Sejarah dalam Pendidikan. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Amri Baharuddin. 2007. Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Vander Zanden, James W. 1963 American Minority Relations: The Sociology of Race and Ethnic Groups. New York: Ronald Press.

Bahan dari Internet

Abdul Ghani Abu. (2008). Sejarah Masih Relevan, Utusan Malaysia. Retrieved January 14, 2008 from
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm

Dr. Aminudin Mansor. (2011). Minda: Pendidikan Sejarah Pengukuh Patriotisme, my Metro. Retrieved September 15, 2011 from
http://www.hmetro.com.my/articles/Minda_Pendidikansejarahpengukuhpatriotisme/Article

BAB 6

KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Norhayati Omar

Nor Fazlin Uteh

Zuliana Zoolkefli

Pengenalan

‘Melayu adalah bangsa yang besar!’. Ungkapan yang sering kita dengar sejak dari dulu lagi yang diulang-ulang oleh para pemimpin kita, datuk nenek kita dan golongan bijak pandai. Ia sering kali didengari di konvensyen, seminar tempat orang berucap, penulisan buku atau sebagainya mereka akan mengulangi atau setidak-tidaknya mereka akan menyelitkan sejarah kegemilangan lampau bangsa melayu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan telah mensasarkan tahun 2020 sebagai detik untuk melihat tegaknya sebuah negara Malaysia yang maju, selain itu juga kepentingan orang Melayu turut diambil kira. Melayu adalah urat nadi kepada negara ini. Perpaduan Melayu perlu dititikberatkan dan tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat Melayu. Perpaduan melayu hangat diperkatakan bukan sahaja di parlimen, malah oleh kelompok-kelompok yang prihatin dengan masa depan orang melayu di persidangan-persidangan formal ataupun tidak formal.

Menyentuh tentang isu perpaduan melayu, terdapat pelbagai cara untuk memartabatkan perpaduan melayu. Salah satunya ialah melalui kesenian dan kebudayaan. Berdasarkan kepada Perlembagaan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dipetik dari kertas kerja yang telah dibentangkan sewaktu Konvensyen Perpaduan Melayu Pulau Pinang 2008, ianya ditubuhkan adalah untuk menjaga dan memartabatkan kesucian agama Islam, kesenian

dan juga kebudayaan Melayu. Ianya termaktub dalam Perlembagaan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (Bahagian 5.5.3). Tertubuhnya perkara ini adalah kerana GPMS menyedari bahawa perkara atau tujuan ini dapat menyatukan dan meningkatkan darjat bangsa Melayu.

Dipetik dari sajak Tun Dr Mahathir (2004) iaitu:

*Tugas kita belum selesai rupanya
Bagi memartabat dan memuliakan bangsa
kerana hanya bangsa yang berjaya
akan sentiasa dihormati
Rupanya masih jauh dan berliku jalan kita
Bukan sekadar memerdeka dan mengisinya
tetapi mengangkat darjat dan kemuliaan
buat selama-lamanya
Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku
Kerana masa depan belum menjanjikan syurga
Bagi mereka yang lemah dan mudah kecewa*

*Perjuangan kita belum selesai
Kerana hanya yang cekal dan tabah
Dapat membina mercu tanda
Bangsanya yang berjaya.*

Sebelum kita berbicara lebih panjang, adalah lebih baik kita kupas isu ini satu persatu dari segi definisi perpaduan, kesenian, kebudayaan dan juga peranan kesenian dan kebudayaan dalam memartabatkan perpaduan melayu.

Definisi Perpaduan.

Perpaduan atau “solidarity” ini didefinisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga tanahair. Manakala Samat (2003) mentakrifkan perpaduan sebagai satu penyatuan tenaga, fikiran, cita-cita dan pengorbanan dalam satu ikatan yang sepadu, kuat dan maju.

Selain itu juga, berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan perpaduan sebagai penggabungan peleburan, persesuaian, kecocokan, dan perihal berpadu (bergabung menjadi satu, sepakat dan lain-lain). Selain itu juga, berdasarkan kepada artikel yang dipetik dari Adib (2002) menyatakan bahawa perpaduan bererti hubungan erat yang bersifat toleransi bagi mencapai matlamat secara jujur dan ikhlas. Perpaduan juga adalah proses menyatupadukan seluruh masyarakat bagi membentuk satu identiti dan menanamkan perasaan cinta dan bangga negara

Penyataan di atas jika diteliti mampu membawa makna munasabah terhadap persoalan yang kita hadapi, yang kita tafsir dan yang membuat kita bertanya apa signifikannya pernyataan tersebut. Sudah tentulah dapat kita simpulkan bahawa masyarakat dan negara dapat diikat dengan adanya permuafakatan, persefahaman dan juga kerjasama.

Selain itu juga perpaduan juga boleh di definisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara seluruhnya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama di kalangan mereka.

Kesimpulannya, perpaduan merupakan satu proses menyatupadukan masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Oleh itu untuk mencapai perpaduan yang seimbang guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menerapkan nilai-nilai yang boleh menyatupadukan rakyat melalui pendidikan.

Definisi Kesenian

Sepertimana yang kita sedia maklum, golongan muda lebih muda tertarik dengan bidang kesenian berbanding yang lain dalam konteks kebudayaan. Kesenian meliputi seni suara, seni tari, lukisan dan sebagainya.

Kesenian adalah sesuatu produk, pertunjukan atau persembahan, benda atau apa-apa yang berseni yang memiliki ciri-ciri estetika, keindahan atau kecantikan. Kesenian lahir dari sentuhan nuansa atau nurani yang mendalam. Ianya dihasilkan untuk meninggalkan kesan kepada nurani orang lain. Seni daripada Ensiklopedia Indonesia menterjemahkan seni sebagai jelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera pendengaran (seni suara), penglihatan (seni lukis) atau dilahirkan dengan perantaraan gerak (seni tari atau drama), (Abdurrahman, 2005).

Definisi Kebudayaan

Merujuk kepada Kamus Dewan yang memberikan definisi kepada perkataan “kebudayaan” sebagai cara hidup sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi) iaitu merujuk kepada keseluruhan cara hidup manusia dalam apa jua bidang yang melibatkan akal budi dan daya usaha mereka. Selain itu juga, budaya diberi pelbagai takrif mengikut kesesuaian dengan latar sosio masyarakat disesuatu kawasan. Budaya merangkumi setiap aspek kehidupan masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama penganutnya. Perkataan budaya berasal dari cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu yang membawa pengertian kecergasan fizikal dan akal. Budaya juga diklasifikasikan sebagai satu cara hidup yang diamalkan sesuatu kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.

Budaya akan wujud dengan adanya kelompok bangsa atau kaum. Kebudayaan terwujud apabila budaya sesuatu bangsa itu mempunyai nilai peradaban yang tinggi dalam sesuatu tamadun. Dalam kebudayaan terdapat empat komponen penting iaitu fikiran atau idea (contoh : falsafah, mitos, legenda, sastera, kepercayaan, bahasa dan lain-lain), kebendaan (contoh, seni bina, perkakasan, teknologi, perubatan dan lain-lain), kesenian (contoh : seni lakon, tarian, nyanyian, seni visual, lukisan dan lain-lain), nilai dan norma (contoh undang-undang, adat resam, perlakuan, kesopanan dan kesantunan, nilai-nilai keagamaan, pantang larang dan lain-lain).

Budaya juga sesuatu yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi dan boleh diwarisi serta sering berubah mengikut peredaran masa. *Dictionary of Philosophy (1996), the way of life of people, including their attitudes, values, beliefs, arts, sciences, modes of perception and habits of thoughts and activity.*

Mohd Taib (1988), budaya adalah satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling.'

Manakala Edward B. Taylor berkata kebudayaan tidak dimiliki, tetapi diperolehi daripada kelakakuan-kelakuan dan tingkahlaku manusia. Sebaliknya Freeman Budds pula menyatakan budaya membimbing segala sesuatu tindak laku manusia. Namun demikian, Taylor dan Budds turut bersependapat mengatakan agama termasuk budaya dan budaya lebih luas dari agama, agama merupakan hasil kebudayaan dan budaya merupakan ciptaan manusia.

Peranan Kesenian Dan Kebudayaan Dalam Memartabatkan Perpaduan Melayu

Perpaduan antara Melayu dengan Melayu adalah penting dalam mencapai kata sepakat. Selain itu juga, perlunya perpaduan antara Melayu dengan Melayu adalah untuk

mempertahankan bangsa Melayu. Seperti isu yang dibincangkan iaitu peranan kesenian dan kebudayaan dalam memartabatkan perpaduan melayu hangat diperkatakan. Bila disentuh tentang kesenian dan kebudayaan rata rata berfikir bahawa ia adalah cabang atau jalan ke dunia hiburan. Oleh yang demikian, ia menyebabkan ramai di antara bangsa Melayu terutamanya yang mempunyai pemikiran konvensional telah menghalang mereka untuk meneroka kesenian dan kebudayaan Melayu. Justeru itu, pemikiran yang sebegini telah menyebabkan hilangnya kesenian dan kebudayaan Melayu yang dulunya diwarisi oleh nenek moyang kita.

Ramai yang berpendapat adakah kesenian dan kebudayaan membawa kepada hiburan, dan sebagaimana yang sedia maklum apabila menyentuh tentang soal melayu secara automatiknya atau majoritinya adalah beragama Islam. Dipetik dari penulisan Yusuf Al-Qardhawi (2005), bertajuk Seni dan Hiburan Dalam Islam menyatakan bahawa perkara-perkara yang melibatkan seni dan budaya dibolehkan selagi tidak membawa kepada kelalaian dan tidak bertentangan dengan tuntutan agama islam.

Agama Islam sejak 500 tahun lampau telah menjadi landasan hidup orang Melayu dan kebudayaan mereka terutama bercorak ideologi dan bukan material seperti kepercayaan, nilai, pandangan dunia atau falsafah yang berpandukan Islam (Mohd Taib, 1988). Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, kebudayaan sesuatu bangsa itu bermula dengan kepercayaan dan keyakinan kepada sesuatu yang mempunyai unsur-unsur dan nilai-nilai moral dan berakhir dengan suatu peradaban yang unggul.

Selain itu juga, Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa Allah mengurniakan manusia akal dan pancaindera kerana manusia dicipta mempunyai pancaindera yang menginginkan sesuatu menurut naluri masing-masing. Sebagai contoh, sekiranya kita ingin mendengar lagu, sudah pastinya kita menginginkan suara penyanyi yang sedap didengar dan merdu. Begitu juga, sebagai seorang khalifah Allah di bumi, sudah pastinya kita menginginkan kenikmatan yang indah, namun begitu dalam Islam telah menekankan bahawa sekiranya melibatkan kesenaian

dan kebudayaan janganla melampaui batasan agama. Allah telah menjadikan pancaindera manusia untuk tidak digunakan sewenang-wenangnya.

Islam itu tidak kejam, sebaliknya Islam itu indah dan ianya memudahkan umatnya, dimana Islam tidak menolak bahawa kesenian dan kebudayaan adalah sesuatu yang bersifat kemasyarakatan. Kesenian dan kebudayaan yang dipersembahkan merupakan satu ekspresi dari segi emosi dan pengkisahan (Andurrahman, 2005).

Seperti mana yang ditulis oleh seorang penulis blog menyatakan bahawa perpaduan Melayu melalui kesenian dan kebudayaan dapat dilihat bahawa setiap program atau upacara yang mempunyai kaitan dengan kesenian dan kebudayaan mampu mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang kuat antara masyarakat Melayu. Ini sekaligus dapat memperkukuhkan lagi perpaduan antara bangsa Melayu. Selain itu juga, kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu bukan sahaja mempunyai nilai estetikanya malah mempunyai originalitinya. Sebagai contoh persembahan Mak Yong dapat dilihat keindahan dari segi seni tari, seni suara dan sebagainya.

Kesenian dan kebudayaan yang dijalankan perlulah dilakukan secara serius dan bersungguh-sungguh sekiranya kita mahu perpaduan bangsa Melayu. Ini adalah kerana, sekiranya program dilaksanakan, besar kemungkinan oarng menjayakan program tersebut sudah tentunya lebih dari seorang. Oleh yang demikian, melalui aktiviti yang dijalankan dapat memperkukuhkan kerjasama antara hali, sekaligus perpaduan. Selain itu juga, dengan penglibatan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti dan program-program sebigini bangsa Melayu akan lebih bersatu padu serta saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Selain itu juga, dengan adanya aktiviti yang dijalankan secara tidak langsung masyarakat melayu dapat bertukar-tukar pendapat atau idea serta persefahaman dan persepakatan. Justeru itu, sekiranya terdapat program yang dianjurkan sudah pasti program tersebut dapat berjalan dengan lancar dengan adanya nilai-nilai murni semasa program itu berlangsung.

Menurut Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang mengingatkan karyawan filem tempatan supaya tidak menghasilkan filem yang bercanggah dengan agama selain itu juga, beliau menyatakan bahawa para karyawan perlu menghasilkan filem yang menggambarkan identiti kita agar masyarakat dunia mengenali kita.

Rujukan.

Bahan dari Internet

Dimana Teras Perpaduan Melayu (2012). Retrieved November 28, 2012

<http://pejuangmelaka.blogspot.com/2012/07/di-mana-teras-perpaduan-melayu.html>

Kepentingan Perpaduan (2010). Retrieved November 28, 2012

<http://www.scribd.com/doc/17813740/Kepentingan-Perpaduan>

Buku

Abdurrahman Al-Baghdadi. (2005). *Seni Dalam Islam : Vokal, Muzik dan Tari*. Semenyih : Synergymate Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi. (2005). *Seni dan Hiburan Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers

Prosiding Konferen

Memartabatkan Perpaduan Melayu Dari Konteks Kesenian Dan Kebudayaan (2008).

Konvensyen Perpaduan Melayu Pulau Pinang 2008 GPMS

BAB 7

SEKOLAH WAWASAN: MEDIUM PERPADUAN NASIONAL

Norhasniza Mohamad Hasan Abdullah

Rohana Sham

Norhayati Ramlee

Pengenalan

Malaysia kini merupakan sebuah negara yang kian pesat membangun. Oleh itu, Malaysia pasti akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Namun, jika tidak diimbangi dengan betul, keutuhan Malaysia dalam mengekalkan konsep pemajmukan kaum boleh menimbulkan masalah sosialisasi antara kaum dan mengancam kestabilan dan kemakmuran negara.

Kesan penjajahan turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perpaduan di kalangan warganegara yang berbilang kaum pada hari ini. Sistem penjajahan ‘pecah perintah’ menyebabkan wujudnya segmentasi antara kaum bukan sahaja dari segi kebudayaan, agama, peringkat sosioekonomi, malah tempat tinggal mengikut kelompok kaum tersebut. Perpaduan sebaik-baiknya dapat dicapai melalui pendidikan dan pelajaran, tetapi pendidikan dan pelajaran berkait rapat dengan kedudukan sosio ekonomi sesuatu kaum. Masyarakat Melayu yang merupakan penduduk asal Tanah Melayu mengamalkan sistem pendidikan berlandaskan agama dan kemahiran hidup seperti bertani dan menangkap ikan. Kedatangan British di Tanah Melayu telah mengubah sistem pendidikan yang sedia ada kepada sistem sekolah vernikular Melayu yang mana isi pengajaran dan pembelajaran ditambah kepada kemahiran membaca, menulis dan asas mengira.

Tanah Melayu mula menerima penghijrahan masyarakat Cina pada kurun ke-15. Penghijrahan itu menyebabkan banyak perubahan berlaku di Tanah Melayu. Pada awal penghijrahan, masyarakat Cina tidak merasakan keperluan terhadap penubuhan sekolah kerana kedatangan mereka adalah untuk bekerja dan hanya bersifat sementara. Walau bagaimanapun, lama kelamaan mereka mula merasakan perlunya penubuhan sekolah Cina di sebabkan terdapat masyarakat Cina yang berkeluarga menetap di Tanah Melayu bagi menampung keperluan pembelajaran anak-anak mereka. Oleh yang demikian, maka tertubuhlah sekolah vernikular Cina menggunakan sukatan dan sistem pendidikan berorientasikan negara China. Sistem pendidikan Cina ini bertujuan untuk memupuk semangat kesetiaan kepada negara China. Kurikulum sekolah vernikular Cina lebih tertumpu kepada pelajaran klasik lama, kaligrafi dan ilmu kira-kira.

Bagi masyarakat India pula, sekolah vernikular Tamil ditubuhkan apabila British menguatkuasakan Kod Buruh pada tahun 1912. Sekolah vernikular Tamil wajib ditubuhkan oleh pihak ladang sekiranya terdapat sepuluh orang kanak-kanak dalam usia persekolahan di ladang tersebut. Ianya bertujuan mengekalkan anak-anak pekerja menjadi buruh di ladang tersebut. Sistem pendidikan Tamil juga dikatakan berkiblatkan negara India apabila guru-guru serta buku-buku teks yang dibawa dari negara India digunakan dalam pembelajaran.

Selain sekolah vernikular Melayu, Cina dan Tamil, kerajaan British turut menubuhkan sekolah Inggeris. Sekolah Inggeris pertama yang dibina di Tanah Melayu ialah Penang Free School di Pulau Pinang pada tahun 1816. Ia dibuka kepada semua bangsa. Namun demikian, sekolah ini banyak didirikan di kawasan bandar sahaja dan sekaligus menyebabkan penyertaan pelajar agak terhad.

Pengasingan sekolah-sekolah dan ketiadaan peraturan seragam telah melahirkan bibit-bibit semangat perkauman yang menebal. Selain itu, dasar ini telah menyebabkan berlakunya perpisahan secara fizikal antara pelajar-pelajar tersebut. Kesan dasar pecah dan perintah telah mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang telah mengakibatkan keseluruhan sistem ekonomi tanah Melayu pada masa itu menjadi kacau bilau akibat ketidakpuasan hati diantara satu kaum dengan yang lain.

Bagi mengelakkan masalah tersebut dari berulang, kerajaan telah mengambil langkah untuk mendidik penduduknya yang terdiri daripada berbilang kaum menerusi pendidikan yang ditawarkan.

Perkembangan Pendidikan Di Malaysia

Sistem pendidikan merupakan elemen penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik dan sosial. Selain berperanan dalam memberi pelajaran kepada masyarakat, sistem pendidikan juga merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan dengan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum. Menerusi pendidikan, nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bekerjasama, dan aspek-aspek moral diterapkan kepada masyarakat bertujuan melahirkan pewaris negara yang berkualiti, bertanggungjawab, berdaya saing, bijak, dan mempunyai sifat patriotik di mana ia penting untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat.

Seperti diketahui umum, Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, dan adat resam di mana ia juga dikenali sebagai masyarakat majmuk. Justeru itu, pelaksanaan sistem pendidikan yang dijalankan perlulah mengikut keperluan dan kesesuaian setiap komposisi kaum di Malaysia. Sistem pendidikan yang dirangka haruslah memberi manfaat dan faedah kepada semua lapisan masyarakat tanpa ada yang terpinggir.

Sebelum kehadiran pihak British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan orang Melayu bertunjangkan kepada kitab suci Al-Quran yang menjadi teras pelajaran agama Islam. Masyarakat Melayu pada ketika itu menjadikan masjid dan surau sebagai pusat penyebaran dan menuntut ilmu dengan mengkaji ayat-ayat kitab Al-Quran. Cara mereka belajar ialah dengan menghafal Al-Quran, doa dan tentang keseluruhan agama Islam melalui imam dan guru-guru agama. Sistem pendidikan ini terus berkembang dengan kewujudan sekolah-sekolah pondok dan madrasah. Oleh kerana sistem pemerintahan yang dijalankan pada masa itu adalah sistem pemerintahan beraja maka masalah berkenaan perebutan kuasa tidak timbul.

Namun begitu, sistem pendidikan di Tanah Melayu mula mengalami perubahan dengan kedatangan pihak British. Kolonial British telah memperkenalkan sistem pendidikan berteraskan pendidikan Inggeris dengan menubuhkan sekolah-sekolah aliran Inggeris. Sekolah-sekolah tersebut menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium dalam proses pembelajaran. Keadaan ini telah menyukarkan bangsa Melayu ketika itu kerana majoriti masyarakat Melayu tidak mahir dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Tambahan lagi, British turut membuat dasar untuk menyekat kemasukan pelajar-pelajar Melayu ke sekolah tersebut. Dasar ini dibuat kerana pihak British bimbang kedudukan mereka mungkin akan tergugat sekiranya bangsa Melayu menjadi pandai dan cerdik. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah aliran Inggeris hanya dibuka kepada golongan bangsawan atau kelas atasan.

Dasar pendidikan pada zaman penjajahan British tidak memberi kesan positif kepada perpaduan kerana British hanya mementingkan keuntungan ekonomi dan kedudukan sendiri sahaja. Selain sekolah Inggeris, British turut menubuhkan sekolah-sekolah vernikular Melayu, Cina dan Tamil. Sistem sekolah vernikular ini telah merenggangkan hubungan antara masyarakat Melayu, Cina dan India. Selain itu, British juga tidak memainkan peranannya dengan adil terhadap semua kaum. Contohnya, sekolah vernikular Melayu dan Tamil hanya terhad untuk sekolah rendah sahaja, manakala sekolah vernikular Cina dilanjutkan sehingga ke peringkat menengah. Oleh itu, lulusan sekolah vernikular Melayu dan Tamil hanya memenuhi keperluan tenaga manusia yang paling rendah.

Pada tahun 1950, Laporan Barnes yang ketuai oleh L.J Barnes telah menjadi penggerak kepada perubahan kedudukan pendidikan orang Melayu. Menurut laporan ini, tidak akan ada harapan bagi semua rakyat berbilang kaum di Persekutuan Tanah Melayu dididik dan bergaul bersama sekiranya keempat-empat jenis sistem persekolahan vernikular diteruskan. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Barnes mengesyorkan agar sekolah-sekolah vernikular Melayu, Cina, dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan. Penubuhan satu jenis sekolah akan dapat membantu dalam mencapai objektif perpaduan kebangsaan.

Namun begitu, masyarakat Cina merasakan kedudukan mereka akan terancam sekiranya hanya satu jenis sistem sekolah dilaksanakan. Satu kajian dijalankan dikalangan masyarakat Cina dan hasil daripada kajian tersebut Laporan Fenn-Wu 1951 di keluarkan. Hasil kajian Fenn-Wu adalah berlainan dengan Laporan Barnes. Kajian Fenn-Wu

menunjukkan masyarakat Cina tidak bersetuju sekiranya sekolah hanya mengutamakan dua bahasa sahaja. Selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, Masyarakat Cina juga mahu bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Cina diajar di sekolah.

Oleh kerana Laporan Fenn-Wu bercanggah dengan Laporan Barnes, satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1951. Jawatankuasa Khas ini membentangkan laporan yang kemudiannya dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1952. Perubahan pendidikan sentiasa berlaku ketika itu kerana kehendak rakyat perlu dipenuhi bagi menjamin perpaduan dan kesejahteraan negara.

Setelah kemerdekaan dicapai, usaha-usaha untuk menyusun semula polisi pendidikan mula dilaksanakan. Laporan Razak pula telah dibentangkan pada tahun 1956. Antara cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Razak ialah meneruskan keempat-empat sistem persekolahan vernikular dan kurikulumnya disesuaikan melalui penerapan unsur-unsur kebangsaan. Bahasa Melayu ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan manakala Bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa penghantar di sekolah vernikular masing-masing. Laporan Razak ini juga telah dijadikan sebagai asas kepada penggubalan Ordinan Pelajaran 1957.

Seksyen 3, Ordinan Pelajaran 1957 yang digubal ketika menjelang kemerdekaan negara menyatakan sokongan pelaksanaan satu dasar pendidikan negara yang bersifat kepelbagaian yang dapat memenuhi pendidikan bahasa ibunda. Ia juga menyatakan kehendaknya untuk mengadakan suatu sistem pendidikan negara yang dapat diterima oleh semua rakyat berbilang kaum bagi memenuhi keperluan dan pembangunan setiap kaum dalam bidang budaya, sosial, ekonomi dan sebagainya. Ordinan ini juga menyatakan kehendaknya untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan pada masa yang sama memelihara dan meneruskan kesinambungan pembangunan bahasa dan budaya masyarakat bukan Melayu di negara ini. Walaupun Ordinan Pelajaran 1957 ini mempunyai usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, namun para pelajar telah diasingkan dalam sistem persekolahan vernikular masing-masing. Oleh yang demikian, mereka yang datang dari pelbagai kaum tidak mempunyai peluang untuk bergaul sesama mereka.

Pada tahun 1959, sebuah Jawatankuasa Penyemak Pelajaran telah ditubuhkan bagi mengkaji semula pelaksanaan Laporan Razak 1956 dan langkah-langkah bagi mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan. Jawatankuasa yang diketuai oleh Abdul Rahman bin Haji Talib menghantar satu laporan yang dikenali sebagai Laporan Rahman Talib 1960. Laporan tersebut diperakukan dalam Akta Pendidikan 1961. Ia telah mengabdikan cita-cita yang terkandung dalam Laporan Razak dan menggariskan hasrat sistem Pendidikan Kebangsaan yang digunakan sehingga sekarang. Laporan Rahman Talib ini menjadi titik permulaan ke arah pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama dan proses penukaran bahasa penghantar. Selain itu, murid-murid juga dikehendaki lulus Bahasa Malaysia sebelum meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah.

Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menjadi perintis kepada pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia sebagai sebuah negara baru perlu mengukuhkan semula sistem pendidikan negara agar selari dengan matlamat perpaduan nasional. Perpaduan antara masyarakat majmuk merupakan asas utama yang diberi perhatian oleh kerajaan dalam menggubal dasar pendidikan. Justeru itu, dasar-dasar penting dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pelajaran 1961. Akta Pelajaran 1961 dikatakan bukti usaha murni oleh kerajaan dalam mengembalikan semula kepercayaan rakyat.

Rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 telah menjadi titik tolak kepada perubahan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia. Selepas peristiwa hitam tersebut, pihak kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan matlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Selain itu, sistem pendidikan negara juga tidak terkecuali dari merasakan impak dari peristiwa hitam tersebut. Rancangan pendidikan negara telah ditumpukan pada tiga bidang ketika rancangan Malaysia kedua (1971 – 1975) iaitu (1) menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan perpaduan negara, (2) memperluaskan rancangan pelajaran bagi mencapai keperluan negara mengenai tenaga rakyat, dan (3) memperbaiki mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden. Pihak kerajaan turut menyediakan strategi pelaksanaan dalam mencapai rancangan tersebut, antaranya melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secara berperingkat, mengurangkan jurang perbezaan dalam

memberikan peluang pelajaran di antara kawasan dan antara kaum melalui pembinaan sekolah dan kemudahan sekolah di luar bandar, juga mempertingkatkan mutu pelajaran.

Pada tahun 1983, kerajaan Malaysia mewujudkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara. Perancangan tersebut diteruskan ke peringkat sekolah menengah pada tahun 1989 dengan melaksanakan rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah menengah seluruh Malaysia. KBSR dan KBSM diwujudkan dengan tujuan yang sama iaitu sebagai alat perpaduan kaum dan negara. Pada tahun 1991, kerajaan mewujudkan Dasar Pembangunan Negara (DPN) sebagai kesinambungan DEB yang tamat pada tahun 1990. Di bawah dasar ini, kerajaan merangka untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia dan rentetan daripada itu, lahirlah konsep Sekolah Wawasan.

Konsep Sekolah Wawasan

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 merupakan titik hitam dalam sejarah negara. Walaupun peristiwa tersebut sudah lama berlalu, namun tidak mustahil untuk ia kembali berulang sekiranya pemimpin negara gagal memanfaatkan peluang dan masa yang sedang diharungi sekarang. Akibat peristiwa berdarah tersebut, pemimpin negara mula berusaha lebih giat memulihkan hubungan antara kaum di negara ini. Sehubungan itu, cadangan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat untuk menubuhkan Sekolah Wawasan iaitu satu sistem persekolahan yang lebih bersifat kolektif dan berciri keharmonian kaum dianggap sebagai satu langkah bijak. Cadangan yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menitikberatkan keharmonian dalam proses penimbaan ilmu ini telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 1997.

Gagasan Sekolah Wawasan adalah gagasan yang besar, melangkaui kepentingan kaum dan etnik, juga melangkaui batas politik dan sosial. Konsep Sekolah Wawasan bertujuan memupuk integrasi kaum. Sekolah Wawasan akan menggabungkan sekolah-sekolah dari aliran yang berbeza ke dalam satu kompleks. Ini bermaksud di bawah konsep ini, terdapat dua atau tiga buah sekolah rendah dari berlainan aliran akan ditempatkan dalam satu kawasan yang sama. Oleh yang demikian, penubuhan Sekolah Wawasan akan menghimpunkan pelbagai ras, etnik, kaum dan bangsa. Penubuhan Sekolah wawasan dilihat

sebagai salah satu usaha pemimpin negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Sekolah Wawasan di katakan mampu menjadi titian untuk mencapai matlamat penyatuan etnik yang terdapat di Malaysia dan mencintai negara sepenuhnya. Melalui konsep penubuhan sekolah ini, sekolah yang dahulunya terasing kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam dan selari dengan hasrat negara dalam menghasilkan masyarakat yang mempunyai semangat baru untuk meneruskan wadah wawasan negara.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Sekolah Wawasan tidak akan menghapuskan identiti SRJK. Sekolah Wawasan adalah gabungan ketiga-tiga sekolah rendah iaitu SRK (Sekolah Rendah Kebangsaan), SRJKC (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina) dan SRJKT (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil) dalam satu kawasan. Di dalam kawasan ini, sekolah tersebut akan menggunakan segala kemudahan yang ada seperti padang, kantin, perpustakaan dan pelbagai lagi secara bersama atau dikongsi bersama. Selain daripada itu, setiap sekolah mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung.

Sekolah Wawasan juga bercirikan pelaksanaan aktiviti secara bersama. Sebagai contoh, perhimpunan mingguan, kegiatan kokurikulum, Temasya Sukan Tahunan, Hari Penyampaian Hadiah, Hari Kantin dan sebagainya. Selain itu, ada ketikanya aktiviti pelajar boleh dilakukan bersama dengan setiap aliran sekolah menghantar wakil terbaik bagi sesuatu aktiviti seperti pertandingan pidato, pertandingan bola sepak, bola keranjang dan sebagainya. Keadaan ini dapat mengelakkan jurang perpaduan kaum bahkan mengutkan tali persaudaraan antara tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Selain itu, Sekolah Wawasan juga boleh meningkatkan taraf Bahasa Melayu di negara ini apabila Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi di luar bilik darjah. Di samping itu, ia juga dapat memantapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dan dapat melahirkan semangat permuafakatan yang lebih harmonis. Sekolah Wawasan juga memberi kesempatan kepada setiap bangsa untuk lebih bertolak ansur dan mampu mewujudkan persaingan sihat dari aspek akademik.

Setiap sekolah mempunyai guru besar, guru dan kakitangan pentadbir mereka sendiri. Pelaksanaan Sekolah Wawasan adalah selari dengan usaha kerajaan mengekalkan identiti asal

di sekolah berkenaan iaitu dengan cara saling menghormati bahasa, budaya dan etnik yang wujud di ketiga-tiga buah sekolah ini. Walaupun Sekolah Wawasan di sarankan mengadakan acara tahunan secara bersama, mereka masih bebas menjalankan aktiviti kokurikulum masing-masing. Sewaktu aktiviti dijalankan, setiap warga sekolah boleh menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Selain itu, pembentukan Sekolah Wawasan juga tidak bertujuan untuk mengubah pentadbiran dan sistem pembelajaran yang asal bagi setiap sekolah. Sekolah Wawasan mempunyai pentadbiran secara berasingan (mempunyai autoriti untuk menguruskan peruntukan kewangan, perancangan sumber manusia dan pembangunan dan lain-lain) bagi setiap aliran. Setiap sekolah akan mempunyai nama dan logo sekolah, lagu sekolah dan sistem peperiksaan peringkat sekolah masing-masing.

Di samping itu, satu Jawatankuasa Penyelaras yang terdiri daripada Guru Besar dan dua orang guru dari setiap sekolah diwujudkan untuk menyelaras hal-hal pengurusan mengenai kebersihan, keceriaan dan keselamatan sekolah. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh salah seorang daripada Guru Besar dari Sekolah Wawasan berkenaan secara bergilir-gilir mengikut kesesuaian sama ada satu atau dua tahun sekali. Kantin sekolah pula akan dikendalikan bersama-sama oleh sekolah-sekolah berkenaan. Dalam urusan makanan, sensitiviti semua kumpulan etnik akan diambil kira dan bayaran sewa akan diagihkan kepada sekolah-sekolah berdasarkan nisbah murid.

Sehingga ke hari ini, terdapat enam buah Sekolah Wawasan yang telah ditubuhkan di seluruh Malaysia iaitu (1) Kompleks Sekolah Wawasan Pekan Baru, Parit Buntar, Perak; (2) Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Anak Bukit, Kedah; (3) Kompleks Sekolah Wawasan Tasik Permai, Pulau Pinang, (4) Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, Selangor; (5) Kompleks Sekolah Wawasan Pundut, Lumut, Perak dan (6) Kompleks Sekolah Wawasan Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan.

Sekolah Wawasan merupakan tempat terbaik untuk memulakan proses integrasi kaum. Melalui penubuhan sekolah ini, golongan pelajar dari pelbagai bangsa di negara ini dapat disatukan dibawah satu bumbung dan boleh berinteraksi dan bekerjasama khususnya dalam setiap aktiviti berkumpulan. Pelajar-pelajar akan dibiarkan untuk bergaul, berinteraksi dan bermain bersama-sama. Keadaan ini dapat memupuk persefahaman kaum dan seterusnya mempercepatkan integrasi nasional. Proses integrasi dan asimilasi seharusnya dibiarkan berlaku secara semula jadi. Sebarang percubaan untuk mewujudkan integrasi dan asimilasi

secara paksaan pasti akan menemui kegagalan. Oleh yang demikian, dengan cara ini ia dapat menghapuskan tembok pemisah serta mengurangkan jurang yang wujud di antara pelbagai kaum di negara ini.

Matlamat Sekolah Wawasan

Perpaduan di kalangan pelajar merupakan matlamat utama penubuhan Sekolah Wawasan. Selain itu, tujuannya adalah bagi melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara terutamanya golongan yang lahir selepas merdeka. Selain itu, projek yang dicernakan oleh Perdana Menteri keempat ini mampu menjadi pemangkin dalam merealisasikan impian wawasan 2020. Pendidikan merupakan satu kunci yang penting untuk memupuk semangat perpaduan daripada kecil lagi. Melalui sekolah wawasan ini, ia membolehkan murid-murid di sekolah rendah memahami satu sama lain walaupun mereka datang dari pelbagai jenis bangsa dan latar belakang yang berbeza.

Merujuk Kertas Konsep Dan Pelaksanaan Sekolah Wawasan (KPM, 2000), sekolah wawasan yang ditubuhkan pada tahun 2000 mempunyai empat matlamat iaitu (1) mewujudkan perpaduan di kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa dan latar belakang, (2) memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran, (3) melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu dan (4) menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah. Selain itu, penubuhan Sekolah Wawasan juga membolehkan semua sumber digunakan secara optimum. Segala kekuatan dan kelebihan yang didapati dari sekolah aliran yang berbeza ini dapat dikecapi bersama oleh sekolah-sekolah lain untuk menampung kepelbagaian pelajar yang sedia ada.

Penyata Razak (1956) menyatakan tujuan dasar pelajaran di negara ini ialah menyatukan pelajar-pelajar daripada semua bangsa dengan menggunakan satu peraturan pelajaran iaitu menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar. Dan kaedah ini pastinya dapat memupuk perpaduan antara kaum. Perpaduan di sini dalam erti kata lain berupaya menangkis gejala yang boleh memecah-belahkan rakyat seperti semangat perkauman dan perasaan kedaerahan yang melampau.

Penempatan ketiga-tiga aliran sekolah di Sekolah Wawasan dapat dijadikan landasan terbaik untuk mewujudkan integrasi kaum pada peringkat primer lagi. Seperti kata pepatah, kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya. Begitu juga dengan integrasi kaum dan asimilasi budaya hanya dapat dicapai seandainya usaha memupuk hubungan serta perpaduan kaum itu dimulakan di peringkat sekolah rendah dengan membiarkan para pelajar bergaul, berinteraksi dan bermain bersama-sama.

Apabila pelajar Melayu, Cina, India dan kaum lain berinteraksi sejak peringkat awal persekolahan sudah tentu ia dapat melahirkan satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya. Secara tidak langsung, sifat teloransi dan persefahaman antara kaum dapat dipupuk manakala masalah perkauman akan terhapus sedikit demi sedikit dan perasaan syak wasangka antara kaum dapat dihapuskan dan dapat mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu. Justeru itu, penubuhan Sekolah Wawasan merupakan satu medium yang amat bertepatan dalam mewujudkan rakyat yang bersatu padu dalam menempuh cabaran dunia yang mencabar pada hari ini.

Kebaikan Sekolah Wawasan

Seperti yang diketahui umum, objektif penubuhan Sekolah Wawasan bertujuan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Penekanan semangat perpaduan dan integrasi antara kaum ketika di sekolah rendah lebih mudah. Selain daripada itu, matlamat Penyata Razak (1956) untuk menyatukan murid-murid daripada semua bangsa dengan menggunakan satu peraturan pelajaran turut boleh dicapai melalui penubuhan Sekolah Wawasan.

Berbanding sekolah vernukar, Sekolah Wawasan yang menempatkan tiga aliran sekolah yang berbeza di dalam sebuah kawasan dapat membantu murid-murid SRJK menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dengan lebih baik. Di sekolah vernakular, murid-murid SRJK berkomunikasi hanya dalam bahasa ibunda mereka dan hanya bertutur bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ketika mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Oleh itu, tahap penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di kalangan murid - murid SRJK sangat mengecewakan. Sebaliknya, di Sekolah Wawasan, para pelajar

yang terdiri dari pelbagai kaum harus menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Interaksi pelajar pelbagai keturunan ini membuka ruang yang luas untuk mereka berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan. Ke kerapannya menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu membolehkan mereka dapat berkomunikasi dengan lebih lancar dalam kedua-dua bahasa.

Selain itu, pelajar Sekolah Wawasan juga boleh mempelajari dan memahami budaya, bahasa dan pemikiran kaum-kaum lain pada masa yang sama. Sekolah Wawasan juga membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memainkan peranan yang lebih berkesan dengan hanya mengeluarkan kurikulum yang sama untuk semua sekolah. Kurikulum yang sama adalah penting buat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi proses pemantauan yang lebih berkesan selain mempercepatkan proses penambahbaikan sekiranya berlaku kepincangan dalam kurikulum tersebut.

Sekolah Wawasan juga memberi peluang kepada SRJK untuk menikmati prasarana yang lebih kondusif sejajar dengan pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara. Di Sekolah Wawasan, SRJK akan ditempatkan di dalam sebuah kompleks yang lebih baik sama ada dari segi kemudahan atau suasana persekitarannya. Ini kerana kebanyakan SRJK berada di dalam keadaan yang cukup daif dengan struktur bangunan yang sudah lusuh dan suasana yang tidak begitu sesuai bagi pembelajaran para pelajar. Justeru itu, pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan akan dapat merangsang lebih banyak sekolah baru.

Selain itu, penubuhan konsep Sekolah Wawasan turut menawarkan kebaikan-kebaikan yang berikut:

1. Membuka peluang kepada para pentadbir, guru-guru dan kakitangan sokongan dari setiap sekolah untuk berinteraksi dengan lebih kerap selain berkongsi dan bertukar-tukar pendapat, pengalaman dan cadangan demi kemajuan sekolah masing-masing.
2. Memberi kesempatan kepada warga setiap sekolah dalam membudayakan sikap bertolak ansur, bertimbang rasa, tolong-menolong dan hormat menghormati dalam pelbagai situasi

3. Memberi kesempatan dalam mengukuhkan semangat permuafakatan melalui pembinaan projek-projek guna sama.
4. Membuka peluang menjalankan aktiviti–aktiviti kokurikulum dengan matlamat bagi memantapkan semangat dan amalan muhibah dan perpaduan di kalangan pelajar.
5. Mewujudkan persaingan yang sihat dari aspek akademik.
6. Mewujudkan perkongsian kemahiran pengajaran dan kemudahan peralatan pengajaran dan pembelajaran.
7. Memantapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.
8. Membuka peluang mewujudkan masyarakat yang lebih harmonis melalui hubungan mesra ibu bapa di kawasan sekolah semasa menghantar atau mengambil pulang anak masing-masing, juga semasa menjalankan aktiviti-aktiviti bersama seperti gotong royong dan sebagainya.

Keburukan Sekolah Wawasan

Sistem pendidikan Malaysia tidak pernah sunyi daripada kemelut dalaman yang lahir daripada ketiakupayaan murid atau institusi pendidikan itu sendiri. Konsep Sekolah Wawasan merupakan suatu kaedah terbaik bagi merealisasikan integrasi nasional dan menghapuskan jurang yang wujud antara kaum di negara ini. Namun begitu, di dalam kebaikan, terdapat juga keburukannya. Sekolah Wawasan juga menimbulkan beberapa kesan negatif.

Pengumpulan pelajar secara pemusatan, menemukan kepelbagaian budaya, agama, ras, sosial dan ekonomi di sekolah berkenaan. Situasi ini boleh menyebabkan pelajar

cenderung melakukan sesuatu di luar jangkaan jika perkara ini tidak di seimbangkan dengan betul. Seperti yang kita sedia maklum, institusi sekolah masih gagal dalam mengawal keruntuhan disiplin para walaupun sekolah-sekolah ini diasingkan. Justeru, dengan jumlah pelajar yang ramai, pengawasan yang lebih menyeluruh perlulah difikirkan di samping perancangan serta pentadbiran yang lebih teliti. Kemampuan para guru dan sekolah dalam menghadapi tekanan bagi memenuhi peranan mereka dengan bilangan pelajar yang ramai perlu diambil perhatian. Para guru perlu mempunyai ketahanan yang tinggi dari segi fizikal, mental dan spritual. Jika para guru tidak mempunyai ketahanan sendiri yang kuat, konsep Sekolah Wawasan akan dianggap kabur dan gagal melahirkan individu yang bersatu padu seperti yang dirancang oleh kerajaan.

Pengumuman Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkenalkan Sekolah Wawasan telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak, baik individu, NGO, mahupun parti-parti politik. Contohnya, masyarakat Cina yang begitu gusar dan bimbang dengan konsep Sekolah Wawasan kerana kluatir akan menguburkan identiti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang didukung oleh mereka selama ini. Tambahan lagi, mereka juga kluatir kewujudan sekolah tersebut akan menjejaskan pentadbiran SRJK Cina dan penggunaan bahasa ibunda di kalangan pelajar daripada aliran berkenaan.

Kesimpulan

Sistem pendidikan Malaysia tidak pernah sunyi dari proses transformasi. Bermula dari sebelum kedatangan penjajah sehingga ke hari ini, kerajaan sentiasa cuba untuk menambahbaik sistem pendidikan seiring dengan arus kemodenan selain memastikan keperluan rakyat terbela. Tranformasi dalam sektor pendidikan menjadi agenda penting dalam pengukuhan perpaduan negara ke arah yang lebih baik kerana pendidikan menjadi peneraju pembentukan masyarakat.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum, nilai-nilai murni amat penting untuk diterapkan dalam sistem pendidikan. Namun begitu, beberapa kelemahan masih lagi wujud walaupun banyak transformasi telah dilakukan. Justeru itu, kerajaan perlu mengambil serius akan kelemahan tersebut dan selesaikan dengan kadar

segera kerana ia boleh menjadi barah yang semakin besar dan akhirnya boleh menyebabkan perpecahan dalam masyarakat.

Oleh itu, matlamat perpaduan negara bukanlah mudah untuk dicapai tanpa perancangan teliti serta pelaksanaan yang teratur. Sehubungan dengan itu, diharapkan semua pihak dapat berganding bahu seiring dengan usaha murni kerajaan melalui dasar-dasar dan rancangan baru. Mutu pendidikan yang sempurna serta hubungan masyarakat yang harmoni menjadi tunggak kejayaan yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan dapat merealisasikan Wawasan 2020.

Rujukan

Jamaluddin.M.K.A (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, Vol. 4 Iss: 1 pp. 33-48.

Sua. T.Y (2009). Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki. *Jurnal Terjemahan Alam & Terjemahan Melayu*, pp 139-166.

BAB 8

PERPADUAN KAUM DAN POLISI KERAJAAN

Shaherah Abdul Malik

Mariani Marming

Erwinhirma Sahir

Perpaduan kaum merupakan satu elemen penting dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum. Masyarakat Malaysia hidup di bawah satu payung yang sama dan sentiasa mengekalkan keharmonian negara. Dari aspek menjaga keharmonian dan keamanan negara, peranan kerajaan amat penting seterusnya dapat menjamin perpaduan.

Kerajaan telah melaksanakan polisi dan usaha bagi meningkatkan dan menjaga perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Fungsi kerajaan ini amat penting kerana ia merupakan teras pentadbiran negara. Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak , Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan **Gagasan** 1 Malaysia dimana terdapat pelbagai skim yang ditubuhkan. Matlamat utama program ini adalah bagi mewujudkan perpaduan rakyat Malaysia. Disebabkan itu kerajaan telah melaksanakan beberapa usaha ke arah perpaduan kaum.

Gagasan 1 Malaysia banyak memberi kemudahan kepada rakyat dan membantu rakyat tidak kira bandar mahupun luar bandar. Pihak kerajaan sentiasa peka terhadap segala masalah rakyat. Menerusi Program 1 Malaysia, perpaduan merupakan teras utama yang ingin dicapai. Slogan yang digunakan, “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” menunjukkan betapa komitednya kerajaan ke arah pembangunan negara. Program ini ingin menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia supaya hidup dalam keadaan harmoni.

Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), Teksi Rakyat 1 Malaysia (TR1M) dan Skim Rumah Pertamaku contohnya amat membantu rakyat disamping meningkatkan perpaduan. BR1M memberi peluang kepada seluruh keluarga yang berpendapatan di bawah RM 3000 untuk mendapat baucer bernilai RM 500. Peluang yang diberikan kerajaan adalah sama rata tanpa mengira kaum. Semua boleh memohon mengikut tangga pendapatan yang telah ditetapkan. TR1M pula membantu para pemandu teksi untuk memberikan khidmat yang lebih baik pada pelanggan. Baucer diberikan untuk mereka menukar tayar kereta supaya berkeadaan lebih baik. Kita sedia maklum pemandu teksi terdiri dari pelbagai kaum dan yang muda mahupun tua. Masing-masing berkelayakan. Begitu juga dengan Skim Rumah Pertamaku yang membantu golongan muda yang baru bekerja dengan pendapatan tidak lebih dari RM 3000 untuk memiliki rumah (Skim Rumah Pertamaku, 2011). Mereka boleh mendapat pembiayaan 100% dari pada institusi kewangan tanpa memerlukan bayaran pendahuluan sebanyak 10% (Skim Rumah Pertamaku, 2011). Usaha kerajaan ini bukan sahaja dilihat sebagai membantu rakyat, tetapi turut membantu mengekalkan perpaduan kerana tidak akan wujudnya sebarang isu pilih kasih atau keistimewaan yang diberikan pada sesetengah pihak.

Berdasarkan pemerintahan Perdana Menteri kini, isu perpaduan menjadi agenda utama. Program ini timbul berdasarkan peristiwa rusuhan 13 Mei 1969 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Selangor, 2012). Disebabkan itu, Malaysia harus menghalang daripada kejadian seumpama itu berlaku lagi kerana perpaduan merupakan tunjang utama kepada kemakmuran negara.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) pada tahun 1969 dimana dahulunya dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara. Agensi ini adalah di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW). Tujuan JPNIN ditubuhkan adalah untuk memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Visi JPNIN, menjadi sebuah agensi peneraju utama untuk memelihara, meningkat dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. Misinya pula adalah untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan berasaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Gagasan 1 Malaysia. Moto yang digunakan, “Bersatu Kita Maju” (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2012).

JPNIN bertanggungjawab menyelaraskan program dan aktiviti perpaduan dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan berusaha merapatkan masyarakat daripada semua negeri di Malaysia khususnya di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. JPNIN juga sangat komited dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian masyarakat yang jitu melalui beberapa perkhidmatan. Antaranya, melaksanakan sekurang-kurangnya 90% aktiviti perpaduan yang dirancang dan memastikan semua kawasan berisiko tinggi berada dalam kategori kawasan hijau (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Selangor, 2012). Di bawah JPNIN, telah ditubuhkan rukun tetangga, skim rondaan sukarela, tabika perpaduan, kelab rukun negara dan sekretariat rukun negara.

Idea penubuhan JPNIN ini juga datangnya dari peristiwa rusuhan kaum, 13 Mei 1969 di mana keadaan ketika itu sangat teruk melibatkan kaum Melayu dan Cina. Segala permasalahan dan sensitiviti antara kaum haruslah dilaksanakan dan ditangani dengan betul.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membentuk perpaduan kaum (Pusat Maklumat Rakyat, 2012). Terdapat dua langkah yang diperkenalkan iaitu mengurang dan membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi membaiki dan memulihkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurang dan seterusnya dapat menghapuskan pengenalan kaum melalui pelbagai fungsi ekonomi.

Disebabkan pengenalan kaum melalui pelbagai fungsi ekonomi ini jugalah tercetusnya daripada peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Setiap kaum, Melayu, Cina dan India dipecahkan mengikut sistem ekonomi masing-masing yang telah ditetapkan dan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati beberapa pihak. Melayu bertani, Cina dalam perniagaan dan India di ladang estat. Keadaan ini dapat dilihat masih wujud sehingga kini. Cina merupakan golongan yang memonopoli bidang perniagaan kini. Dengan timbulnya usaha kerajaan untuk mebandung masalah ini, kerajaan telah mewujudkan pelbagai peluang yang sama-rata kepada semua pihak. Semua pihak berpeluang merebut peluang yang sama.

Kerajaan cukup komited dalam mewujudkan usaha untuk menjamin perpaduan antara kaum. Sistem meritokrasi telah diperkenalkan bagi kemasukan pelajar ke Institut Pengajian

Tinggi Awam (IPTA) bagi sesi 2002/2003. Sebelum ini sistem kuota telah digunakan. Meritokrasi memberi peluang sama rata kepada semua individu tanpa mengira kaum dengan melihat pada kebolehan mereka tanpa mengira pangkat, kekayaan dan kaum. Sistem ini dilaksanakan berdasarkan tahap kepintaran (IQ) pelajar terbabit serta bakat dan usaha yang dimilikinya (Saad, 2005). Antara sebab sistem ini diperkenalkan ialah bagi membendung masalah keciciran pelajar yang cemerlang tetapi gagal memasuki IPTA. Saban tahun media elektronik sentiasa memaparkan tentang masalah ini. Meritokrasi juga dapat menjamin daripada isu pilih kasih timbul kerana hak diberikan secara sama rata dan adil. Semua pelajar berpeluang merebut tempat ke IPT. Melalui meritokrasi, sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) diperkenalkan bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Diploma. Syarat kelayakan pula, mereka hendaklah melepasi 2.0 dan menepati syarat kursus yang dipilih. Hanya mereka yang mempunyai PNGK yang tertinggi layak mendapat tempat di IPT (Saad, 2005). PNGK dikira berdasarkan gred mata pelajaran yang dicapai bagi setiap mata pelajaran dalam peperiksaan.

Selain itu, meritokrasi tidak menilai 100 peratus berdasarkan keputusan akademik semata-mata. Hanya 90 peratus daripada keputusan akademik mereka yang diambil kira dan selebihnya 10 peratus bagi aktiviti kokurikulum. Ini menjadikan pelajar lebih berdaya-saing. Malaysia juga dapat menghasilkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi turut mempunyai nilai tambah untuk bersaing di dalam industri dan memajukan negara. Melalui sistem ini, dapat dilihat peluang antara kaum Melayu, Cina dan India secara sama rata. Mereka yang lebih bagus akan mendapat tempat di IPT. Ini menjadikan mereka lebih kuat berusaha tanpa mengharapkan mana-mana hak keistimewaan.

Hasil kajian pada tahun 2002 telah menunjukkan walaupun sistem meritokrasi telah dijalankan, peratusan pelajar Melayu masih tinggi di IPTA. Walaupun pelajar Cina dan India telah ditetapkan kuota kemasukan, tetapi mereka masih belum mencapainya. Ini menunjukkan peningkatan prestasi pelajar yang sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik (Saad, 2005). Sistem meritokrasi telah memberi peluang kepada setiap individu untuk menampilkan usaha yang tinggi dan jitu bagi merebut peluang ke IPTA. Terdapat beberapa kebaikan dengan tertubuhnya sistem ini. Antaranya, para pelajar dapat bersaing secara lebih sihat untuk merebut peluang yang ada tanpa mengira batasan kaum. Selain itu, IPT dapat

melahirkan pelajar yang serba boleh dan benar-benar mahir dalam pelbagai bidang disebabkan mereka ingin menunjukkan kebolehan yang dimiliki masing-masing.

Wujudnya sistem seperti ini dapat mengelak rasa tidak puas hati dari kaum lain kerana perkara seumpama ini boleh mengundang pada perpecahan kaum. Dengan budaya masyarakat majmuk yang ada di Malaysia, mereka haruslah mengamalkan sikap bertolak-ansur dalam menyelesaikan sesuatu isu supaya keharmonian antara kaum dapat dikekalkan. Sistem meritokrasi sangat ideal kerana ia dapat melahirkan pelajar yang berdaya-saing dan berkebolehan tanpa mengira, kedudukan, kaum, pangkat dan agama. Mereka yang terhasil dari system ini pastinya mementingkan kualiti kerja yang cemerlang seterusnya dapat menyumbang kepada penjanaan ekonomi negara.

Kerajaan turut memansuhkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). PPSMI dilaksanakan dari peringkat sekolah rendah hinggalah sekolah menengah. PPSMI yang dilaksanakan pada era pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi satu perdebatan hangat iaitu pada tahun 2003 (Pusat Maklumat Rakyat, 2012). Pelaksanaan program ini masih di bawah penelitian sehinggalah tahun 2009. Program ini termaktub dari hasil Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002 dan seterusnya PPSMI dilaksanakan pada tahun 2003 bagi seluruh pelajar tahun 1 dan tingkatan 1. Buku teks dan segala buku rujukan mahupun latihan ditukar ke dalam Bahasa Inggeris. Dengan pelaksanaan program ini, kerajaan sentiasa melakukan penilaian sepanjang beberapa tahun. Saban tahun PPSMI menunjukkan pelbagai permasalahan yang timbul dan ia mengundang isu yang memerlukan jalan penyelesaian. PPSMI sentiasa menjadi antara topik perbualan jika dikaitkan tentang pendidikan.

Pada 2009, cadangan pemansuhan PPSMI telah dilakukan dan bakal diganti dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) (Rahman, 2011). Bagi pelajar sekolah menengah, Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya dalam pengajaran Matematik dan Sains. MBMMBI dimulakan dengan murid tahun 1 mengikuti pembelajaran dalam Matematik dan Sains sepenuhnya. Untuk mempercepatkan proses peralihan, tahun 2012 telah menunjukkan pelajar Tingkatan 1 mempelajari Matematik dan Sains dalam Bahasa Malaysia (Rahman, 2011).

Dasar MBMMBI ini menunjukkan kerajaan mendaulatkan bahasa kebangsaan. Usaha kerajaan ini adalah bagi memperkukuhkan kembali Bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan negara. Selain daripada Bahasa Malaysia merupakan bahasa ilmu, ia juga dapat menjayakan gagasan 1 Malaysia yang bertujuan memperkukuhkan perpaduan nasional. Pemansuhan itu kini dilakukan secara berperingkat dan akan tamat sepenuhnya pada 2014 (Rahman, 2011).

Pemansuhan PPSMI dan pelaksanaan MBMMBI memberi peluang pada pelajar memartabatkan Bahasa Malaysia dan lebih memahami isi kandungan mata pelajaran terbabit. PPSMI juga menyukarkan pelajar luar bandar dan ini meningkatkan jurang antara mereka dengan pelajar di bandar. Sukatan silibusnya juga tidak bersesuaian untuk diajar dalam Bahasa Inggeris. Mengikut laporan Trends in Mathematics and Science Study 2007, kedudukan murid di Malaysia dalam Matematik dan Sains merosot dari 2003 hinggalah tahun 2007. Selain itu, ia mengundang masalah pada guru dan murid. Murid sukar untuk memahami sesetengah fakta.

Dengan pemansuhan sistem ini dan menyelaraskan penggunaan Bahasa Malaysia, keputusan pelajar dalam kedua mata pelajaran ini dapat dipertingkatkan. Seharusnya Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kebangsaan digunakan sebagai perantaraan dalam kedua mata pelajaran ini. Semua pelajar tidak kira kaum dapat menggunakan bahasa kebangsaan seterusnya mengukuhkan perpaduan di bawah satu penggunaan sistem yang sama. Contoh di negara maju seperti Korea dan Jepun. Mereka sangat mementingkan bahasa ibunda dan sentiasa menggunakan bahasa ibunda tidak kira dari aspek pendidikan, kehidupan dan sebagainya. Penggunaan bahasa ibunda sendiri turut menjadikan mereka antara negara yang maju di dunia. Sesebuah negara itu tetap boleh pergi lebih jauh walaupun dengan menggunakan bahasa kebangsaan sendiri. Mereka di Korea dan Jepun hidup dalam suasana yang harmoni dan aman damai tanpa sebarang perbalahan. Dapat dilihat mereka amat mementingkan perpaduan dan sangat cintakan bahasa dan negara sendiri. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun haruslah menjadikan negara seperti ini sebagai contoh dalam membentuk perpaduan mengikut acuan yang telah ditetapkan.

Jika dinilai semula, Bahasa Malaysia sangat tinggi darjatnya sebagai bahasa ilmu. Lihatlah universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang turut menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa perantaraan pengajian. Ramai

graduan yang berwibawa, berdaya-saing, pakar telah dihasilkan. Ini menunjukkan Bahasa Malaysia juga mampu berkembang jauh. Dengan mansuhnya PPSMI dan pengenalan pada MBMMBI, semua pelajar tidak kira kaum dan agama harus menggunakan peluang yang diberi untuk memantapkan pelajaran mereka di samping mengekalkan perpaduan dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

Untuk meningkatkan perpaduan kaum, kerajaan telah melaksanakan syarat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di mana mereka harus lulus Bahasa Malaysia bagi kelayakan mendapat sijil SPM. Tanpa mengira kaum, mereka harus bersama-sama berusaha untuk memantapkan Bahasa Malaysia masing-masing. Ini bukanlah satu keistimewaan pada bangsa Melayu. Tetapi disebabkan Bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan, jadi semua pelajar harus menguasainya.

Pada 2009, terdapat cadangan di mana untuk menetapkan syarat minimum kredit dalam Bahasa Melayu bagi syarat lulus SPM. Presiden Persatuan Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PBIGN), Prof. Madya Datuk Mohamad Ali Hasan berkata, dengan pelaksanaan ini, ia berupaya menjadi penanda aras kepada penguasaan Bahasa Malaysia yang lebih baik dalam kalangan pelajar (Perkhidmatan Pelajaran, 2009). Pelajar akan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai satu kepentingan walhal secara realistiknya, Bahasa Malaysia memang sangat penting kepada setiap rakyat Malaysia. Selain itu, Bahasa Malaysia juga bukanlah satu bahasa yang sukar untuk dipelajari kerana ia tidak sukar dan membebankan dan sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya mahir.

Jikalau masyarakat luar tertarik dengan bahasa kita, kenapa bukan kita sendiri yang harus memartabatkannya? Saban tahun Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri telah diadakan dengan penyertaan dari pelbagai negara luar tidak kira sama ada Amerika Syarikat, Scotland, China, Korea dan lain-lain. Mereka ini harus menyampaikan pidato dalam bahasa kita dan lihatlah betapa fasihnya mereka. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berbangga dengan bahasa yang kita miliki.

Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad menyokong pelaksanaan di peringkat SPM ini kerana dapat meningkatkan mutu dan prestasi pelajar dalam menguasai mata pelajaran tersebut. Bahasa Malaysia juga dapat dimartabatkan ke tahap yang lebih baik (Perkhidmatan Pelajaran, 2009).

Disebabkan sekolah merupakan medium awal untuk mendidik pelajar, segala sistem bagi meningkatkan perpaduan dimulakan dari sini. Hal ini bukanlah untuk membebaskan para pelajar tetapi ianya untuk masa hadapan negara itu sendiri. Perpaduan amat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Jika sistem seperti ini telah dilaksanakan ketika mereka masih bersekolah lagi, ia dapat menagajar mereka untuk menyayangi tanah air dan memartabatkan bahasa kebangsaan sendiri bak melentur buluh biarlah dari rebungunya. Selain itu, “Bahasa menunjukkan Bangsa”. Disebabkan itu kita harus menjaga bahasa kita bersama-sama.

Ini menunjukkan betapa pentingnya sistem pendidikan dalam membentuk perpaduan. Kementerian Pelajaran Malaysia turut mewujudkan satu sistem peperiksaan yang seragam. Semua murid tidak kira Melayu, Cina atau India wajib mengambilnya selagi mereka masih bersekolah. Bahasa kebangsaan yang dijadikan bahasa pengantar utama adalah cara paling penting dalam menyatupadukan masyarakat. Penggunaan satu bahasa perhubungan dan persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain dapat diwujudkan tanpa menimbulkan rasa curiga mana-mana pihak. Ini dapat mempercepatkan lagi perpaduan dan rasa harmoni antara kaum. Selain itu, kurikulum yang diajar juga sama. Contoh kita dapat lihat pada mata pelajaran Sejarah. Sejarah menunjukkan tentang pelbagai peristiwa penting yang berlaku pada zaman dahulu. Sebagai pelajar mereka dikehendaki mengetahuinya kerana terdapat pelbagai peristiwa penting sebelum terjadinya keadaan negara kita Malaysia seperti sekarang.

Selain itu, kerajaan juga telah mewujudkan Sekolah Wawasan. Sekolah ini ditubuhkan bagi tujuan untuk merealisasikan Wawasan 2020. Konsepnya adalah untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang mempunyai semangat dan bersifat cintakan negara. Sekolah wawasan melibatkan sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama di bawah satu kawasan yang sama. Ia meliputi dua atau tiga sekolah yang diletakkan dalam satu kawasan yang sama dan berkongsi bangunan yang sama tetapi dalam masa yang sama mereka masih mempunyai nama sekolah masing-masing serta urusan pentadbiran dan kewangan dilakukan secara berasingan.

Sekolah Wawasan sangat membantu bagi mewujudkan perpaduan dan integriti di kalangan murid yang berbeza kaum dan agama. Selain itu, ia dapat melahirkan sikap toleransi dan persefahaman antara mereka (Pusat Maklumat Rakyat, 2012). Hal ini kerana walaupun mereka bukan di bawah satu sistem pentadbiran yang sama, mereka berkongsi kemudahan

yang sama. Kantin, padang permainan, perpustakaan dan sebagainya. Segalanya merupakan hak bersama. Jadi di sini jelas menunjukkan bahawa wujudnya sekolah ini adalah untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar yang berlainan kaum. Apabila perkara sebegini diterapkan, ia seterusnya dapat menjamin keharmonian dan suasana belajar yang kondusif. Sehingga kini, terdapat lima buah kompleks Sekolah Wawasan yang beroperasi iaitu di Perak, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak.

Di sekolah juga turut diwujudkan Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Program ini menyemai kasih sayang murid berlainan kaum dan agama bagi mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan mereka (Borneo Post Online, 2012). Program seperti diwujudkan sejak dari sekolah bagi menghalang perkara negatif yang cuba menggugat keamanan.

Sebagai contoh gejala negatif yang baru sahaja berlaku adalah Perhimpunan Bersih 3.0 tidak lama dulu. Perhimpunan ini telah menyebabkan keadaan negara menjadi kucar-kacir dan memberi pandangan negatif terhadap pengunjung luar yang bertandang ke Malaysia. Jika gejala seperti ini tidak dibendung dan ditambah parah, ia merosakkan lagi keamanan negara yang terpelihara selama ini.

Antara lain usaha yang dilakukan kerajaan adalah dengan pemakaian baju batik pada setiap hari Khamis. Semua penjawat awam, lelaki mahupun wanita tanpa mengira kaum harus mengenakan baju batik. Untuk majlis rasmi kerajaan juga mereka harus mengenakan batik. Ia dipanggil baju batik Malaysia. Ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam menyokong perkembangan dan pembangunan industri batik negara yang merupakan warisan dan identiti negara.

Penggunaan batik yang diselaraskan dan diseragamkan ini menunjukkan masyarakat Malaysia yang dapat menerima terhadap sesuatu perubahan baru. Ini melambangkan identiti negara kita yang hidup harmoni dengan masyarakat yang berbilang kaum.

Penggunaan batik menerapkan elemen tradisional pada pakaian. Batik yang merupakan warisan dan semakin ditinggalkan oleh generasi kini harus ditonjolkan semula bagi memastikan generasi kini tahu mengenainya serta menghargai seni warisan bangsa. Segala usaha yang dilakukan kerajaan pastinya berkait-rapat untuk mewujudkan perpaduan.

Penggunaan baju batik walaupun kelihatan ringkas tetapi ia memberi makna yang dalam bagi membentuk persefahaman antara semua pihak sebagaimana penerimaan mereka ketika ianya mula dilaksanakan. Majlis rasmi kerajaan menggunakan baju batik Malaysia memperkenalkan lagi batik dan mengembangkan lagi industri ini. Kini, penggunaan baju batik bukan hanya terhad pada penjawat awam pada setiap Khamis, tetapi para pelajar turut diberi baju batik untuk digunakan di peringkat sekolah mahupun universiti. Ini melambangkan perpaduan di mana semua kaum dapat menerimanya tanpa sebarang isu timbul. Ia turut menunjukkan bagaimana rakyat Malaysia sentiasa bersatu dalam melaksanakan sebarang perkara.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diperkenalkan pada 2003 yang mewajibkan kepada pelajar lepasan SPM yang terpilih untuk mengikutinya. Program selama tiga bulan ini melibatkan modul kenegaraan. Jika di negara seperti Korea dan Singapura, program seperti ini memakan masa selama dua tahun tetapi ia berbeza dengan Malaysia yang hanya mengambil masa tiga bulan. Tiga bulan yang ada dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelbagai program buat semua pelajar yang terbabit. Mereka yang terpilih disenaraikan adalah terdiri dari berbilang kaum dan melibatkan seluruh Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak.

Menurut Ketua Pengarahnya, Abdul Hadi Awang Kechil, PLKN berjaya mengukuhkan perpaduan kaum dalam kalangan peserta. Perkara ini terbukti menerusi kajian yang dijalankan pada tahun 2009 yang melibatkan 62 000 responden dari kalangan bekas pelatih, ibu bapa bekas pelatih, majikan dan pemimpin tempatan. Menerusi kajian, 80% responden mengakui tahap perpaduan yang dihasilkan PLKN sangat berkesan (Bernama, 2012).

Program PLKN masih dilaksanakan sehingga kini dan semakin ramai pelajar yang disenaraikan saban tahun. Pemilihan pelajar bukanlah dengan melihat faktor kedudukan atau kaum sebaliknya dipilih secara rawak di mana semua pelajar berpeluang untuk dipilih. Selain itu, bagi pelajar yang benar-benar minat untuk terlibat tetapi tidak disenaraikan, mereka boleh memohon untuk menyertainya. Elaun turut diberi untuk program ini. Bagi pelajar yang mempunyai sebarang masalah, mereka turut boleh membuat penangguhan. Hal yang terjadi sebaliknya jika pelajar ingkar terhadap apa yang telah ditetapkan.

Program ini bertujuan bagi membina sahsiah diri bermatlamat membina dan mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif melalui nilai-nilai murni. PLKN tidak mengikut mana-mana model dari luar negara dan model yang digunakan adalah mengikut acuan sendiri, negara kita Malaysia.

Menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Bernama, PLKN memberikan kesan yang amat positif dalam pembentukan ciri-ciri patriotisme, perpaduan kaum dan integrasi nasional, keperibadian unggul dan integriti serta semangat sukarelawan dalam kalangan remaja. Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusof berkata perpaduan kaum dan integrasi nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam, dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik memperoleh pencapaian peratusan yang tinggi (Bernama, 2012).

Melalu PLKN, pelatih akan didedahkan dengan pelbagai perkara. Sikap saling membantu, bertolak ansur dan sebagainya diteraokan melalui aktiviti yang dijalankan. Pelajar dapat bercampur dengan kaum yang lain tanpa wujudnya jurang. Layanan yang diberi juga sama rata serta kemudahan segalanya lengkap untuk pelatih. Jadi, tiada sebarang isu yang bakal timbul. Generasi muda sangat penting sebagai pemangkin ke arah pembangunan negara. Program seumpama ini sangat membantu.

Secara keseluruhannya, perpaduan kaum sangat penting bagi sesebuah negara dan seharusnya kerajaan sebagai badan pentadbiran harus komited bagi mengekalkannya di Malaysia. Hal ini kerana perpaduan kaum turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia. Jika elemen yang penting ini hilang maka pincanglah keadaan negara. Oleh itu, segala usaha yang dibangunkan kerajaan harus dimanfaatkan dengan sebaiknya. Rakyat juga harus sedar tentang betapa pentingnya segala yang diberikan kerajaan untuk pembangunan negara di samping menjamin keamanan dan keharmonian negara.

Rujukan

- (2009). *Kredit BM Syarat Lulus SPM Wajar*. Perkhidmatan Pelajaran. Diambil pada November 10, 2012, dari <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2009/06/kredit-bm-syarat-lulus-spm-wajar.html>
- (2011). Skim Rumah Pertamaku. Diambil pada November 10, 2012, dari <http://www.srp.com.my/>
- (2012). Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi. Diambil pada November 10, 2012, dari Nasional Selangor: http://www.jpninselangor.gov.my/v1/bg_jpnin
- (2012). Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. Diambil pada November 10 2012, dari <http://www.jpnnin.gov.my/visimisi;jsessionid=1E840495CA44F03FF84BF17E7C0F457>
- (2012, November 9). Pusat Maklumat Rakyat. Diambil pada November 10, 2012, dari <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/88-dasar-dasar-negara/237-dasar-ekonomi-baru-.html>
- (2012). Pusat Maklumat Rakyat. Diambil pada November 10, 2012, dari [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/36-mengenai-
pendidikan/4255-pengajaran-dan-pembelajaran-sains-dan-matematik-dalam-bahasa-
inggeris-ppsmi-.html](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/36-mengenai-pendidikan/4255-pengajaran-dan-pembelajaran-sains-dan-matematik-dalam-bahasa-inggeris-ppsmi-.html)
- (2012). Pusat Maklumat Rakyat. Diambil pada November 10, 2012, dari [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/180-jenis-
jenis/1199-sekolah-wawasan.html](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/180-jenis-jenis/1199-sekolah-wawasan.html)

(2012). *RIMUP*. Borneo Post Online. Diambil pada November 10, 2012, dari <http://www.theborneopost.com/2012/05/07/rimup-pupuk-sikap-kasih-sayang-murid-berlainan-kaum/>

Bernamea. Ogos 8, 2012.

Rahman, N. A. (2011). *Pemansuhan PPSMI kekal*. Putrajaya: Utusan Malaysia.

Saad, N. b. (2005). *Meritokrasi: Siapakah yang mendapat peluang ke IPTA?* Universiti Utara Malaysia.

BAB 9

PERPADUAN MENGUKUHKAN EKONOMI NEGARA

Wan Munirah Wan Mohamad

Nor Khadijah Mohd Azhari

Pengenalan

Perpaduan bertujuan menyatupadukan setiap individu dalam masyarakat dan negara keseluruhannya melalui ideologi negara dan bangsa melayu khususnya, supaya setiap individu dalam masyarakat dapat membentuk satu identiti dan perasaan kebangsaan bersama di kalangan mereka. Masyarakat umum mengetahui bahawa perpecahan akan melemahkan, sebaliknya perpaduan Melayu amat perlu dalam memberi kekuatan dalam berhadapan dengan pelbagai masalah dan tekanan.

Masyarakat Melayu telah diancam kehilangan tanahair mereka pada tahun 1946, mereka bersatu dan menentang Malayan Union sehingga British sendiri terkejut dengan perubahan mereka. Semangat perjuangan dan kesepakatan mereka yang tinggi menjadikan kelemahan, kemiskinan, tidak bersenjata, bukan lagi faktor yang boleh di gunakan penjajah untuk mengugut mereka. Demikianlah kekuatan hasil perpaduan mereka sehingga British terpaksa tunduk kepada tuntutan mereka dan Malayan Union digugurkan. Hal ini demikian, selepas pendudukan Jepun orang-orang Melayu telah sedar bahawa pihak British tidaklah sekuat yang di sangka dan melayu akhirnya bangkit untuk menentang British.

Kebangkitan melayu untuk menentang cadangan pihak British telah di suarakan dan tindakan yang kemas telah dilancarkan melalui UMNO. Negeri-negeri Melayu sebelum ini yang mengikut haluan masing - masing dan tidak bersatu telah bangkit bersama-sama, begitu juga

sultan negeri-negeri Melayu bergabung dengan rakyat Melayu untuk menentang Malayan Union. Ini adalah satu anjakan paradigm yang mana satu perkara yang tidak pernah terjadi di Tanah Melayu sebelum ini.

Perjuangan mereka tidak terhenti setakat itu sahaja, mereka turut mengadakan ceramah tentang kesedaran dalam menentang Malayan Union ke seluruh semenanjung agar dapat menyedarkan masyarakat Melayu di kampung dan pedalaman terutamanya. Bagaimanapun, pihak British masih meneruskan Malayan Union walaupun mendapat tentangan hebat dari orang Melayu. British juga mencadangkan agar di tubuhkan satu jawatankuasa untuk melihat dan memantau reaksi masyarakat Melayu. Ahli jawatankuasa yang telah di lantik terkejut melihat reaksi yang amat kuat dari orang Melayu untuk menghentikan Malayan Union. Rentetan scenario tersebut, di mana sahaja mereka pergi pasti disambut dengan ribuan orang Melayu dengan slogan anti Malayan Union.

Kini semangat perjuangan orang – orang Melayu kian hilang. Seruan kepada perpaduan sahaja tidak memadai untuk menarik perhatian dan mengembalikan semangat juang mereka, tetapi perlu ada usaha yang gigih agar mereka tersedar mengenai kepentingan perpaduan. Perpaduan hanya membawa nikmat jika perjuangan yang diusahakan mempunyai matlamat yang dicita-citakan. Demikian kerana, jika ada perpaduan hendaklah dengan bertujuan memulih semula maruah dan kejayaan pejuang negara. Maka kepimpinan yang ada sekarang haruslah diperkuatkan dengan perpaduan di belakangnya berlandaskan matlamat yang sebenar.

Pembangunan pula bermaksud segala perubahan dan kemajuan yang membawa kepada taraf hidup ke arah yang lebih baik. Sehubungan itu, kita perlulah meneruskan amalan bersatu padu di kalangan rakyat kerana ia merupakan dasar kepada kemajuan sesebuah negara seiring dengan gelombang modenisasi. Oleh itu, tidak hairanlah apabila para pemimpin negara saban hari dan setiap ketika menyeru rakyat Malaysia agar membentuk benteng pertahanan yang lebih teguh dalam menentang anasir-anasir luar yang boleh menjejaskan perpaduan Melayu terutamanya.

Sehubungan itu, kerjasama dan hubungan yang erat akan memastikan negara Malaysia terus maju sama ada dalam di bidang politik, sosial, dan ekonomi. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian, angan-angan dan aspirasi pemimpin kita pada masa lalu akan lebur begitu

sahaja. Justeru, sebagai seorang rakyat Malaysia yang mempunyai jati diri yang tinggi dan berjiwa kental, kita perlulah menghargai kemerdekaan yang telah diperolehi dan berusaha mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam jiwa kita demi pembangunan negara tercinta.

Rentetan Senario Pembangunan Negara

Pembangunan pesat di Malaysia menjadikan kita merasa bertuah dan berbangga tinggal di Malaysia. Manakala ekonomi negara juga semakin berkembang sejajar dengan pembangunan negara dan menjadi saingan kepada negara – negara maju tatkala kebanyakan negara lain sedang bergelut dengan prestasi ekonomi mereka yang semakin merosot. Ketika pasaran antarabangsa menjadi tidak menentu, kenaikan pasaran dalam negara mencatatkan pada rekod tertinggi.

Kejayaan pada hari ini adalah hasil perjuangan para perjuang kemerdekaan negara dan kita patut berterima kasih kepada mereka. Mereka berjuang menentang komunis serta gejala ekstremis yang mampu menggugat kehidupan rakyat di negara ini. Hasil usaha gigih mereka, Tanah Melayu pada masa itu telah merdeka dari cengkaman penjajah dan memberi kita kuasa sepenuhnya untuk mengurus sumber kekayaan Negara sendiri yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan bijih besi. Hasil daripada sumber negara ini telah menjadi sangat penting kepada perkembangan industri eksport terutama yang mana membolehkan kita melabur untuk pembangunan infrastruktur serta industri di masa akan datang.

Jika diimbangi kembali, kawasan tempat kita membesar dahulunya hanya merupakan pekan-pekan kecil tetapi kini telah menjadi bandaraya. Pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 1996 menjadikan Malaysia sebagai tempat pelancongan antarabangsa. Seterusnya, Menara Kembar Petronas (KLCC) pula mula menjadi ikon pencakar langit dalam negara dan beberapa tahun selepas itu, bangunan yang menempatkan kompleks membeli-belah yang popular dan dikenali sebagai Suria KLCC itu masih merupakan menara kembar paling tinggi di dunia.

Peningkatan yang konsisten dalam pembanguna Negara banyak memberi impak positif kepada peningkatan ekonomi Negara. Seajar itu, sudah pasti kualiti pendidikan menjadi semakin baik dan mula dinikmati oleh setiap rakyat dari segenap masyarakat. Kemudahan lain seperti sumber air, elektrik, jalan raya dan klinik di kawasan pedalaman kini telah diadakan dan bertambah baik. Peningkatan perkhidmatan dan perniagaan yang semakin berkembang membuatkan rakyat tidak perlu lagi bersusah payah berjalan jauh untuk membeli-belah, membuat pembayaran bil mahupun untuk berhibur. Segalanya boleh di dapati dengan mudah dengan kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini.

Pembangunan Ekonomi Negara

Seajar dengan perkembangan pesat dalam pembagunan negara, pembangunan ekonomi juga turut meningkat maju dan berdaya bersaing terhadap negara – negara lain. Perkembangan ekonomi terbahagi kepada tiga kategori iaitu Pengurusan Ekonomi, Dasar – Dasar Pembangunan dan Rancangan Pembangunan.

Perancangan Pembangunan di Malaysia bermula pada tahun 1950 dengan penerbitan draf Pelan Pembangunan Malaya. Hasil daripada draf pelan pembangunan terdapat dua puluh tujuh dokumen. Dokumen tersebut telah di bahagikan kepada beberapa bahagian iaitu tiga dokumen merupakan pelan rangka prospektif manakala dua puluh empat dokumen pula adalah draf pembangunan lima-tahun, termasuk draf Pembangunan Malaya yang di sediakan dalam jangkamasa enam tahun, dan yang terakhir penyemakmakan semula pertengahan penggal (KSP).

Seterunya adalah dasar – dasar pembangunan ekonomi yang mana tebahagi kepada dua bahagian besar iaitu dasar – dasar utama dan sejarah ekonomi. Dasar–dasar utama di bahagikan kepada beberapa bahagian iaitu Wawasan 2020 bermula 1991 hingga 2020 seterusnya Dasar Penswastaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pengkorporatan Malaysia, Pembangunan, Ekonomi Berasaskan Pengetahuan, ICT, Sumber Manusia, Pelancongan, Sains dan Teknologi, , Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Pengagihan Dagangan, Pembuatan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), KewanganPerkhidmatan Sosial dan Tenaga.

Manakala sejarah ekonomi menceritakan detik – detik perubahan ekonomi daripada zaman penjajahan hingga kini. Berikut menceritakan mengenai situasi ekonomi dan kaedah yang di gunakan oleh para pemimpin terdahulu untuk menangani krisis yang mendatang:

Fasa Pertama Kemerdekaan (1957-1970)

Pada ada tahun 1957 ekonomi pada dasarnya berasaskan kepada getah dan timah yang mana jumlah pendapatan eksport menyumbang sebanyak 70 peratus, 28 peratus daripada pendapatan kerajaan manaka 36 peratus daripada jumlah pekerjaan. Kerajaan telah mencari inisiatif baru agar dapat mengatasi kelemahan struktur ekonomi dengan memberi tumpuan kepada pemmodernan pengeluaran pertanian serta menekankan pembangunan luar bandar.

Pertumbuhan Tinggi dalam Tempoh (1971-1983)

Kemiskinan dan jurang pendapatan telah menimbulkan ketegangan di dalam masyarakat dan tindakan drastik perlu di ambil bagi menyelesaikan kes tersebut. Masalah ini membawa kepada anjakan besar dalam pembentukan rangka pembangunan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dirangka berlandaskan dua matlamat iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bagi memastikan dasar ini terlaksana tanpa membezakan hak dalam masyarakat, dasar DEB telah dilaksanakan berlandaskan perkembangan ekonomi yang pesat.

Penubuhan agensi amanah seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Nasional (PERNAS), Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) telah menyediakan peluang dan ruang kepada Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam aktiviti berasaskan perdagangan. Peluang untuk pembelajaran dan latihan pantas menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar Bumiputera yang berpotensi untuk mengikuti kursus-kursus professional yang di tawarkan, iaitu bidang pengurusan dan bidang teknikal di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.

Penstrukturan Semula, 1984-1990

Pada tahun 1983 Kerajaan telah mewawarkan beberapa langkah penstrukturan semula ekonomi. Termasuklah untuk mengawal perbelanjaan sektor awam bagi menurunkan kadar belanjawan dengan mengamalkan langkah yang dipimpin oleh sektor swasta yang memperkenalkan pembebasan dan kurang kawalan ekonomi dengan memperbaiki dasar dan insentif pelaburan bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta. Kerajaan telah menggubal semula ke arah menyediakan perkhidmatan infrastruktur bagi memberi keselesaan kepada industri swasta untuk berkembang maju.

Kemakmuran dan Kesukaran 1991 – 2000

Bermula tahun sembilan puluhan dengan pengisytiharan 2020 yang merancang Malaysia menjadi negara maju dengan caranya tersendiri pada tahun 2020. Sebagai permulaan Dasar Pembangunan Negara (DPN). Polisi ini yang dibina atas Dasar Ekonomi Baru (DEB), menjadikan perkembangan ekonomi seimbang di kalangan kaum di Malaysia. DPN mengandungi beberapa dimensi baru yang mana melibatkan perubahan langkah anti-kemiskinan kepada pembasmian miskin tegar dengan mengurangkan kemiskinan relative dan menekankan kewujudan pekerjaan, pembangunan yang pesat dalam sektor Komuniti Perdagangan dan Industri Bumiputera.

Pada awal dan pertengahan sembilan puluhan Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Manakala di antara 1991 hingga 1997 Keluaran Domestik Negara Kasar (KDKN) meningkat dengan kadar pendapatan per kapita sebanyak dua kali ganda. Keadaan makroekonomi yang memberansangkan ini telah berjaya menarik kemasukan modal besar yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki prospek ekonomi negara.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memperkukuh daya tahan sektor kewangan untuk mengelakkan risiko sistemik dan menentukan kecekapan fungsi perantaraan yang berterusan yang dimainkan oleh sistem perbankan dalam pemulihan ekonomi. Di antara tindakan yang diambil adalah menamatkan sistem tingkatan untuk institusi perbankan dan penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), syarikat pengurusan asset negara, Danamodal Nasional Berhad (Danamodal), sebuah syarikat untuk tujuan khas dan

Jawatankuasa Penstrukturan Hutang Korporat (CDRC). Tindakan lain yang telah diambil termasuklah memperkukuhkan pasaran modal dan pentadbiran korporat, memperbaiki kedudukan pasaran tenaga kerja dan penguatkuasaan kawalan modal terpilih.

Ke Arah Ekonomi Yang Kental dan Berdaya Saing 2001 – 2004

Era baru bermula dengan pelancaran Dasar Wawasan Negara (DVN). Dasar Wawasan Negara (DVN) yang terdapat dalam tempoh dekad kedua dalam pembangunan di bawah wawasan 2020 tertumpu kepada membangunkan negara yang maju dan terkenal di mata dunia. Ia merangkumi pelan tindakan yang penting daripada dasar-dasar sebelumnya. Sementara itu, DEB dan DPN menerapkan dimensi dasar baru. Dasar tersebut termasuklah membangunkan Malaysia menjadi masyarakat berpengetahuan, yang boleh merangsangkan pertumbuhan dan mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan Bumiputera pada 2010.

Hasil perbincangan pemimpin – pemimpin terdahulu dalam membuat perancangan, maka wujudlah Perancangan Terdahulu yang mana menjadi pemangkin kepada perancangan terkini. Perancangan terdahulu telah menjadi rujukan agar pembangunan ekonomi negara terus maju dan bebas dari belenggu kemiskinan. Perancangan pembangunan di Malaysia mempunyai tiga peringkat iaitu perancangan jangka panjang, perancangan jangka sederhana dan perancangan jangka pendek.

Perancangan Jangka Panjang

Perancangan jangka panjang terbahagi kepada empat bahagian iaitu Wawasan 2020 (1991 - 2020), Pelan Rangka Perspektif Pertama (OPP1) (1971 - 1990), Pelan Rangka Perspektif Kedua (OPP2) (1991- 2000) dan yang terakhir Pelan Rangka Perspektif Ketiga (OPP3) (2001-2010). Pelan Rangka Perspektif menetapkan teras dan strategi yang luas di dalam agenda pembangunan negara dalam jangkamasa panjang. Dengan menetapkan rangka kerja makro-ekonomi dan sasaran jangka panjang untuk mencapai wawasan masyarakat di Malaysia.


Perancangan Jangka Sederhana

Perancangan Jangka Sederhana terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pelan pembangunan lima tahun seperti Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 hingga 2015) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 hingga 2010) manakala yang keduanya Penyemak Semula Di Pertengahan Penggal (MTR) bagi Pelan lima tahun tersebut. Pelan jangka sederhana ialah dalam tempoh lima tahun. Ia dirumus berdasarkan lingkungan rangka kerja yang ditetapkan oleh Pelan Rangka Perspektif yang mana merumuskan dokumen kerja utama untuk pelaksanaan program pembangunan negara. Rangka pembangunan lima tahun menetapkan sasaran perkembangan makro ekonomi dan peruntukan untuk program pembangunan sektor awam. Penyemak semula pertengahan penggal (MTR) ke atas pelan lima tahun yang dilaksanakan di pertengahan tempoh lima tahun. MTR bukan sahaja sekadar latihan yang menentukan sama ada pelan yang telah dilaksanakan mengikut prosedur berdasarkan kerja pembangunan, tetapi ia juga untuk menyemak semula polisi ekonomi, sektor dan strategi malah perlu membuat pelarasan jika perlu.

Rancangan Malaysia Kesepuluh mengandungi pelan Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berdasarkan kepada pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Pelan ini, menyusun pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang dengan tujuan menyampaikan perkara yang di idamkan oleh semua rakyat. Pelan ini menyediakan tempat bagi perubahan struktur utama yang diperlukan oleh ekonomi yang berpendapatan tinggi dan rancangan baharu yang membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Perancangan Jangka Pendek

Peringkat ketiga ialah Bajet Tahunan. Perancangan tahunan ini dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan sejajar dengan penyediaan bajet tahunan. Dalam menyediakan bajet, kerajaan mengambil pertimbangan terhadap pandangan sektor swasta melalui dialog bajet dan juga membuat rundingan dengan agensi pusat yang lain melalui Inter Agency Procurement Group (IAPG). Manakala, Unit Perancang Ekonomi (UPE) juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan bajet pembangunan tahunan berjalan lancar dan mengikut pelan yang telah ditetapkan.



Rajah 1: Model Baru Ekonomi Wawasan 2020

Kesimpulan

Rentetan peristiwa dahulu rakyat Malaysia seharusnya dapat melihat dan menilai semua perkara yang pernah di alami oleh pejuang negara suatu ketika dahulu. Banyak perkara yang boleh kita teladani oleh para pejuang kemerdekaan Negara. Oleh itu, rakyat Malaysia juga harus tidak lupa kejayaan kita pada hari ini adalah hasil perpaduan daripada masyarakat terdahulu dan tidak ada daripada mereka di negara ini yang menyokong perjuangan komunis. Mustahil untuk kita mengecapi kejayaan seperti hari ini secara bersendirian, ini kerana dorongan oleh perbezaan lapisan masyarakat yang mempunyai kelebihan masing-masing telah membuatkan kita mampu berjuang hingga ke peringkat global.

Oleh itu, kita haruslah mengingati jasa pejuang yang telah mewariskan kita sebuah negara merdeka dengan perkembangan ekonomi yang menakjubkan seperti hari ini. Semua ini terjadi di sebabkan oleh semangat perpaduan yang tinggi sehingga telah menjadi simbol kejayaan kepada negara. Dengan adanya perpaduan, segalanya dapat di laksanakan termasuklah menjadikan negara kita negara yang berpontensi tinggi dan terus gemilang di masa akan datang. Bak kata pepatah bersatu kita teguh bercerai kita roboh, itulah kata pepatah nenek moyang kita yang mengenal erti sebenar dalam perpaduan.

Rujukan.

Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (PEMBANGUNAN EKONOMI). <http://www.epu.gov.my/historyeconomic>. Tarikh akses 12/11/2012

The Personal Website of Dato' Sri Najib Razak. (55 Tahun Pembangunan Melalui Perpaduan). <http://1malaysia.com.my/my/blog/55-years-of-development-through-harmony/>. Tarikh akses 12/11/2012.

BIOGRAFI PENULIS



Suhana Mohamed dilahirkan pada 7 Mac 1975. Merupakan anak jati Mersing, Johor. Masih baharu dalam bidang penulisan tetapi beliau mempunyai lebih 10 tahun pengalaman bekerja di institusi kewangan di Malaysia. Kini bertugas sebagai Pensyarah Kewangan di Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Kampus Johor Bahru, sedang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam bidang kewangan. Seorang yang tegas, sukakan cabaran dan bersemangat tinggi. Aktif di dalam penulisan makalah dan membuat pembentangan di konferensi antarabangsa. Ini merupakan pengalaman pertama menulis buku bersama rakan-rakan.



Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen merupakan Pensyarah Pengurusan, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Mempunyai pengalaman menulis di dalam jurnal akademik, modul pengajaran, artikel prosiding konferensi. Seorang yang mudah mesra dan sentiasa berfikiran positif.



Norlina M. Ali merupakan seorang Pensyarah Pengurusan dan Pemasaran di Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Johor. Seorang yang sentiasa ceria, mesra dan bertanggungjawab. Mempunyai pengalaman menulis untuk majalah sekolah, jurnal akademik, artikel prosiding konferensi dan UPENA Johor.



Rafedah binti Sobiren dilahirkan pada 19 Jun 1991. Beliau merupakan anak jati Segamat, Johor. Beliau baru sahaja menamatkan pengajiannya di UiTM Kampus Bandaraya Johor Bahru. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Seri Telok dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Paduka Tuan, Segamat. Beliau meminati bidang penulisan sejak di bangku sekolah lagi. Beliau pernah memenangi tempat kedua dalam pertandingan cerpen sempena Hari Guru peringkat daerah Segamat. Di UiTM pula, beliau berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan menulis cerpen. Kini, beliau sedang giat menyiapkan novel sulungnya. Merupakan seorang yang giat berusaha dan sentiasa berfikiran positif.



Zuraidah Ahmad merupakan Pensyarah di Jabatan Kewangan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Mempunyai pengalaman menulis di dalam jurnal akademik, modul perundingan dan juga modul pengajaran. Seorang yang tidak mudah berputus asa, bercita-cita tinggi, bersemangat waja, ingin terus belajar dan bersabar.



Suzainah Rahmat merupakan seorang Pegawai Psikologi di Unit Kerjaya dan Kaunseling Universiti Teknologi MARA Kampus Johor Bahru. Berpengalaman menulis untuk buku, website, jurnal, tesis dan penulisan bagi sebarang pertandingan. Seorang yang berpijak di bumi yang nyata, selesa bergaul dengan segenap lapisan masyarakat, mempunyai sikap suka melindungi orang lain dan gemar berkongsi ilmu. Juga merupakan seorang yang bertanggungjawab, bekerja keras, penyayang dan setia.



Nur Hanee Mohamad, graduan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari UiTM Shah Alam yang juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentabiran Perniagaan (Kewangan) dari UiTM Segamat, Johor. Beliau merupakan seorang individu yang berdaya saing, berfikiran positif serta mudah mesra. Beliau mempunyai pengalaman berkhidmat di industri perhotelan dan swasta dan kini berkhidmat sebagai Pensyarah (Kewangan) Sambilan di UiTM Kampus Bandaraya Johor Bahru.



Nor Khadijah Mohd Azhari merupakan Pensyarah di Fakulti Perakaunan, Kolej Tunku Abdul Rahman, Kampar, Perak. Mempunyai pengalaman menulis untuk majalah sekolah dan membuat pembentangan di konferensi antarabangsa. Seorang yang bercita-cita tinggi, berdikari, bersemangat waja, dan sentiasa berfikiran positif.



Nooririnah bt Omar, Pensyarah Kejuruteraan Bahan di Fakulti Kejuruteraan Teknologi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Berpengalaman selama 5 tahun menjadi penulis jurnal akademik dan konferensi antarabangsa. Juga mempunyai pengalaman sebagai jurutera Bahan selama 1 tahun di CTRM Aviation Sdn.Bhd yang mana bidang tugas adalah fokus kepada cara rawatan pengkaratan di panel kapal terbang melalui pemindahan teknologi *Cold Spray* dari Rosebank Engineering, Australia. Seorang yang tegas, mudah mesra dan berdikari.



Norhayati Omar merupakan Pensyarah Pengurusan di Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTM Johor Kampus Segamat. Seorang yang tidak mudah berputus asa, bercita-cita tinggi, bersemangat waja, ingin terus belajar dan bersabar. Seorang yang tidak mudah berputus asa, bercita-cita tinggi, bersemangat waja, ingin terus belajar dan bersabar. Beliau juga aktif dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan akademik dan kreatif.



Nor Fazlin Uteh merupakan Pensyarah di Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Kampus Johor Bahru. Mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan cerpen dan sajak sejak dibangku sekolah lagi dengan menyertai Persatuan Penulis Muda Johor (Daerah Kota Tinggi). Berpengalaman dalam bidang pengurusan dan pernah bekerja di IPTS selama 10 tahun sebelum berkhidmat dengan UiTM. Beliau cenderung menulis puisi dan sangat aktif dalam bidang motivasi pelajar.



Zuliana Zoolkefli telah berkhidmat sejak 2008 di Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTM Johor Baharu. Beliau sebelum ini mendapat ijazah sarjana muda dan sarjana pengurusan teknologi dari Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. Seorang yang tidak mudah berputus asa, bercita-cita tinggi, bersemangat waja, ingin terus belajar dan bersabar. Seorang yang tidak mudah berputus asa, bercita-cita tinggi, bersemangat waja, ingin terus belajar dan bersabar. Beliau juga aktif dalam bidang penyelidikan seperti perkongsian pengetahuan, keusahawanan, pengurusan latihan dan pengurusan tekanan.



Norhasniza Mohd Hasan Abdullah merupakan Pensyarah di Jabatan Kewangan Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Mempunyai pengalaman menulis di dalam jurnal akademik, modul perundingan dan juga modul pengajaran. Tidak mudah berputus asa, bersemangat, sentiasa ingin belajar dan tegas



Rohana Binti Sham merupakan Pensyarah Pengangkutan di Jabatan Pengangkutan Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Johor. Berpengalaman menulis artikel untuk Jurnal Akademik Elsevier, Asian Journal of Environment -Behaviour Studies, Journal of the Eastern Asia Society for Transportation Studies (EASTS), Artikel, Global Network Journal Surabaya, Artikel Proceeding Konferensi Antarabangsa, Consultant dan Reviewer. Seorang yang menepati masa dan kerja, peramah, dan pantas. Kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di dalam bidang Perancangan Pengangkutan.



Shaherah Abdul Malik merupakan Pensyarah Pengurusan, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Merupakan penulis untuk majalah sekolah, bab dalam buku, Kajian Kes Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan artikel prosiding konferensi. Seorang yang mudah mesra, lemah lembut tetapi tegas dan berwawasan.



Mariani Marming merupakan anak kelahiran Tawau Sabah. Merupakan Penolong Akauntan di Unit Kewangan, Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Selayang. Sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kewangan. Seorang yang mudah mesra, kuat berusaha dan berdikari.



Wan Munirah Wan Mohamad merupakan pelajar peringkat PhD dalam bidang Matematik di Universiti Teknologi Malaysia Skudai. Merupakan bekas Pensyarah Matematik di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor. Seorang yang peramah, besemangat, tegas dan berwawasan.



Erwinhirma Sahir merupakan seorang Guru di Sekolah Kebangsaan Convent Muar, Johor. Mempunyai pengalaman menulis di dalam buku-buku antaranya Buku Literasi Permata Pintas dan Modul Literasi Jurulatih Utama Pemulihan Khas Negeri Johor. Sedang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana bagi memantapkan ilmu dalam bidang yang dicintainya ini.



Norhayati Ramlee dilahirkan pada 15 Ogos 1964 di Kluang Johor. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Convent Kluang Johor dan Convent Alor Setar Kedah. Menyambung pelajaran di peringkat Diploma Stenographer di UiTM Perlis, Ijazah Sarjana Muda Kewartawanan di UiTM Shah Alam dan Sarjana Perhubungan Korporat di Universiti Putra Malaysia. Pernah berkhidmat di TV3, Telekom Malaysia sebagai Setiausaha, Puspakom sebagai Pegawai Perhubungan Korporat, RTM dan Kumpulan Karangraf sebagai wartawan. Berpengalaman menghasilkan karya dalam majalah Fokus SPM, MIDI dan akhbar Sinar Harian. Kini bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media di UiTM Shah Alam. Seorang yang sederhana, positif, dan suka menuntut ilmu yang bermanfaat.

